

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : ELAUN, TUNTUTAN DAN BONUS AHLI-AHLI LEMBAGA SELANGOR
INDUSTRIAL CORPORATION SDN BHD (SIC)**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
 - a) Senaraikan Ahli-ahli Lembaga SIC bagi tahun 2010.
 - b) Berapakah elaun dan tuntutan bulanan setiap Ahli Lembaga SIC bagi tahun 2010?
 - c) Berapakah bonus, jika ada, yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga SIC bagi tahun 2010?

JAWAPAN :

- a) Senarai Ahli Lembaga Pengarah SIC bagi tahun 2010 seperti berikut :-

Bil.	Nama	Jawatan Semasa	Lembaga Pengarah
1.	Encik Othman Hj. Omar	Pengurus Besar PKNS	Pengerusi Syarikat
2.	Y.Bhg. Dato' Hj. Md. Nasir Md. Arshad (sehingga 31 Disember 2010)	Timbalan Pengurus Besar (Pentadbiran & Pembangunan)	Pengarah
3.	Puan Norzila Sidek	Pengurus Kanan Pembangunan Busines	Pengarah
4.	Tuan Ir. Izharuddin Abd Rahman	Pengurus Kanan Pengurusan Projek	Pengarah

- b) Untuk tahun 2010, tiada elaun dan tuntutan bulanan yang dibayar kepada Ahli Lembaga Pengarah kecuali elaun Tambahan (Perkhidmatan) Pengerusi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan PKNS untuk Pengerusi Syarikat Encik Othman Hj. Omar sebanyak RM5,750.00 sebulan.
- c) Belum ada sebarang bayaran yang dibuat pada tahun 2010. Cadangan yuran Pengarah dan bonus akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan PKNS akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : SKIM KESIHATAN WANITA

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan perkembangan terkini dan bagaimanakah sambutan para kaum wanita terhadap program kempen 1 Juta Wanita Selangor Sihat melalui pemeriksaan Mammogram?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan untuk menjayakan program tersebut?
- c) Sekiranya wanita yang menyertai pemeriksaan Mammogram tersebut telah didapati mempunyai kesan awal seperti benjol kanser dan berkemungkinan diserang kanser payudara, sila nyatakan apakah nasihat serta bantuan yang akan diberikan oleh Kerajaan terhadap wanita itu?

JAWAPAN :

- a) Program Pemeriksaan Mammogram Percuma Selangor (MammoSel) telah dilancarkan pada 11 April 2010 yang lepas di mana program ini bertujuan untuk memberi perkhidmatan pemeriksaan mammogram secara percuma kepada seluruh wanita negeri Selangor. Kerajaan Negeri berpendapat program ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial yang boleh dinikmati oleh wanita Selangor dan sambutan yang diterima untuk program ini amat memberangsangkan.
- b) Bagi tahun 2010, seramai 2688 orang wanita dari 34 kawasan Dewan Negeri Selangor telah menjalani pemeriksaan mammogram secara percuma ini dengan peruntukan sebanyak RM 242,400.00
- c) Seseorang yang telah didiagnosis dan mendapati bahawa diri beliau menghidap sebarang penyakit kanser, beliau boleh mendapatkan rawatan susulan di hospital-hospital sama ada kerajaan atau pun swasta. Terdapat beberapa rawatan yang perlu dijalani oleh pesakit barah payudara contohnya seperti pembedahan pembuangan tumor, kemoterapi atau radioterapi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah peruntukkan MARRIS yang diberikan oleh kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri pada tahun 2010?
 - b) Apakah mekanisme yang digunakan untuk mengagihkan peruntukkan tersebut kepada PBT dan jabatan yang terlibat?
 - c) Sila nyatakan peruntukkan MARRIS yang diberikan kepada PBT dan jabatan yang terlibat pada tahun 2010.

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman, jumlah peruntukan MARRIS yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 adalah sebanyak **RM 351,659,938.00**.
- b) Peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah diperuntukkan di dalam bajet tahunan pembangunan iaitu P12 dan P13 sementara peruntukan MARRIS yang diperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) disalurkan secara geran tahunan berdasarkan dasar semasa Kerajaan Negeri.
- c) Jumlah peruntukan MARRIS kepada setiap PBT dan Jabatan yang terlibat pada tahun 2010 adalah berjumlah **RM243,500,000.00**.

Peruntukan terperinci adalah seperti di Lampiran 1.

Lampiran 1**Perbelanjaan Peruntukan MARRIS bagi Tahun 2010**

Bil.	Jabatan	Jumlah Perbelanjaan (RM)
1.	Menteri Besar & Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	8,000,000.00
2.	Perbendaharaan Negeri Selangor	10,000,000.00
3.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	156,000,000.00
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)	1,000,000.00
5.	Peruntukan Luar Jangka (P29)	5,000,000.00
6.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	63,500,000.00
JUMLAH		243,500,000.00

Maklumat Tambahan
Perbelanjaan Penyelenggaraan Jalan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010

Maksud Perbelanjaan	2010		
	Perbelanjaan Anggaran	Perbelanjaan Sebenar	Penggenapan Jumlah
	RM	RM	RM
P01 MENTERI BESAR & S.U.K			
03000 Pembangunan Kampung			
03004 Penyelenggaraan Jalan Kampung	-	-	
Jumlah Pembangunan Kampung	-	-	
25000 Pengambilan Balik Tanah			
25001 Pengambilan Balik Tanah	23,503,479.00	8,578,472.16	
Jumlah Pengambilan Balik Tanah	23,503,479.00	8,578,472.16	
JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN MENTERI BESAR & S.U.K	23,503,479.00	8,578,472.16	8,000,000.00
P04 PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR			
03207 Membina Jln Penyambung & Menaiktaraf Jln Hj Abd Manan Di Antara Bandar Kapar &		2,106,900.00	
03303 Jln Kg Sawah Ke Telok Panglima Garang		1,023,972.00	
04507 Jln Bangi Ke Kisdar	10,000,000.00	2,965,215.00	
04704 Jalan Negeri B42 (Jalan Simpang Tiram Burok - Batang Berjantai - Fasa 1 - Interim No. 34		752,600.00	
04907 M/1 & Melebar Jln Sambungan Sekinchan Ulu Bernam		3,151,313.00	
Jumlah	10,000,000.00	10,000,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN P04	10,000,000.00	10,000,000.00	10,000,000.00
P12 JABATAN KERJA RAYA SELANGOR			
01000 Pelbagai Rancangan			
01001 Membaikpulih Cerun	9,987,789.51	9,979,319.05	
01002 Membaikpulih Jambatan Seluruh Selangor	16,334,803.60	15,952,315.99	
Jumlah Pelbagai Rancangan	26,322,593.11	25,931,635.04	
02000 Permulaan Projek			
02002 Menurap Dengan Tar Jalan-Jalan Tanah Merah	1,600,000.00	1,554,415.40	
02003 Membina Jejantas Di Seluruh Negeri Selangor	169,220.23	169,220.23	
02004 Membaiki Persimpangan di Seluruh Negeri Selangor	4,860,000.00	4,422,170.62	
Jumlah Kerja-kerja Permulaan Projek	6,629,220.23	6,145,806.25	
03000 Pembinaan Jalan Dan Jambatan			
03206 Membina Jalan Sambungan Dari Jalan Raja Nong Ke Sg Jati Klang	1,000,000.00	993,173.15	
03207 Membina Jln Penyambung Dan Menaiktaraf Jln Hj Abd Manan Diantara Bandar Kapar Dan Meru	11,000,000.00	10,999,300.00	
03303 Jln Kampung Sawah Ke Telok Panglima Garang	11,000,000.00	11,000,000.00	
03304 Membina Jln Sg. Kelambu - Genting Sanyen (Fasa 1)	1,240,320.09	1,240,320.08	
03312 Membina Jalan Masuk Ke Tapak Cadangan Sanitary LAN	3,706,361.59	3,706,343.11	
03501 Membina Jalan Sambungan B18/B20 Fasa III	261,111.47	261,111.47	
03601 Jalan Dari Rantau Panjang Ke Berjantai Bestari	-	-	
03607 Jalan Kg Part 2, 3, 4	-	-	
03618 Membina Jalan Dari Tanah Rancangan Api-Api ke Bandar Baru	850,000.00	849,879.30	
03704 Membina Jalan Dari Kerling ke Sg Tenggi	2,200,000.00	2,088,445.50	
Jumlah Pembinaan Jalan Dan Jambatan	31,257,793.15	31,138,572.61	
04000 Menaiktaraf Jalan Dan Jambatan			
04101 Menaiktaraf Jambatan R.C Daerah Petaling	-	-	
04104 Menaiktaraf Jalan Klang Lama Shah Alam	3,499,694.19	2,624,694.19	
04108 Melebar Jln, Menaik Aras Dan Memperkukuhkan Jln Kg Baru	200,000.00	-	
04109 Melebarkan Jln Dan Memperkukuhkan Jln Monterey Ke TUDM	11,800,000.00	11,536,100.00	
04110 Cadangan Bagi Kerja-Kerja Melebarkan Jalan Diseluruh	1,000,000.00	995,472.50	
04111 Melebarkan Jalan Dan Memperkukuhkan Jalan-Jalan Kg	2,300,000.00	2,214,081.00	
04118 Melebar Jln Dan Memperkukuhkan Jalan-Jalan Seri Serdang	736,994.04	125,353.24	
04129 Menaiktaraf Jalan Monfort	7,000,000.00	7,000,000.00	
04201 Menaiktaraf Jalan Sungai Plong (B25)	1,600,000.00	1,599,913.50	
04209 Menaiktaraf Jalan Sg Pusu B22	107,972.40	88,672.40	
04211 Menaiktaraf Jalan-Jalan Daerah Gombak	200,000.00	161,057.90	
04301 Mengganti Jambatan Dalam Daerah Klang	82,500.00	82,500.00	
04304 Melebar, Memperkukuhkan Dan Menurap Semula Jln Bukit	376,700.00	360,289.10	
04312 Melebar, Memperkukuhkan Dan Menurap Semula Jalan-Jalan	500,000.00	499,988.60	
04313 Melebar, Memperkukuhkan Dan Menurap Semula Jalan-Jalan Kg Jln Kebun	1,603,452.66	1,559,452.66	
04414 Melebarkan Jalan Labuhan Dagang	-	-	
04507 Jalan Bangi Ke Kisdar	12,000,000.00	12,000,000.00	
04509 Menaiktaraf Jalan Sungai Tekall	1,000,000.00	999,795.00	
04702 N/T Laluan B188 - Jln Bagan Pasir Tg Karang	625,179.30	625,179.30	
04703 N/T Jln Negeri B35 (Jln Spg 3 Ijok - Btg Berjantai)	6,000,000.00	5,999,908.63	
04704 N/T Jln Negeri B42 (Jln Spg Tiram Buruk - Btg Berjantai) Fasa 1	11,200,000.00	11,199,825.87	
04710 N/T Jln Negeri B33 (Jln Spg Tiram Buruk - Btg Berjantai) Fasa 1	1,500,000.00	1,491,574.20	
04907 Menaiktaraf & Melebar Jln Sambungan Sekinchan Ulu Bernam	1,000,000.00	999,999.99	
04975 M/Taraf Dan M/Pulih Jln Di Kg Sg Air Tawar	2,800,000.00	2,746,070.30	
Jumlah Menaiktaraf Jalan Dan Jambatan	67,132,492.59	64,909,928.38	
JUMLAH JABATAN KERJA RAYA NEGERI	131,342,099.08	128,125,942.28	128,000,000.00
P13 JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN			
08001 Menurap Jalan-Jalan Ladang	1,050,000.00	1,049,776.00	
JUMLAH JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN	1,050,000.00	1,049,776.00	1,000,000.00
P29 LUAR JANGKA			
03207 Membina Jln Penyambung & Menaiktaraf Jln Hj Abd Manan Di Antara Bandar Kapar &	5,000,000.00	1,868,900.00	
04507 Jln Bangi Ke Kisdar		3,131,100.00	
JUMLAH PERUNTUKAN LUAR JANGKA	5,000,000.00	5,000,000.00	5,000,000.00
B12 JABATAN KERJA RAYA			
Pembinaan & Penyelenggaraan Jalan Raya Dan Jambatan			
10000 Emolumen	558,791.00	470,180.19	
20000 Perkhidmatan Dan Bekalan	29,500,841.00	29,302,244.04	
Jumlah Pembinaan & Penyelenggaraan Jln Raya Dan Jambatan	30,059,632.00	29,772,424.23	
JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN JKR	30,059,632.00	29,772,424.23	28,000,000.00
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)			63,500,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	200,955,210.08	182,528,614.67	243,500,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MAKSIAT DI SELANGOR

4. Kes-kes maksiat di Selangor terus meningkat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah gejala-gejala yang membawa kepada berkembangnya maksiat di Selangor?
- b) Apakah tindakan dilakukan bagi mengurangkan gejala maksiat di Selangor?
- c) Sejauh manakah penglibatan semua kaum dalam membasmi gejala maksiat.

JAWAPAN :

a) Gejala-gejala tersebut ialah :

- 1. Pertambahan Hotel-hotel Bajet
- 2. Pertambahan Premis Judi
- 3. Pertambahan Premis Rumah Urut
- 4. Pertambahan Pusat-pusat Hiburan
- 5. Pertambahan Pusat-pusat Hiburan yang menyediakan Arak

b) Tindakan yang telah diambil oleh pihak Penguatkuasaan, JAIS ialah :

- 1. Mengadakan rondaan berkala pada setiap hari di Zon-zon Hotspot.
- 2. Menjalankan pemantauan di Hotel-hotel Bajet, premis rumah urut, premis judi dan pusat-pusat hiburan.
- 3. Mengedarkan risalah/ pamflet.

c) Bagi orang bukan Islam, JAIS turut menerima aduan daripada mereka mengenai pelanggaran Undang-Undang di kalangan orang Islam, tetapi jumlah tersebut sangat terencil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : PERBELANJAAN PERUNTUKAN ADUN

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Bagaimana cara perbelanjaan peruntukan DUN Kawasan Sungai Pelek dan sila kemukakan penyata terperinci berkenaan.
 - b) Adakah peruntukan bagi DUN Sg. Pelek disalurkan ke kawasan lain demi kepentingan politik ADUN PR yang diamanahkan menjaga DUN Sg. Pelek?

JAWAPAN :

- a) Cara perbelanjaan peruntukkan DUN Kawasan Sungai Pelek adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 1 tahun 2010 berhubung Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Dewan Negeri Selangor.

Perincian perbelanjaan peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADN) Kawasan Dewan Negeri Sungai Pelek (N56) bagi tahun 2010 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- b) Setiap Ahli Dewan Negeri (ADN) di Selangor mendapat peruntukan yang sama bagi memastikan program atau projek pembangunan kawasan ADN yang dipilih berjalan lancar. pelaksanaannya adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Selangor Bil. 1/2010 yang sedang berkuat kuasa. dalam hal ini, tiada peruntukan bagi DUN Sungai Pelek (N56) yang diluluskan atau disalurkan kepada mana-mana DUN lain di Negeri Selangor kerana setiap ADN adalah diminta untuk berbelanja berdasarkan peruntukan sedia ada tanpa melibatkan pertambahan peruntukan dari mana-mana sumber.

SENARAI PERBELANJAAN PERUNTUKAN ADN SUNGAI PELEK TAHUN 2010
WARAN: (O.R.G) RM 500,000.00

BIL.	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
1	21/01/2010	Memohon Sumbangan Untuk Menjayakan Kursus Penghayatan Ibadat Solat Kanak-kanak.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0001 (S) No. Cek: 670232 Tarikh: 25.01.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
2	21/01/2010	Memohon Peruntukan untuk Menganjurkan Upacara Pertunjukan Pentas Tokong Hock Shy Tarnng.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0002 (S) No. Cek: 670233 Tarikh: 25.01.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
3	21/01/2010	Memohon Sumbangan Jamuan Makan Malam dan Majlis Penyampaian Ganjaran Wang Kepada Anak Keahlian Sempena Ulang Tahun ke-51, Rumah Berhala Thin Long Kong.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0003 (S) No. Cek: 670234 Tarikh: 25.01.2010	PERSATUAN PENGANUT DEWA THIN LONG KONG
4	21/01/2010	Memohon Peruntukan Untuk Sambutan 'Count Down' 2010.	3,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0004 (S) No. Cek: 670235 Tarikh: 25.01.2010	JKKK KG. BARU SG. PELEK
5	21/01/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Untuk Pesakit (Nipah bt Tahir, 360622-10-5448).	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0005 (S) No. Cek: 670236 Tarikh: 25.01.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
6	21/01/2010	Memohon Peruntukan Untuk Projek Pembinaan Bangunan Baru Sekolah.	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0008 (S) No. Cek: 670239 Tarikh: 25.01.2010	J/K PEMBINAAN BANGUNAN SEKOLAH SJK (C) WAH LIAN SG. PELEK
7	21/01/2010	Perkhidmatan Bas Untuk Majlis Rumah Terbuka Krismas Peringkat N.Selangor 2009	450.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0009 (S) No. Cek: 670240 Tarikh: 25.01.2010	SRG TRANSPORT
8	21/01/2010	Sumbangan untuk PA System & LCD Projector bg Kempen OSCC N.Selangor Peringkat DUN N56 Sg. Pelek.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0010 (S) No. Cek: 670241 Tarikh: 25.01.2010	MOHD. HARIZ ENTERPRISE
9	21/01/2010	Permohonan Sumbangan Peruntukan Majlis Virgil 2009.	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0011 (S) No. Cek: 670242 Tarikh: 25.01.2010	YUSSRI B. ABDULLAH

BIL.	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS REMBAYUAN	PENERIMA
10	2/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Sempena Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2010 untuk OKU & Orang Berpendapatan Rendah.	10,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0006 (S) No. Cek: 670238 Tarikh: 25.01.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
11	2/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Sempena Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2010 untuk Fakir Miskin	10,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 0007 (S) No. Cek: 670237 Tarikh: 25.01.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
12	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Kanagasabai a/l Velautha Kavindan (401107-1-5281).	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00012 (S) No. Cek: 670243 Tarikh: 08.02.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
13	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Azmiah binti Mohamad Long (670319-10-6054).	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00013 (S) No. Cek: 670244 Tarikh: 08.02.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
14	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Palaniammah a/p Kandasamy (440217-05-5010).	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00014 (S) No. Cek: 670245 Tarikh: 08.02.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
15	8/2/2010	Menyediakan Tempat Solat Dalam Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat DUN N56 Sg. Pelek.	1,955.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00015(S) No. Cek: 670246 Tarikh: 08.02.2010	ELLAY ENTERPRISE
16	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Perayaan Thai Ponggal.	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00016 (S) No. Cek: 670247 Tarikh: 08.02.2010	SRI MAHA MARIAMMAN TEMPLE
17	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Mengadakan Kursus "Smart Solat" Anjuran Masjid Kg. Salak Tinggi, Sepang.	500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00017 (S) No. Cek: 670248 Tarikh: 08.02.2010	MASJID KG. SALAK TINGGI'
18	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Perayaan Thai Ponggal.	300.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00018 (S) No. Cek: 670249 Tarikh: 08.02.2010	PERSATUAN PENGIKUT-PENGIKUT DEWA SRI RAMAR-SUBRAMANJAR
19	8/2/2010	Membuat Banner untuk Tahun Baru Cina 2010.	691.20	Sudah Bayar No. Baucer: 00019 (S) No. Cek: 670250 Tarikh: 08.02.2010	SYARIKAT IKLAN & PERNIAGAAN LIAN HUP

BIL	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
20	8/2/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Untuk Perkhemahan Pengakap Kanak-kanak.	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00020 (S) No. Cek: 695851 Tarikh: 08.02.2010	SJK (C) CHIA CHIAO
21	9/3/2010	Memasang dan Menurun Bunting dan Banner untuk Tahun Baru Cina 2010	600.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00021 (S) No. Cek: 695852 Tarikh: 10.03.2010	WOON SIEW LIM
22	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Peruntukan Program Gotong Royong Pembersihan Sekitar RTB Labu Lanjut & Premis-premis JKK Kg. Baru Lanjut.	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00022 (S) No. Cek: 695853 Tarikh: 24.03.2010	JKK SURAU DESA RTB LABU LANJUT
23	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Sumbangan Sempena "Karnival Sambutan Maulidurrasul 1431H" Taman Sri Bayu Bagan Lalang.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00023 (S) No. Cek: 695854 Tarikh: 24.03.2010	SURAU AN NUR
24	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Memohon Sumbangan Ikhlas untuk Membiayai Kos Pesta Ponggal 2010.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00024 (S) No. Cek: 695855 Tarikh: 24.03.2010	PERSATUAN PEMBINAAN KUIL ARULMIGU SRI MAHA MARIAMMAN
25	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Memohon Peruntukan untuk Membersihkan Sampah & Memotong Rumput di Kg. Chincang	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00025 (S) No. Cek: 695856 Tarikh: 24.03.2010	JKKK KG. BARU SALAK
26	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Permohonan Peruntukan bagi Menganjurkan Program Sambutan Maulidurrasul 1431H/2010 Peringkat Jawatankuasa Perundingan Penduduk Zon BBST Utara.	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00026 (S) No. Cek: 695857 Tarikh: 24.03.2010	ROHAYA BINTI DATUK MOHD SHAHIR
27	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Memohon Sumbangan Jamuan Sempena Aktivit G.Royong Sekolah	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00027 (S) No. Cek: 695858 Tarikh: 24.03.2010	PIBG SEK REN KEB METHODIST SG. PELEK
28	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Memohon Sumbangan untuk Program G.Royong JKKK Kg. Bagan Lalang	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00028 (S) No. Cek: 695859 Tarikh: 24.03.2010	JKKK KG. BAGAN LALANG
29	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Bantuan Peralatan Surau Kg. Lembah Paya Salak.	985.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00029 (S) No. Cek: 695860 Tarikh: 24.03.2010	MUTIARA IT & MULTIMEDIA

BIL	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
30	24/3/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai - Memohon Sumbangan Untuk Baik Pulih Sek. KAFA Intergrasi Al-Hijrah Kg. Bagan Lalang	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00030 (S) No. Cek: 695861 Tarikh: 24.03.2010	KAFI AL HIJRAH KG. BAGAN LALANG
31	24/3/2010	Program & Aktiviti Mesra Rakyat - Sumbangan Tambahan Untuk Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2010, Peruntukan untuk Orang Miskin, Org Berpendapatan Rendah & OKU DUN N56 Sg. Pelek.	2,002.50	Sudah Bayar No. Baucer: 00031 (S) No. Cek: 695862 Tarikh: 24.03.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SG. PELEK
32	7/4/2010	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Baik Pulih Pagar ' Chain Link Plastic Coated' Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya di Balai Raya, Kg Tg. Mas, Bt 2, Sepang.	19,780.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00032 (S) No. Cek: 695863 Tarikh: 07.04.2010	ZAHRA NIAGA ENTERPRISE
33	7/4/2010	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Baik Pulih Jalan Premix Serta Telinga Culvert di Jalan Ketua Kampung, Kg Tg. Mas, Bt 2, Sepang.	19,600.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00033 (S) No. Cek: 695864 Tarikh: 07.04.2010	SHAMA CONSTRUCTION
34	14/04/2010	Kerja-Kerja Membaiki dan Memasang Longkang Sepanjang 150 Meter di Lapis Lima Kampung Baru Sunagi Pelek.	19,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00034 (S) No. Cek: 695865 Tarikh: 15.04.2010	BUMI EMPAT ENTERPRISE
35	14/04/2010	Kerja-Kerja Membaiki dan Memasang Longkang di Taman Sri Merbau 1, Sg. Pelek.	17,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00035 (S) No. Cek: 695866 Tarikh: 15.04.2010	MYT BERKAT ENTERPRISE
36	14/4/2010	Kerja-Kerja Membina Tembok Sekolah Kebangsaan Methodist, Sungai Pelek, Sepang	13,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00036 (S) No. Cek: 695867 Tarikh: 15.04.2010	FASCO DAYA MAJU
37	14/4/2010	Kerja-Kerja Menurap Premix Jalan Sejauh 250m x 2m di Kg. Giching, Salak.	19,740.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00037 (S) No. Cek: 695868 Tarikh: 15.04.2010	MOMAT ENTERPRISE
38	15/4/2010	Kerja-Kerja Mengorek dan Mencuci Semula Parit Serta Kerja-Kerja Menambak Crusher-Run dan Premix Baru Di Taman Sri Merbau 1, Sg. Pelek	15,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00038 (S) No. Cek: 695869 Tarikh: 15.04.2010	FARIHAS ENTERPRISE
39	15/04/2010	Sumbangan Kemasyarakatan secara Tunai - untuk Majlis Tilawah Al-Quran Daerah Sepang.	500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00039 (S) No. Cek: 695870 Tarikh: 15.04.2010	SMK PANTAI SEPANG PUTRA

BIL	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
40	15/04/2010	Sumbangan Kemasyarakatan secara Tunai - untuk Sambutan Hari Perayaan Kuil Sri Maha Mariamman Ladang Teluk Merbau.	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00040 (S) No. Cek: 695874 Tarikh: 15.04.2010	SRI MAHA MARIAMMAN TEMPLE
41	15/04/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai- Untuk Atlet Silat Sepang yang Mewakili Selangor dan Peralatan Latihan	4,400.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00041 (S) No. Cek: 695875 Tarikh: 15.04.2010	PESAKA DAERAH SEPANG
42	15/04/2010	Menyediakan Minum Petang bagi Majlis Pembayaran Fasa Kedua (Siri Pertama 2010) Skim Mesra Usia Emas Dun N56 Sg. Pelek dan Dun Dengkil	360.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00042 (S) No. Cek: 695873 Tarikh: 15.04.2010	EDY AKHBAR BIN IBRAHIM
43	15/04/2010	Kerja-Kerja Membersih, Meracun Longkang dan Membersih takungan Air di Jalan Haji Supi Kampung Salak	13,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00043 (S) No. Cek: 695876 Tarikh: 15.04.2010	TEMUAN SEPAKAT ENTERPRISE
44	15/04/2010	Tabung Wang Pendahuluan ADUN	30,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00044 (S) No. Cek: 695877 Tarikh: 15.04.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
45	24/05/2010	Kerja-Kerja Membina Pondok Bas Taman Kedidi di Bagan Lalang dan Kerja-Kerja Berkaitan	15,700.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00045 (S) No. Cek: 695878 Tarikh: 24.05.2010	PAKATAN TEKNIK ENTERPRISE
46	24/05/2010	Kerja-Kerja Mengorek Parit Tanah dan Meracun Serta Kerja-Kerja Berkaitan di Jalan Seri Jaya, Kg Hulu Chuchoh	15,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00046 (S) No. Cek: 695879 Tarikh: 15.04.2010	SEPANG PADU ENTERPRISE
47	29/06/2010	Kerja-Kerja Membaiki, Memasang Siling dan Mengganti Papan Lapis Dinding di Rumah PPRT En. Kamal Bin Abdullah, Alamat No.150, Batu 27, Jenderam Hulu.	9,760.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00047 (S) No. Cek: 695880 Tarikh: 29.06.2010	WARISAN ERAS ENTERPRISE
48	29/06/2010	Kerja-Kerja Membina Pondok Menunggu bagi Murid S.K. Kampung Baharu Lanjut	15,064.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00048 (S) No. Cek: 695881 Tarikh: 29.06.2010	IZZAT MAJU
49	29/6/2010	Memohon Peruntukan untuk menganjurkan upacara Sembahyang musim bunga di Tapak Perkuburan Cina Salak.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00049 (S) No. Cek: 695883 Tarikh: 29.06.2010	THIAM KONG HONG & NG THIAN MENG

BIL	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
50	29/6/2010	Sumbangan untuk menyambut Hari Pekerja 2010	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00050 (S) No. Cek: 695884 Tarikh: 29.06.2010	MUNIANDY A/L MOTTAYAN
51	29/6/2010	Memohon Peruntukan dana untuk program meningkatkan sosio-ekonomi kaum wanita Kg. Hulu Chuchoh melalui kursus jahitan berkelompok siri 1, (Baju Kurung Pesak) - 10 Orang peserta.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00051(S) No. Cek: 695885 Tarikh: 29.06.2010	JKKK KG HULU CHUCHOH
52	29/06/2010	Permohonan untuk mendapatkan peruntukan wakil rakyat DUN Selangor bagi sumbangan kepada pelajar cemerlang, warga emas dan kurang upaya sempena Majlis Mesra bersama pemimpin dengan penduduk Kg. Giching	1,200.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00052(S) No. Cek: 695886 Tarikh: 29.06.2010	JKKK KG SALAK TINGGI
53	29/06/2010	Memohon peruntukan dana bagi Program Mesra Rakyat bersama penduduk Kampung.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00053(S) No. Cek: 695887 Tarikh: 29.06.2010	JKKK KG HULU CHUCHOH
54	29/06/2010	Memohon peruntukan dana bagi membiayai program motivasi pelajar tahun 5 & 6 Kafa Integrasi Ehsanuddin Kampung Hulu Chuchoh.	1,875.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00054(S) No. Cek: 695888 Tarikh: 29.06.2010	KAFA INTEGRASI EHSANUDDIN
55	29/06/2010	Memohon sumbangan untuk membeli pam air bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai Sepang Putra, Sungai Pelek	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00055(S) No. Cek: 695889 Tarikh: 29.06.2010	PIBG SMK PANTAI SEPANG PUTRA
56	29/06/2010	Memohon peruntukan untuk menganjurkan perayaan ulang tahun Persatuan Penganut Dewa Natoting Sepang	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00056(S) No. Cek: 695890 Tarikh: 29.06.2010	PERSATUAN PENGANUT DEWA NATOTING SEPANG
57	29/06/2010	Sukan Tahunan 2010 Ke 30, Sekolah Kebangsaan Kg. Baharu Lanjut.	500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00057(S) No. Cek: 695891 Tarikh: 29.06.2010	PIBG SEK. KEB. KG. BAHARU LANJUT
58	29/06/2010	Menyediakan makan & minum petang bagi majlis penyampaian Fasa Kedua (Siri Ketiga 2010) SMUE DUN 56 Sg Pelek dan DUN Dengkil, Sepang.	720.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00058(S) No. Cek: 695892 Tarikh: 29.06.2010	EDY AKHBAR BIN IBRAHIM
59	29/06/2010	Memohon Sumbangan belanja mewujudkan sudut pembelajaran sendiri / Sal (Self Access Learning)	1,630.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00059(S) No. Cek: 695893 Tarikh: 29.06.2010	PIBG SEK. KEB. KG. BAHARU LANJUT

BIL	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
60	29/06/2010	Memohon peruntukan meja untuk balairaya JKKK Kg Baharu Lanjut	1,650.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00060(S) No. Cek: 695894 Tarikh: 29.06.2010	PERNIAGAAN CIN YANG
61	29/06/2010	Membeli meja untuk kegunaan pejabat pusat khidmat masyarakat DUN 56 Sungai Pelek	825.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00061(S) No. Cek: 695896 Tarikh: 29.06.2010	PERNIAGAAN CIN YANG
62	29/7/2010	Memohon Dana Untuk Tabung PIBG Sekolah	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00062(S) No. Cek: 695898 Tarikh: 29.07.2010	PIBG SRJK (T) BDR BARU SALAK TINGGI
63	29/7/2010	Memohon Sumbangan Bagi Program Tilawah Al-Quran	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00063(S) No. Cek: 695899 Tarikh: 29.07.2010	JKKK KG TANJUNG MAS
64	29/7/2010	Memohon Peruntukan Bagi PIBG SJK (C) Sepang Untuk Tujuan Menjalankan Aktiviti-Aktiviti Tahunan	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00064(S) No. Cek: 695900 Tarikh: 29.07.2010	PIBG SJK (C) SEPANG
65	29/7/2010	Memohon Bantuan Kewangan untuk Kuil Sri Maha Mariammam Kg. Chincang	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00065(S) No. Cek: 695901 Tarikh: 29.07.2010	GUNASEGARAN A/L PERUMAL
66	29/7/2010	Memohon Peruntukan untuk Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun Persatuan	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00066(S) No. Cek: 695902 Tarikh: 29.07.2010	PERSATUAN KETURUNAN TANG MALAYSIA SELATAN
67	29/7/2010	Memohon Peruntukan Dana Bagi Program Sambutan Israk Mikraj	700.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00067(S) No. Cek: 695903 Tarikh: 29.07.2010	JKKK KG HULU CHUCHOH
68	29/7/2010	Sumbangan Kepada Kursus Pengenalan Rela Siri 02/2010 Daerah Sepang pada 6 Jun 2010	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00068(S) No. Cek: 695904 Tarikh: 29.07.2010	RELA 0235 SG. PELEK
69	29/7/2010	Memohon Peruntukan untuk Menganjurkan Perayaan Ulang tahun Kelab Nyanyian Warga Mas Sg. Pelek	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00069(S) No. Cek: 695905 Tarikh: 29.07.2010	KELAB NYANYIAN WARGA MAS SUNGAI PELEK.

NO.	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	BENEFITARIA
70	29/7/2010	Majlis Penyampaian Notis 5A Kepada Penduduk Kampung Baru Sungai Pelek.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00070(S) No. Cek: 695906 Tarikh: 29.07.2010	REZEKI FOODSTUFF ENTERPRISE
71	29/7/2010	Memohon Peruntukan Peralatan untuk Masyarakat DUN N56	13,100.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00071(S) No. Cek: 695908 Tarikh: 29.07.2010	CLAY CITY TRADING SDN BHD
72	29/7/2010	Memohon Peruntukan Bagi Menganjurkan Program Seminar Strategi Menjawab Soalan Peperiksaan UPSR 2010	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00072(S) No. Cek: 695909 Tarikh: 29.07.2010	IKATAN WANITA ISLAM SEPANG (E-WANIS)
73	29/7/2010	Membeli Barang-Barang Elektrik Untuk Balai Raya Kampung Baru Lanjut	3,103.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00073(S) No. Cek: 695910 Tarikh: 29.07.2010	SYARIKAT SENG BROTHERS LETRIK
74	29/7/2010	Memohon Peruntukan untuk Mengadakan Program Hari Kesihatan di Balairaya Kampung Baru Lanjut.	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00074(S) No. Cek: 695911 Tarikh: 29.07.2010	JKKK KG BARU LANJUT
75	29/7/2010	Memohon Peruntukan Untuk Membuat Program Mesra Penduduk Kampung dan Pertandingan Ping Pong	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00075(S) No. Cek: 695912 Tarikh: 29.07.2010	JKKK KG JELUTONG INDAH
76	29/7/2010	Memohon Peruntukan DUN Untuk Program Mesra Rakyat	1,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00076(S) No. Cek: 695913 Tarikh: 29.07.2010	JKKK KG GICHING
77	8/8/2010	Memohon Kemudahan Jalan Bertar di Kuil Sri Athusaya Vinayagar Sungai Pelek	10,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00077(S) No. Cek: 695915 Tarikh: 11.08.2010	KUIL SRI ATHISAYA VINAYAGAR SUNGAI PELEK
78	9/8/2010	Memohon Peruntukan bagi Meraikan Hari Dewa Soo Tian Kong	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00078(S) No. Cek: 695916 Tarikh: 11.08.2010	SOO TIAN KONG TEMPLE
79	9/8/2010	Bayaran Sewa Mesin Fotostat untuk Satu Tahun	7,200.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00079(S) No. Cek: 695917 Tarikh: 11.08.2010	SASTRONIC SDN. BHD.
80	9/8/2010	Memohon Peruntukan untuk Program Bengkel Masakan Aneka Roti dan Pisang di Rumah Kaum Ibu di Kg. Jenderam Hulu	3,942.60	Sudah Bayar No. Baucer: 00080(S) No. Cek: 695918 Tarikh: 11.08.2010	JKKK JENDERAM HULU

NO.	TARIKH	PROJEK / (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS	PENERIMA
81	9/8/2010	Memohon Peruntukan untuk membaiki paip air	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00081(S) No. Cek: 695919 Tarikh: 11.08.2010	PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU SRJK (T) SEPANG
82	9/8/2010	Memohon Peruntukan untuk membiayai Kejohanan Bola Keranjang Lelaki Terbuka 2010	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00082(S) No. Cek: 695920 Tarikh: 11.08.2010	PERSATUAN BOLA KERANJANG DAERAH SEPANG
83	9/8/2010	Memohon Peruntukan untuk Rumah Kebajikan Kanak-kanak Roy Of Hope Pantai Sepang Putra	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00083(S) No. Cek: 695921 Tarikh: 11.08.2010	ROY OF HOPE CHILDREN'S HOPE
84	13/8/2010	Sumbangan Sempena Karnival Sambutan Maulidur Rasul 1431H/2010 Surau Taman Sri Bayu Bagan Lalang Sungai Pelek (cek gantian)	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00023(S) No. Cek: 695922 Tarikh: 11.08.2010	SURAU TAMAN SRI BAYU
85	17/8/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Raya Aidilfitri 2010 bagi Kampung Hulu Chuchoh & Kg. Bagan Lalang	11,830.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00084(S) No. Cek: 695923 Tarikh: 18.08.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
86	17/8/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Raya Aidilfitri 2010 bagi Kg. Jenderam Hulu & Kg Bharu Lanjut	9,880.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00085(S) No. Cek: 695924 Tarikh: 18.08.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
87	17/8/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Raya Aidilfitri 2010 bagi Kg Salak tinggi & Kg Giching	12,480.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00086(S) No. Cek: 695925 Tarikh: 18.08.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
88	17/8/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Hari Raya Aidilfitri 2010 bagi Kg jelutong Indah & Tanjung Mas	7,280.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00087(S) No. Cek: 695926 Tarikh: 18.08.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
89	26/8/2010	Permohonan Peruntukan bg menjayakan Pesta Tanglung Kampung Baru Salak	4,760.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00088(S) No. Cek: 695927 Tarikh: 26.08.2010	JKKK KG BARU SALAK
90	26/8/2010	Memohon Peruntukan Dana bg Program Rumah Terbuka JKKK Kg Hulu Chuchoh Sempena Hari Raya Aidilfitri 1431H	1,900.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00089(S) No. Cek: 695928 Tarikh: 26.08.2010	JKKK KG HULU CHUCHOH

91	26/8/2010	Bayaran untuk membaiki "Foging Machine"	337.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00090(S) No. Cek: 695929 Tarikh: 26.08.2010	LT. HARDWARE & MACHINERY TRADING
92	26/8/2010	Memohon Peruntukan untuk Menganjurkan Perayaan Ulang Tahun Persatuan	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00091(S) No. Cek: 695930 Tarikh: 26.08.2010	PERSATUAN KETURUNAN KELUARGA "SIM" SELANGOR
93	23/09/2010	Memohon Peruntukan Dana bg Program Rumah Terbuka JKKK Kg Hulu Chuchoh Sempena Hari Raya Aidilfitri 1431H	1,900.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00092(S) No. Cek: 695931 Tarikh: 23.09.2010	JKKK KG HULU CHUCHOH
94	23/09/2010	Memohon sumbangan Program Mengacau Dodol Bersama Rakyat	1,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00093(S) No. Cek: 695933 Tarikh: 23.09.2010	JKKK KG BAGAN LALANG
95	23/09/2010	Memohon Sumbangan Untuk Parayaan Ulang Tahun Kuil Malayali Karupana Swami	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00094(S) No. Cek: 695934 Tarikh: 23.09.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
96	23/09/2010	Memohon Sumbangan Untuk Perayaan Ulang Tahun Kuil Sri Maha Marianan Tg Mas Batu 2	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00095(S) No. Cek: 695935 Tarikh:23.09.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
97	23/09/2010	Memohon Peruntukan Untuk Mengadakan Majlis Berbuka Puasa di Surau Desa RTB Kg Baru Lanjut	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00096(S) No. Cek: 695936 Tarikh:23.09.2010	SURAU DESA RTB LABU LANJUT
98	23/09/2010	Memohon Peruntukan Untuk Persatuan Murid-Murid Tua Sekolah-Sekolah China Sg Pelek	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00097(S) No. Cek: 695937 Tarikh:23.09.2010	PERSATUAN MURID-MURID TUA SEKOLAH-SEKOLAH CHINA SG PELEK
99	23/09/2010	Sumbangan Program Majlis Sambutan Hari Raya Taman Sri Bayu	2,500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00098(S) No. Cek: 695938 Tarikh:23.09.2010	PERTUBUHAN PENDUDUK TAMAN SRI BAYU
100	29/092010	Bayaran Perkhidmatan Bas Untuk Program Sumbangan PEKAWANIS Sempena Ramadhan 2010	450.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00099(S) No. Cek: 695939 Tarikh:29.09.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK

BIL	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
101	29/09/2010	Memasang Penutup Longkang Yang Baru di Tepi Pasar Raya Bintang Ria, Sungai Pelek	450.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00100(S) No. Cek: 695940 Tarikh:29.09.2010	SINLITA ENGINEERING
102	29/09/2010	Sumbangan Makanan Untuk Orang Yang Terlibat Dalam Bencana Banjir di Kampung Chincang, Salak, Salak Tinggi, Giching dan Lembah Paya	929.60	Sudah Bayar No. Baucer: 00101(S) No. Cek: 695941 Tarikh:29.09.2010	REZEKI FOOD STUFF ENTERPRISE
103	29/09/2010	Bayaran Banner Untuk Hari Raya Aidilfitri 2010 dan Deepavali 2010	3,072.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00102(S) No. Cek: 695942 Tarikh:29.09.2010	EUGO ENTERPRISE
104	21/10/2010	Menyediakan makan dan minuman bagi majlis penyampaian SMUE Fasa Kedua (Siri Ke 5/2010) DUN Sungai Pelek dan DUN Dengkil pada 01/10/2010	600.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00103(S) No. Cek: 695943 Tarikh:21.10.2010	TUMIS CATERER
105	21/10/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk 2 orang budak yang mati lemas kerana bencana banjir di Kampung Jenderam Hulu - Pn Zaharah Binti Agus (381128-08-5616)	2,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00104(S) No. Cek: 695944 Tarikh:21.10.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
106	21/10/2010	Sumbangan Kemasyarakatan untuk Perayaan Deepavali 2010 (Tempat : Sepang)	12,740.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00105(S) No. Cek: 695945 Tarikh:21.10.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
107	21/10/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Untuk Perayaan Deepavali 2010 (Tempat : Pantai Sepang Putra, Bagan Lalang)	6,760.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00106(S) No. Cek: 695946 Tarikh:21.10.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
108	21/10/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Untuk Perayaan Deepavali 2010 (Tempat : Sungai Pelek)	12,870.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00107(S) No. Cek: 695947 Tarikh:21.10.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
109	21/10/2010	Sumbangan Kemasyarakatan Untuk Perayaan Deepavali 2010 (Tempat : Bandar Baru Salak Tinggi)	13,130.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00108(S) No. Cek: 695948 Tarikh:21.10.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
110	2/11/2010	Kerja-Kerja pemasangan paip dan juga meter SYABAS serta kerja-kerja pendawaian elektrik dan pemasangan meter TNB seeta kerja-kerja memasang longkang disekeliling di rumah serta kerja-kerja meninggikan semula apron di rumah En. Kamal Bin Abdullah, No.105, Batu 27, Jenderam Hulu, Dengkil	8,900.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00109(S) No. Cek: 747653 Tarikh:02.11.2010	RAJIMAS ENTERPRISE

BIL.	TARIKH	PROGRAM (ADN SUNGAI PELEK)	JUMLAH (RM)	STATUS PEMBAYARAN	PENERIMA
111	10/11/2010	Membaikpulihan gelanggang bola keranjang di Kg. Baru Salak	19,964.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00110(S) No. Cek: 747654 Tarikh:11.11.2010	ISMAIL BIN SAONAN
112	12/28/2010	Sumbangan untuk penganjuran Majlis Ihtifal PASTI Kali 1/2010	500.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00111(S) No. Cek: 747655 Tarikh:28.12.2010	PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT DUN N56 SUNGAI PELEK
113	12/28/2010	Sumbangan Untuk Majlis Berkhatan Beramai-Ramai	1,000.00	Sudah Bayar No. Baucer: 00112(S) No. Cek: 747656 Tarikh:28.12.2010	PIBG SK KG BAHARU LANJUT.
		JUMLAH	520,065.90		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : GARIS PANDUAN BERPAKAIAN

6. Terdapat kejadian ahli politik bukan Islam yang berpakaian tidak sesuai dengan sensitiviti agama dalam kawasan Masjid.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan garis panduan etika berpakaian bagi bukan Islam untuk memasuki kawasan Masjid dan Surau?
- b) Apakah kesan insiden pemakaian tidak sesuai tersebut kepada Umat Islam di Selangor?
- c) Bagaimanakah kefahaman perbezaan antara agama dapat diperkukuhkan?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mewujudkan satu garis panduan berhubung perkara ini yang dikenali sebagai Garis Panduan Penggunaan Masjid dan Surau di Negeri Selangor. Garis panduan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat MAIS Bil 1/2011 yang bersidang pada 22 Februari 2011.
- b) Sekiranya terdapat insiden orang bukan Islam memasuki masjid dan surau tanpa pemakaian yang sesuai, dikhuatiri akan menimbulkan rasa kurang senang di kalangan umat Islam yang akan menganggap orang bukan Islam mencemari rumah ibadat mereka. keadaan ini akan menyebabkan keharmonian antara kaum tercalar.
- c) Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan melakukan penerangan dari masa ke semasa berhubung garis panduan yang telah dikuatkuasakan termasuklah penerangan yang melibatkan non muslim.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN TANAH

7. Terdapat pihak yang ingin melabur dan memajukan tanah dengan projek, seperti pembinaan kampus cawangan UITM di Serendah dan membangunkan tanah bekas peneroka Sungai Buaya :-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan tertentu untuk menggantikan projek di kawasan tersebut dengan projek pembangunan yang lain.
- b) Tidakkah Kerajaan Negeri mengalami kerugian dengan penolakkan projek-projek yang hendak dibangunkan oleh pihak swasta tersebut.
- c) Bagaimanakah kerajaan negeri merancang untuk menyelesaikan masalah bekas peneroka Felda Sungai Buaya tersebut.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PASAR MALAM

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah hasil cukai pasar malam di Meru yang telah dikutip sepanjang 2008 hingga 2010?
 - b) Berapakah jumlah yang telah dibayar kepada badan pengurusan pasar malam dan tunggakan yang belum dibayar mengikut setiap pasar malam yang beroperasi?

JAWAPAN :

- a) Hasil cukai pasar malam di Meru yang telah dikutip adalah seperti berikut :
 - i) Tahun 2008 : RM 25,675.00
 - ii) Tahun 2009 : RM 250,076.00
 - iii) Tahun 2010 : RM 247,325.00
- b) Tiada tunggakan bayaran daripada pihak majlis kepada badan pengurusan pasar malam dan jumlah keseluruhan yang telah dibayar bagi tapak pasar malam adalah sebanyak RM 1,091,448.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : POLISI PERUMAHAN UNTUK 'HOMELESS' DI SELANGOR

9. Di Selangor masih terdapat masyarakat peneroka bandar "setinggalan" dan miskin kota yang tidak memiliki rumah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah polisi-polisi perumahan kerajaan negeri untuk mereka memiliki sebuah rumah?

JAWAPAN :

- a) Dalam memastikan setiap rakyat di Negeri Selangor berpeluang memiliki sebuah rumah khususnya rumah kos rendah, Kerajaan Negeri telah menetapkan syarat-syarat permohonan memiliki rumah kos rendah bagi memastikan banya mereka yang benar-benar berkelayakan sahaja memiliki rumah kos rendah. syarat-syarat permohonan rumah kos rendah di Negeri Selangor adalah seperti berikut :-
- i. Warganegara Malaysia
 - ii. Berumur 18 tahun ke atas
 - iii. Bermastautin di Negeri Selangor
 - iv. Pendapatan isi rumah (suami/isteri) mestilah tidak melebihi RM2,500.00 sebulan.
 - v. Pertimbangan boleh diberikan kepada mereka mempunyai pendapatan melebihi RM2,500 sekiranya mempunyai tanggungan melebihi 5 orang
 - vi. Pemohon bujang boleh memohon dengan pendapatan tidak melebihi RM2,500 sebulan dan
 - vii. Berdaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PRESTASI KUTIPAN CUKAI

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan prestasi kutipan cukai semua 12 pihak berkuasa tempatan bagi 2007-2010
- b) Apakah kaedah yang digunakan bagi mengutip cukai yang tertinggi?

JAWAPAN :

- a) Senarai prestasi kutipan cukai semua 12 pihak berkuasa tempatan bagi tahun 2007 hingga 2010 Seperti di lampiran "A"
- b) Pihak Berkuasa Tempatan komited dalam memastikan hasil cukai dapat dikutip dan di antara kaedah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - i) Menjalankan "personal approach" bagi syarikat, pemaju dan individu yang mempunyai tunggakan yang tinggi.
 - ii) Mewujudkan Jawatankuasa Hasil/ Task Force yang berfungsi untuk memantau prestasi kutipan dan isu-isu tunggakan cukai yang tinggi.
 - iii) Memberi kemudahan bayaran secara ansuran bagi menggalakkan bayaran cukai tunggakan.
 - iv) Mempelbagaikan saluran bayaran melalui perkhidmatan bank secara online .
 - v) Menyediakan kaunter bergerak bagi mempermudah bayaran dengan lokasi yang strategik.
 - vi) Mengadakan operasi sita secara berkala.

SOALAN NO 23 (a): PRESTASI KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DARI TAHUN 2007-2010

PBT	PRESTASI KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN															
	2007				2008				2009				2010			
	Semasa	%	Tunggakan	%	Semasa	%	Tunggakan	%	Semasa	%	Tunggakan	%	Semasa	%	Tunggakan	%
MBSA	132,332,864.99	93%	19,489,186.69	71%	131,360,083.71	90%	14,392,471.82	57%	133,171,178.60	90%	10,970,344.63	37%	139,350,195.31	90%	16,886,533.16	51%
MBPJ	142,340,380.00	89%	20,132,205.00	57%	145,018,152.00	89%	16,345,873.00	51%	146,166,526.00	89%	18,813,002.00	57%	153,074,522.00	88%	18,821,842.00	57%
MPK	117,603,631.48	95%	25,723,869.35	85%	114,706,144.60	89%	17,969,371.76	90%	119,563,543.05	89%	20,414,034.91	44%	124,788,921.46	90%	21,364,598.05	60%
MPAJ	71,804,277.94	93%	12,908,222.41	83%	69,291,925.35	85%	6,042,925.49	74%	71,225,715.98	85%	8,904,940.69	63%	72,723,764.95	87%	9,359,882.46	54%
MPSJ	121,554,870.03	90%	22,476,065.17	81%	128,789,773.63	91%	14,366,485.89	79%	136,935,960.60	94%	12,482,618.57	78%	145,508,966.25	96%	9,943,042.48	81%
MPS	67,717,669.39	91%	11,149,044.15	91%	68,982,326.72	91%	11,149,044.15	70%	74,191,438.73	92%	7,846,890.56	78%	79,678,122.53	95%	9,768,538.80	56%
MPKj	54,650,243.61	97%	8,511,476.27	44%	55,377,223.74	91%	6,914,314.38	49%	58,184,911.85	94%	8,825,283.98	50%	61,182,388.18	93%	9,663,584.80	74%
MPSp	35,009,399.00	90%	6,224,579.00	76%	33,771,881.00	85%	4,318,419.00	73%	37,962,966.00	92%	6,477,102.00	80%	37,333,542.00	88%	6,477,102.00	74%
MDKS	7,483,920.52	95%	2,122,171.91	42%	8,295,437.94	64%	2,515,945.14	26%	8,916,844.80	65%	2,284,749.95	20%	10,412,241.05	88%	3,186,532.47	49%
MDHS	18,393,324.98	78%	5,350,025.07	92%	16,861,986.06	92%	9,491,063.72	72%	18,054,817.56	98%	4,863,374.63	37%	20,880,160.96	99%	5,379,253.06	61%
MDKL	14,607,601.57	97%	1,387,007.84	69%	15,091,879.46	97%	957,875.28	48%	16,309,842.17	89%	2,180,507.10	73%	16,211,166.42	88%	3,916,717.44	98%
MDSB	2,827,326.30	87%	433,828.26	33%	2,884,726.64	84%	368,585.24	39%	2,856,145.64	79%	364,449.44	32%	3,039,493.30	82%	615,183.79	39%
JUMLAH	786,325,509.81		135,907,681.12		790,431,540.85		104,832,374.87		823,539,890.98		104,427,298.46		864,183,484.41		115,382,810.51	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TUDUHAN BAHAWA PBT SELANGOR HUTANG BIL ELEKTRIK TNB

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan menjelaskan sama ada benar bahawa PBT-PBT di Selangor, khususnya Majlis-majlis Daerah di Selangor, berhutang dengan Tenaga Nasional Berhad sehingga lampu-lampu jalan tidak dapat berfungsi seperti biasa pada waktu malam? Sila sertakan butiran dan statistik

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada PBT-PBT terutamanya PBT bertaraf Majlis Daerah dakwaan tersebut tidak benar kerana tiada PBT yang berhutang dengan Tenaga Nasional sehingga menyebabkan lampu-lampu jalan tidak dapat berfungsi seperti biasa pada waktu malam. Walau bagaimanapun, terdapat kawasan-kawasan perumahan yang masih berada di bawah tanggungjawab pemaju dan pihak pemaju gagal menyelenggarakan lampu jalan dan bil lampu jalan. Pihak PBT tidak dapat membantu kerana penama bagi akaun TNB yang terlibat masih di bawah nama pemaju dan pihak pemaju masih gagal memenuhi syarat penyerahan lampu jalan kepada PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : JALAN RAYA

12. Didapati banyak jalan-jalan kampung dan luar bandar yang daif, usang dan tidak sempurna.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri melalui PBT untuk menangani permasalahan ini?

JAWAPAN :

- a) Bagi projek naik taraf jalan-jalan kampung dan luar bandar peruntukan adalah dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Senarai projek adalah melalui wakil rakyat dan pejabat daerah yang berkenaan dan di hantar ke KKLW melalui Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur untuk kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN CINA SELANGOR

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah perkembangan terkini Projek Pusat Kebudayaan Cina Selangor?
 - b) Berapakah jumlah peruntukan telah disalurkan ke atas projek ini?
 - c) Di mana letaknya tapak Pusat Kebudayaan Cina Selangor?

JAWAPAN :

- a) Pembinaan Pusat Kebudayaan Cina Selangor adalah masih mengikut perancangan asal. Ketika ini, Kerajaan Negeri hanya menunggu pelan reka bentuk keseluruhan kawasan dimuktamadkan. Dijangkakan upacara dan proses pecah tanah akan dilaksanakan pada tahun 2011 ini manakala pembangunan kawasan akan bermula pada tahun 2012.
- b) Setakat ini Kerajaan Negeri belum menyalurkan sebarang peruntukan terhadap projek berkenaan berikutan pelan reka bentuk keseluruhan kawasan masih belum dimuktamadkan. Kos projek hanya akan diketahui selepas semua butiran terperinci berhubung pelan pembangunan kawasan berkenaan dikemukakan.
- c) Setakat ini, tapak yang telah dipersetujui di peringkat Jawatankuasa ialah di bandar Klang iaitu di sekitar pesisir Sungai Klang. Ini adalah selaras dengan rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi membangun dan menjadikan Sungai Klang sebagai pusat pembangunan ekonomi, rekreasi dan tarikan pelancong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : SUKAN UNTUK KESIHATAN

14. Bagi menjaga kesihatan, sukan salah satu cara bagi mengekalkan diri sihat dan fit

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan-ancangan sukan untuk kesihatan bagi seluruh masyarakat di Selangor ?
- b) Bagaimanakah cara menarik semua golongan melibatkan diri dalam sukan
- c) Sejauh manakah kerajaan peka bagi menyediakan ruang untuk bersukan dan riadah ?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman pihak tuan, Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) berfungsi sebagai sebuah badan sukan yang bertujuan untuk merancang, melaksana dan menilai program pembangunan sukan bagi sukan prestasi tinggi untuk atlet Selangor. Selain itu juga, MSNS juga menjadi induk dalam pembangunan fizikal melalui sistem pengurusan yang efisien dan berkesan ke arah kegemilangan Sukan Selangor. Jadi, MSNS sememangnya telah banyak mengadakan dan merancang aktiviti-aktiviti sukan tetapi lebih memberi keutamaan kepada atlet-atlet negeri Selangor. Untuk pengetahuan pihak tuan, MSNS juga mengadakan banyak aktiviti-aktiviti sukan untuk masyarakat Selangor tetapi dengan kerjasama badan-badan lain seperti pihak berkuasa tempatan (PBT), Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dan persatuan sukan serta badan bukan kerajaan (NGO). MSNS sentiasa memberi kerjasama terhadap program-program yang dianjurkan seperti dalam hal berkaitan teknikal, sokongan mahupun bantuan kewangan. Ini menunjukkan MSNS tidak hanya menumpukan kepada atlet Selangor semata-mata tetapi dapat memastikan program pembangunan sukan negeri berjaya melalui bantuan kewangan, kepakaran dan kemudahan kepada persatuan negeri, Majlis Sukan Daerah (MSD) dan Majlis Sukan Sekolah – Sekolah.
- b) Apabila ditanya cara untuk menarik semua golongan melibatkan diri dalam sukan, aspek yang perlu dibincangkan adalah golongan mana yang perlu diutamakan. Tidak dinafikan sukan bukan hanya untuk mereka yang muda sahaja malah sudah menjadi aktiviti setiap golongan. Sebenarnya terdapat perbezaan dari segi cara menarik minat golongan tertentu melibatkan diri dalam sukan. Contohnya untuk menarik minat golongan kanak-kanak melibatkan diri dalam sukan adalah berbeza dengan remaja mahupun belia. Pihak MSNS sebenarnya bukan lah satu badan yang memberi keutamaan dalam menarik minat semua golongan melibatkan diri dalam sukan tetapi menjadi platform untuk mereka yang ingin menjadikan sukan sebagai keutamaan. Tugas untuk menarik minat semua golongan melibatkan diri dalam sukan lebih kepada tanggungjawab persatuan-persatuan sukan dalam negeri. Ini dapat dibuktikan dengan penglibatan pelbagai golongan dalam persatuan sukan seperti persatuan badminton, persatuan

karate-do dan banyak lagi. Untuk pengetahuan tuan, persatuan sukan di Negeri Selangor kebanyakannya bergiat secara aktif dan sentiasa di bawah pemantauan daripada pegawai – pegawai Majlis Sukan Negeri Selangor(MSNS). Pihak MSNS memberi kebebasan kepada persatuan sukan dalam menjalankan aktiviti malah sentiasa memberi kerjasama dalam sebarang program seperti penganjuran sukan – sukan di peringkat negeri Selangor malah di peringkat antarabangsa.

- c) Kerajaan negeri Selangor sentiasa membantu dari aspek kewangan untuk menyediakan ruang bersukan dan riadah kepada warga negeri Selangor khususnya. Untuk makluman tuan, MSNS mempunyai pusat sukan sendiri di Seksyen 6, Shah Alam. Di pusat sukan ini terdapat beberapa kemudahan sukan seperti dewan sukan tempur, dewan gimnastik dan gimrama serta unit sains sukan dan kejurulatihan. Kemudahan-kemudahan ini biasanya digunakan oleh persatuan-persatuan bagi menjalani latihan dengan kebenaran dari pihak MSNS. Selain itu juga, kemudahan-kemudahan lain seperti Stadium Shah Alam, Stadium Melawati dan sebagainya sebenarnya di bawah pengurusan Majlis Bandaraya Shah Alam(MBSA). Kerajaan Negeri Selangor telah memberi hak pengurusan kepada pihak MBSA dalam menguruskan semua kemudahan-kemudahan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN**

TAJUK : PENDIDIKAN

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk menjalankan program SPIES kepada semua tahap sasaran untuk semua peringkat dan lapisan sasaran tahun 2008 hingga 2010?
- b) Berapakah jumlah konsultan yang dilantik telah terlibat?

JAWAPAN :

- a) Program holistik Pembangunan Modal Insan Selangor SPIES merupakan satu agenda penting kerajaan negeri yang bertujuan untuk melahirkan rakyat yang berkualiti, berdaya maju, berdaya saing dan cemerlang. Selain itu, program ini dapat mencegah dan mengatasi gejala sosial yang telah merebak dan menular di kalangan masyarakat di Selangor. Gagasan pembangunan fizikal yang lestari telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri perlu disepadukan dengan pembangunan modal insan yang holistik, sebagai penjana kemajuan dan kejayaan dunia akhirat. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan peruntukan yang berpatutan bagi melaksanakan program tersebut.

Bermula tahun 2008 sehingga 2010 sebanyak **587** sesi kursus telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan perbelanjaan berjumlah **RM11,756,225.00**. Maklumat terperinci berkenaan pelaksanaan program tersebut adalah seperti berikut :

Jadual 1: Pencapaian program SPIES tahun 2008

KATEGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA	KOS (RM)
Kanak - kanak	4	411	82,200
Belia	23	2303	460,600
Ibu bapa	6	714	142,800
Warga Industri	2	160	32,000
Ketua Kampung	3	330	66,000
Setiausaha JKKK	2	365	73,000
Pendidik	7	850	170,000

KATEGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA	KOS (RM)
Remaja	7	700	140,000
Mahasiswa	12	1200	240,000
DUN	1	150	30,000
Pegawai JAIS	2	135	27,000
Siswa 1K	4	400	80,000
Pimpinan Pelajar	2	200	40,000
JUMLAH	75	7918	1,583,600

Jadual 2: Pencapaian SPIES tahun 2009

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA	KOS (RM)
Masyarakat	1	60	13,800
Belia	91	7339	1,687,970
Alumni SPIES Belia	19	1670	384,100
Remaja	47	1597	367,310
Alumni SPIES remaja	10	931	214,310
SPIES Kepimpinan /Penjawat Awam	42	3217	739,910
Ibu bapa	10	2000	200,000
Warga Emas	1	50	5,750
Ibu Tunggal	2	200	23,000

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA	KOS (RM)
Pendidik	17	1615	371,450
Pelajar IPT	3	253	58,190
Alumni SPIES Kepimpinan	1	24	5,520
SPIES Siswa 1K	5	294	67,620
SPIES Siswa	11	829	190,670
SPIES AJK Masjid	5	366	84,180
SPIES Biro Pemuda (JKKK)	11	880	202,400
JUMLAH	276	21,325	4,616,000.00

Jadual 3 : Pencapaian SPIES 2010

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA	KOS (RM)
Remaja	49	4,412	968,140
Belia	22	1,831	405,835
Penjawat Awam (SKPA)	118	9,088	2,090,240
Pemimpinan Masyarakat	3	227	52,210
Warga Pendidik	42	3,824	819,100
Ajk Masjid	8	870	171,350
Ibu tunggal	6	600	69,000
Ibu bapa	17	1,750	191,590

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA	KOS (RM)
AJK JKKK	7	306	74,130.00
Mahasiswa / Pelajar IPT	7	590	133,860
Alumni Spies **Briged Amal	10	1,183	121,170
Kaum India	3	2,000	460,000
JUMLAH	292	26,454	5,556,625.00

b) Dalam usaha memastikan pelaksanaan program SPIES memberi impak yang positif, Kerajaan Negeri Selangor telah melantik konsultan yang berkelayakan dan berpengalaman bagi mengendalikan program ini. Oleh itu, pada tahun ini (2011) sebanyak **23 buah** syarikat konsultan telah dilantik dan pelantikan ini adalah berdasarkan kepada kriteria – kriteria berikut :

- i) Lulus ujian kelayakan iaitu ujian bertulis dan temuduga yang telah diadakan pada 2 hingga 4 Februari 2009 bertempat di Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor;
- ii) Mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 5 / 2009; dan
- iii) Mendapat kelulusan daripada Pentadbiran Perbendaharaan Negeri Selangor.

Selain itu, proses pemilihan konsultan ini juga telah di **audit oleh pihak SIRIM** dan berjaya mendapat **pensijilan ISO 9001 – 2008 (Quality Management Systems – Requirements)**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMBERIAN GERAN TANAH KEDIAMAN DI KAMPUNG BARU

16. Kerajaan Negeri melaksanakan program pemberian geran tanah untuk kediaman di kawasan kampung Baru .

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan geran tanah yang telah diluluskan untuk kediaman di Kampung Baru Subang dan Kampung Baru Sg. Buloh?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah KPI bagi:-
- i) Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
 - ii) Ahli-ahli Dewan Negeri
 - iii) Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan
 - iv) Ketua-ketua Kampung
 - v) Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah menetapkan sebanyak sebelah 11 indikator sebagai KPI Ahli Majlis PBT iaitu seperti berikut :-
- i) Kehadiran Mesyuarat
 - ii) Komitmen kepada tugas
 - iii) Pengetahuan dan kemahiran dalam tugas
 - iv) kebolehan membuat keputusan
 - v) keberkesanan komunikasi
 - vi) keberkesanan hasil kerja
 - vii) kepimpinan
 - viii) integriti
 - ix) disiplin dan ketepatan masa
 - x) proaktif dan inovatif
 - xi) jalinan perhubungan dan kerjasama

KPI ini akan digunakan bagi pemantauan prestasi yang dinilai ke atas Ahli Majlis bukan sekadar komitmennya di dalam pejabat malah Kerajaan Negeri juga amat menitikberatkan sumbangan setiap Ahli Majlis terhadap kawasan yang dipertanggungjawabkan. seperti mana yang telah dipraktikkan, penilaian prestasi bagi setiap Ahli Majlis PBT akan dilaksanakan oleh ADUN, Ahli Parlimen dan juga Datuk Bandar / Yang Dipertua. seterusnya, penilaian berkenaan akan dibincangkan di dalam Jawatankuasa Pemilihan Ahli Majlis Negeri Selangor untuk dipertimbangkan sama ada perkhidmatan mereka disambung ataupun sebaliknya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Meminta kerajaan memberi senarai dan bilangan rumah prihatin rakyat yang telah dibina oleh kerajaan negeri mengikut daerah sejak tahun 2008.
 - b) Apakah akan berlaku selepas kerajaan menerima permohonan dan adalah tempoh menunggu selama enam bulan boleh dipendekkan lagi?

JAWAPAN :

- a) Statistik dan bilangan rumah bagi Program Kerajaan Prihatin yang telah dibina oleh kerajaan negeri mengikut daerah sejak tahun 2008 adalah seperti di **Lampiran E**.
- b) Setiap borang yang diterima akan diberi surat maklumbalas daripada pihak UPEN yang memaklumkan bahawa permohonan telah diterima dan sedang diproses. Selepas enam (6) bulan daripada surat maklumbalas tersebut, sekiranya tidak menerima apa-apa maklumbalas, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

Permohonan biasanya akan diproses dalam tempoh enam (6) bulan dimana setiap permohonan akan ditapis mengikut syarat kelayakan, disiasat oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bersama wakil daripada Pejabat Daerah. Permohonan akan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Kerajaan Prihatin untuk dipertimbangkan. Selepas itu, pemohon akan dimaklumkan mengenai status permohonan samaada berjaya ataupun tidak berjaya.

Bagi kerja-kerja baik pulih dan bina baru rumah Program Kerajaan Prihatin akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah selepas selesai Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Kerajaan Prihatin. Lantikan Kontraktor dan Sebut Harga akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah mengikut prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan.

Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak 858 permohonan untuk 9 buah daerah di Negeri Selangor dan hanya 584 permohonan diproses memandangkan faktor peruntukan yang terhad dan tidak mencukupi. Tempoh menunggu selama enam bulan boleh dipendekkan sekiranya Kerajaan Negeri menerima permohonan-permohonan yang benar-benar layak dan mengikut syarat-syarat kelayakan serta prosedur yang telah ditetapkan. Borang-borang permohonan perlu dihantar ke Pejabat Daerah untuk tujuan semakan dan tapisan awal oleh pihak Pejabat Daerah. Permohonan yang tidak dihantar ke Pejabat Daerah akan melambatkan lagi proses permohonan Program Kerajaan Prihatin.

**JUMLAH BANTUAN BAIK PULIH PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN DARI TAHUN
2008-2010**

Daerah	2008		2009		2010		Jumlah
	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH	
Klang	20	10	31	13	13	9	96
Petaling	7	-	16	3	4	5	35
Kuala Langat	23	14	17	14	18	14	100
Hulu Langat	10	3	7	12	7	8	47
Sabak Bernam	31	59	9	43	3	9	154
Kuala Selangor	14	34	22	25	16	16	127
Gombak	14	15	14	11	2	8	64
Hulu Selangor	6	8	8	10	9	5	46
Sepang	7	11	9	15	3	11	56
Jumlah	132	154	133	146	75	85	725

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

**TAJUK : KENAIKKAN GAJI PEGAWAI-PEGAWAI KERANI KAWASAN BAWAH
ADUN DAN PEKERJA-PEKERJA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
PADA KESELURUHANNYA**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Pernahkah kerajaan negeri mengkaji semula gaji-gaji bagi pegawai-pegawai kerani kawasan bawah ADUN-ADUN dan bagi pekerja-pekerja kerajaan Negeri Selangor?
- b) Bilakah kali terakhir gaji-gaji pekerja-pekerja kerajaan negeri telah dinaikkan dan berapa banyak?
- c) Adakah kerajaan negeri akan menaikkan gaji-gaji pekerja-pekerja kerajaan negeri?

JAWAPAN :

- a) Pelarasan kenaikan gaji anggota perkhidmatan awam tertakluk kepada pindaan skim perkhidmatan yang standard dan kajian komprehensif berhubung aspek saraan (termasuk emolumen bulanan, elaun, insentif dan kebajikan) anggota perkhidmatan awam diselaraskan sepenuhnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Namun yang demikian, pelarasan kenaikan gaji atau pemberian elaun atau insentif khas kepada skim perkhidmatan dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan kesesuaian serta tahap kritikal sesuatu skim perkhidmatan yang terlibat.

- b) Kerajaan negeri telah melaksanakan pelarasan kenaikan gaji anggota perkhidmatan awam yang terkini pada 1 Julai 2007 lalu berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007 'Pemberian Kenaikan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam di Bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM)'. Pelarasan kenaikan gaji ini melibatkan semua skim perkhidmatan.

Pada masa yang sama, kerajaan negeri juga telah menambah baik beberapa skim perkhidmatan sedia ada berdasarkan keperluan semasa iaitu:

- i) Skim Perkhidmatan Pembantu Laut;
- ii) Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah dan Operator Mesin Prosesan Data;
- iii) Skim Perkhidmatan Jaga;
- iv) Skim Perkhidmatan Pegawai Penyediaan Makanan dan Perkhidmatan Tukang Masak;
- v) Skim Perkhidmatan Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam;

- vi) Skim Perkhidmatan Penghulu;
 - vii) Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah; dan
 - viii) Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat.
- c) Pentadbiran Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelarasan atau kenaikan gaji anggota perkhidmatan awam berdasarkan penetapan skim dan jadual gaji yang diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan Sistem Saraan Malaysia (SSM)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : DENGGI

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kes denggi yang berlaku di DUN Balakong sejak tahun 2008 hingga 2010?
- b) Berapakah jumlah kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan panas wabak Denggi di DUN Balakong pada jangka masa tersebut?
- c) Apakah langkah-langkah diambil kerajaan bagi mengawal pembiakan nyamuk Aedes dan apakah keberkesanannya?

JAWAPAN :

(a) & (b)

KEJADIAN DENGGI DI KAWASAN BALAKONG

TAHUN	Kes Denggi (Kawasan Wabak)	Kawasan Hotspot (Wabak > 30 hari)
2008	58	1
2009	62	2
2010	47	2

- c) Langkah pencegahan Denggi termasuk: **(sama seperti jawapan 2 (c))**
- Mempertingkatkan aktiviti gotong royong dan penubuhan Jawatankuasa Combi di kawasan bermasalah penyakit Denggi
 - Pengaktifan Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah, yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, yang akan bermesyuarat setiap seminggu di semua daerah yang berwabak. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah untuk menggerakkan pelbagai agensi daerah yang berkaitan untuk menyelesaikan faktor-faktor risiko yang menyumbang kepada kejadian wabak denggi di daerah berkenaan
 - Pendidikan komuniti berterusan tentang pemeliharaan kebersihan alam sekeliling dan 'Kempen 10 Minit Seminggu' untuk kawasan rumah mereka.

- Bekerjasama dengan agensi kerajaan, sekolah dan syarikat swasta untuk menubuhkan Skwad Anti-Denggi di tempat mereka untuk menghindarkan tempat pembiakan nyamuk Aedes di tempat kerja mereka.
- Penguatkuasaan Kompaun minima RM 500 untuk semua premis yang dikenal pasti mempunyai tempat pembiakan nyamuk Aedes. Untuk tapak pembinaan, perintah berhenti kerja ('Stop Work Order') dilaksanakan kalau terdapat pembiakan nyamuk Aedes.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KUMPULAN SEMESTA SDN BHD

21. Kumpulan Semester telah ditubuhkan bagi pengendalian pasir di Negeri Selangor

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah cara pelantikan Lembaga Pengarah kepada kumpulan?
- b) Perincikan keuntungan yang dikecapi sejak ditubuhkan hingga kini
- c) Berapakah elaun/ganjaran yang diterima bagi setiap Lembaga Pengarah dan Kakitangan

JAWAPAN :

- a) Lantikan ALP KSSB dibuat dari kalangan mereka yang berkredibiliti, berketerampilan dan diyakini oleh MBI (Pemegang Saham) dapat memajukan KSSB. Lantikan mereka seterusnya di dalam Mesyuarat ALP.
- b) Keuntungan sebelum cukai KSSB adalah seperti berikut :
 - Tahun 2008 – RM 1.88 juta (September hingga Disember 2008)
 - Tahun 2009 – RM 8.82 juta
 - Tahun 2010 – RM 22.67 juta
 - Tahun 2011 – RM 1.56 juta (sehingga Februari)

c) Gaji kakitangan pula adalah mengikut skala berikut :

GRADE	GRADE LEVEL	POSITION (S)	MONTHLY BASIC SALARY SCALE (RM)
Board of Directors & Advisor		Chairman	At Board's Discretion
		Advisor	
		Directors	
STAFF			
Board of Appointment	BA I	Managing Director	At Board's Discretion
	BA II	Chief Operating Officer	17,000 - 37,000
	BA III	Executive Director	13,500 - 30,000
	BA IV	Senior General Manager	10,000 - 24,500
Management	M I	General Manager	8,500 - 19,750
	M II	Senior Manager	6,250 - 16,500
	M III	Manager	5,875 - 11,650
	M IV	Assistant Manager	3,500 - 8,000
Executive	E I	Senior Executive / Engineer	3,150 - 7,500
	E II	Executive / Engineer	2,400 - 6,000
	E III	Junior Executive / Technical Assistant	1,850 - 3,800
	E IV	Sit Supervisor / Technician	1,500 - 3,800
Special Grade	SG I	Technician / Technical Assistant / Site Supervisor / Draftman	1,900 - 6,000
	SG II	Technician / Technical Assistant / Site Supervisor / Draftman	1,600 - 5,000
	SG III	Technician / Technical Assistant / Site Supervisor / Draftman	1,200 - 4,000
Non Executive	NE I	Secretary / Senior Clerk	1,200 - 3,500
	NE II	Assistant / Account Clerk	1,000 - 3,000
	NE III	General Clerk / Operator / Receptionist	900 - 2,500
	NE IV	Driver / Despatch	900 - 2,500
	NE V	Office Boy / Tea Lady	750 - 1,900

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : BANTUAN KEBAJIKAN

22. Daerah Gombak mencatatkan bilangan kedua tertinggi di Negeri Selangor bagi penerima bantuan am (1,141 orang) dan yang tertinggi bagi penerima bantuan kanak-kanak (1,602 orang) daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sehingga November 2010.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah khusus Kerajaan Negeri untuk membantu Orang Kurang Upaya (OKU), kanak-kanak dan warga emas yang daif?
- b) Berapa ramai yang telah mendaftar di dalam Skim Mesra Usia Emas (SMUE)?

JAWAPAN :

- a) Selaras dengan visi Kerajaan Negeri Selangor yang mementingkan kebajikan rakyatnya, pelbagai bentuk bantuan telah disalurkan kepada golongan OKU, kanak-kanak dan warga emas yang mana sedikit sebanyak dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung melalui pemberian sumbangan dan bantuan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKMNS).

Antara pendekatan yang dilakukan bagi membantu golongan daif ini, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak hampir RM6 juta melalui Program Bantuan Am yang diberikan secara bulanan kepada golongan daif yang telah dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor.

Jadual di bawah merupakan pecahan penerima Bantuan Am dari Kerajaan Negeri Selangor yang telah mendapat manfaat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor bagi tahun 2010 :

Kategori	Jumlah penerima	Jumlah peruntukkan
Orang Kurang Upaya (OKU)	574 orang	RM 892,787.00
Warga Emas	785 orang	RM1,021,278.00
Kanak-kanak	4,638 orang	RM3,703,251.00
JUMLAH PENERIMA	5,997 orang	RM5,617,316.00

Jadual 1 : Jumlah penerima Program Bantuan Am Negeri Selangor 2010

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor juga akan melancarkan Kempen Pendaftaran OKU Negeri Selangor bertujuan untuk menggalakkan orang ramai membuat pendaftaran kepada ahli keluarga atau persatuan mereka yang OKU disamping dapat membantu pihak JKMNS mengenal pasti bilangan OKU yang terdapat di Negeri Selangor termasuk OKU yang daif.

Kerajaan Negeri juga menyediakan pelbagai bentuk program sokongan yang khusus kepada golongan ini dalam usaha membantu mereka menjalani kehidupan yang selesa. Antara langkah-langkah khusus di bawah Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

- i. Bantuan sumbangan melalui program-program turun padang ke daerah di majlis keraian atau dari rumah ke rumah kepada mereka yang telah dikenalpasti kurang berkemampuan dan daif serta turut mengambil kira permohonan peribadi.
 - ii. Seminar kebajikan kepada NGO-NGO Kebajikan di Selangor bagi memberi kesedaran dan bimbingan kepada mereka tentang golongan ini supaya dapat dibentuk dan berubah dengan memberdayakan diri bagi menikmati cara dan kualiti hidup yang lebih sempurna dan selesa.
 - iii. Program kerjasama Kerajaan Negeri bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) turut memfokuskan kepada golongan kanak-kanak. Sokongan moral yang bersepadu dan peranan dari semua pihak penting bagi memastikan mereka mendapat pendidikan yang berkualiti, kesihatan yang baik, jaminan keselamatan dan perlindungan.
 - iv. Program kemahiran kepada OKU juga turut dilaksanakan dengan memberi peluang kepada OKU mempelajari kraftangan yang mudah untuk membantu menambahkan pendapatan mereka tanpa bantuan orang lain.
 - v. Skim Mesra Usia Emas (SMUE) iaitu satu skim kebajikan untuk golongan warga emas dan OKU di Negeri Selangor yang dikendalikan oleh Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. sejak Oktober 2008. Melalui skim ini, bantuan kewangan sebanyak RM2,500.00 akan diberikan kepada waris apabila berlaku kematian ke atas warga emas atau OKU yang berdaftar mengikut syarat yang telah ditetapkan bertujuan untuk membantu dalam urusan-urusan berkaitan pengurusan jenazah warga emas atau OKU yang meninggal dunia.
- b) Sehingga 28hb Februari 2011 seramai 146,537 orang Warga Emas telah berjaya didaftarkan sebagai Ahli Skim Mesra Usia Emas (SMUE). Pecahan pendaftaran mengikut kaum menunjukkan kaum Melayu mencapai 39.9%, Cina 46.53%, India 12.87% dan kaum lain-lain 0.7%. Jumlah bayaran keseluruhan manfaat adalah RM46.151 juta sehingga 28hb Februari 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

TAJUK : STATUS TANAH DI KAWASAN LAPANG JALAN PERDANA 6/2

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah status tanah di kawasan lapang tersebut?
 - b) Pihak manakah yang sedang memohon tapak tersebut dan apakah tujuannya?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor telah meluluskan pewartaan kawasan lapang tersebut pada 2 Ogos 2008 dan ianya telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 3257 pada 7 Oktober 2010.
- b) Kawasan lapang tersebut telah diwartakan sebagai kawasan lapang yang dikawal oleh Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri dan diselenggara oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Keputusan MMKN Bil 9/2010 bertarikh 10 Mac 2010 telah menolak permohonan penukaran syarat kawasan tanah lapang kepada tapak pasar pagi dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. MPAJ telah diminta memberhentikan operasi operator lapang sasaran golf dan UPEN telah diminta melawat tapak bagi memberhentikan operasi di tapak.

MPAJ telah membuat perancangan di kawasan tersebut untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan lapang bagi tujuan riadah. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil 1/2011 pada 8 Februari 2011 telah memutuskan dikekalkan sebagai kawasan lapang dan stadium mini dibina untuk kegunaan penduduk kawasan Ampang Jaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : ARAHAN PERBENDAHARAAN 58

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah Arahan Perbendaharaan 58 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kewangan mengikut pecahan PBT daripada tahun 2006-2011.
- b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan aliran kewangan PBT berada dalam keadaan sihat dan tiadanya banyak tunggakan yang perlu diselesaikan?

JAWAPAN :

- a) *Jawapan diselaraskan oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN.*
- b) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan aliran kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berada dalam keadaan sihat adalah seperti berikut:-
 - i) Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan kepada PBT yang mempunyai kedudukan kewangan yang tidak kukuh.
 - ii) Memastikan PBT menyediakan Anggaran Tahunan (Belanjawan Tahunan) yang lebih realistik dengan mengambil kira tanggungan atau tunggakan yang belum selesai.
 - iii) Kawalan Perbelanjaan / Perolehan PBT berhubung perolehan secara runding terus, perkhidmatan perunding dan juga perolehan yang melibatkan sewa beli atau aset seperti pembelian bangunan dan tanah, di mana Kerajaan Negeri akan membuat analisis ke atas kedudukan dan kemampuan kewangan PBT yang berkenaan sebelum Kerajaan Negeri memberi kelulusan.
 - iv) Kerajaan Negeri juga telah mengadakan Kursus *Financial For Non-Financial Managers* kepada Yang DiPertua PBT untuk memberi pengetahuan asas perakaunan kewangan dan proses penyediaan akaun, meningkatkan kemahiran menganalisis penyata kewangan dan nisbah-nisbah kewangan serta Meningkatkan kefahaman dan kebolehan membaca dan menginterpretasikan kandungan kunci kira-kira, akaun untung rugi, aliran wang tunai dan nota kepada akaun.
 - v) Memantau kedudukan kewangan PBT dari semasa ke semasa.
 - vi) Mengkaji kedudukan aset PBT yang menjadi liabiliti/ beban kewangan serta mencadangkan penjualan aset PBT bagi memastikan aliran kewangan PBT berada dalam keadaan baik.
 - vii) Menasihatkan agar PBT tidak menggunakan wang cagaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : CUKAI TAKSIRAN TAHUNAN PBT

25. Terdapat ramai penghuni dan pemilik hartanah merungut kerana Cukai Taksiran Tahunan hartanah mereka dinaikkan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah ini benar? Jika tidak, kenapa banyak sungutan?
- b) Adakah kenaikan cukai taksiran tahunan merupakan salah satu cara bagi kerajaan negeri untuk meningkatkan hasil pendapatan tahunan walaupun ia agak membebankan para pemilik?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bersimpati dengan beban yang dihadapi oleh pemilik hartanah pada masa kemelesetan ekonomi dan bercadang menurunkan kadar cukai taksiran tahunan?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini tiada sebarang kenaikan kadar cukai taksiran telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Namun begitu, berdasarkan seksyen 144 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pindaan Senarai Nilai perlu dilakukan bagi menguatkuasakan cukai taksiran yang merangkumi bangunan yang baru sahaja diluluskan Sijil Kelayakan Menduduki, tanah-tanah kosong yang telah diluluskan penukaran syarat guna tanah dan bangunan-bangunan yang telah terlibat dengan pengubahsuaian. Rungutan oleh pemilik hartanah bahawa terdapat kenaikan cukai ini mungkin adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 144 Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- b) Tidak dinafikan bahawa cukai taksiran merupakan hasil utama bagi Pihak Berkuasa Tempatan, namun begitu, PBT tidak boleh dengan sewenang-wenangnya menaikkan kadar cukai taksiran tahunan tanpa mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu. PBT boleh berikhtiar untuk mendapatkan hasil daripada sumber-sumber lain sebagai sokongan bagi menambah pendapatan
- c) Kerajaan Negeri sememangnya mengambil berat dan bersimpati dengan beban yang dihadapi oleh pemilik hartanah pada masa kemelesetan ekonomi yang berlaku sekarang. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua PBT menjalankan kerja-kerja penilaian semula bagi mengenal pasti nilai hartanah-hartanah di Negeri Selangor yang terkini. Namun, di dalam arahan tersebut, Kerajaan Negeri tidak langsung berhasrat untuk menaikkan kadar cukai taksiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : MASALAH TANAH KUBUR

26. Masalah kemasyarakatan berkait rapat dengan keagamaan sama ada bagi orang hidup atau orang mati. Sebagai orang hidup yang bertanggungjawab kita juga perlu menyelesaikan masalah orang mati :-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah masalah tanah kubur di Bandar Utama Batang Kali dan Ulu Yam Bharu telah lama hingga ke hari ini masih tidak dapat diwartakan

JAWAPAN :

- a) Tanah kubur bagi Bandar Utama Batang Kali telah disediakan oleh pemaju berkeluasan 156 ekar di Seksyen 1, Bandar Utama Batang Kali.

Tindakan bagi pengwartaan kedua-dua tanah perkuburan berkenaan adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Selangor dan Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENDIDIKAN

27. Universiti Industri Selangor atau UNISEL adalah milik kerajaan Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kurikulum di UNISEL menepati 'standard' pembelajaran kebangsaan atau antarabangsa dan mengikuti pengesahan LAN. Berapakah jumlah pelajar yang berhenti, mengapakah kemerosotan ini berlaku.
- b) Ada terdapat ramai pelajar antarabangsa berhijrah meninggalkan UNISEL. atau memilih tidak mahu belajar di UNISEL. Ramai pekerja sambilan dan kontrak, tertunggak pembayaran untuk kerja mereka. Adakah ini disebabkan kemunduran UNISEL di bawah pentadbiran kerajaan negeri atau adakah UNISEL mengalami defisit?

JAWAPAN :

- a) Semua kurikulum di UNISEL wajib mendapat kelulusan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysia *Qualification Agency*)

Penurunan bilangan pelajar adalah disebabkan ramai pelajar yang telah tamat kursus (bergraduasi) dan bukan kerana berhenti sekerat jalan.

- b) Pelajar antarabangsa yang meninggalkan UNISEL adalah disebabkan mereka gagal atau menghadapi disiplin. Data menunjukkan seramai 53 orang pelajar telah ditamatkan pembelajaran mereka disebabkan mempunyai pelbagai kesalahan antaranya termasuk masalah disiplin serta gagal di dalam peperiksaan. Tetapi perkara ini langsung tidak menjejaskan kemasukan pelajar antarabangsa ke UNISEL malah sehingga ke hari ini UNISEL mempunyai seramai 338 orang pelajar antarabangsa yang masih aktif. Data juga menunjukkan seramai 39 orang pelajar antarabangsa telah bergraduasi termasuk pelajar Tahun Asas di UNISEL selama ini.

Tiada lagi kes gaji pekerja sambilan dan kontrak yang tertunggak kecuali bekerja tanpa surat pelantikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : ELAUN, TUNTUTAN DAN BONUS AHLI-AHLI LEMBAGA KUMPULAN
SEMESTA SDN. BHD. (KSSB)**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan Ahli-ahli Lembaga KSSB bagi tahun 2010.
 - b) Berapakah elaun dan tuntutan bulanan setiap Ahli Lembaga KSSB bagi tahun 2010?
 - c) Berapakah bonus, jika ada, yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga KSSB bagi tahun 2010?

JAWAPAN :

- a) Ahli Lembaga Pengarah KSSB pada tahun 2010 adalah seperti berikut :-

Ir. Wan Ab. Halim Wan Ismail – Ketua Pegawai Eksekutif
Abdul Shukor Nagor – Pengerusi (sehingga Ogos 2010)
Ir. Ramli Abd. Majed – Pengarah Eksekutif (sehingga November 2010)
YB Dato' Mohd. Arif Ab. Rahman
En. Wong Suk Kok
En. Mohd. Khairuddin Othman
YB Tuan Mat Shuhaimi Hj. Shafiei
En. Ganabatirau AIL Veraman

- b) Pengarah-pengarah bukan eksekutif KSSB tidak menerima elaun tetap. KSSB juga tidak membuat bayaran tuntutan untuk mana-mana pengarah bukan eksekutif sepanjang tahun 2010.

Mereka hanya menerima elaun mesyuarat ALP RM500.00 untuk setiap mesyuarat yang dihadiri. Pengerusi mesyuarat pula menerima RM1,000 untuk setiap mesyuarat ALP yang dihadiri.

Jumlah elaun mesyuarat yang diterima mereka untuk tahun 2010 adalah seperti berikut :

Bil.	Pengarah	Elaun Mesyuarat 2010 (RM)
1	Abdul Shukor Nagor	12,000.00
2	Ir. Wan Ab. Halim Wan Ismail	8,000.00
3	Ir. Ramli Abd. Majed	8,000.00
4	Dato' Mohd. Arif Ab. Rahman	5,000.00
5	Wong Su Kok	6,500.00
6	Mohd. Khairuddin Othman	7,000.00
7	Mat Shuhaimi Hj. Shafiei	5,000.00
8	Ganabatirau Veraman	4,000.00
	Jumlah	55,500.00

- c) Hanya Pengarah Eksekutif menerima bonus interim 1 bulan gaji bagi tahun 2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini rancangan projek tersebut?
- b) Sila nyatakan syarikat swasta manakah yang telah dipilih oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan projek tersebut?
- c) Sila nyatakan berapakah anggaran tempoh masa untuk menjayakan Projek Pembersihan Sungai Klang dan apakah manfaat yang akan dinikmati oleh rakyat Negeri Selangor sekiranya projek tersebut berjaya dilaksanakan?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 31 Jan 2011, kerja-kerja berikut telah disempurnakan :-
 - i) Menggazet tanah sepanjang 50 meter di kedua-dua belah Sungai Klang di Selangor.
 - ii) Pihak PTD dan JPBD telah menyiapkan inventori kegunaan dan pemilikan tanah di atas sepanjang 50 meter di kedua-dua belah Sungai Klang di Kelang, Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya.
 - iii) Menyenarai pendek 3 syarikat yang telah menghantar kertas cadangan dari 31 syarikat yang membeli dokumen "Request for Proposal" di mana 13 syarikat telah menjawabnya. 3 syarikat tersebut adalah :-
 - TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd.
 - Wessex Water Sdn Bhd / I Berhad Consortium.
 - GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd.
- b) Menyenarai pendek 3 syarikat yang telah menghantar kertas cadangan dari 31 syarikat yang membeli dokumen "Request for Proposal" di mana 13 syarikat telah menjawabnya. 3 syarikat tersebut adalah :-
 - TSS-MAKO Engineering Sdn. Bhd.
 - Wessex Water Sdn Bhd / I Berhad Consortium.
 - GJA Engineering & Construction Sdn. Bhd.

- c) Usaha Pemuliharaan Sungai Kelang dijangka akan berterusan dan dilaksanakan secara berfasa selama 15 tahun dengan anggaran awal sebanyak RM5 bilion diperlukan untuk keseluruhan 80 kilometer sungai di Negeri Selangor.

Projek ini akan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi negeri ini. Nilai harta tanah sepanjang sungai juga akan meningkat. malah Sungai Klang boleh dijadikan sumber pengangkutan dan sumber air untuk minuman kelak. Rakyat Negeri Selangor akan dapat menikmati hasil pembangunan ari segi peluang perniagaan, pekerjaan, pelancongan dan rekreasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PANGSAPURI KOS RENDAH

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan kerajaan dalam mengenal pasti pemilik menepati syarat menduduki pangsapuri kos rendah?
- b) Apakah rancangan kerajaan dalam mengatasi masalah kesukaran penubuhan dan kesulitan pengurusan JMB dan MC pangsapuri kos rendah?
- c) Apakah tindakan dan pemantauan dalam masalah penghuni pekerja asing di pangsapuri kos rendah?

JAWAPAN :

a) Syarat-syarat permohonan memiliki rumah kos rendah di Negeri Selangor adalah :-

- i) Warganegara Malaysia
- ii) Berumur 18 tahun ke atas
- iii) Pendapatan bersama (suami/isteri) bakal pembeli tidak melebihi RM2,500.00
- iv) Bakal pembeli (suami/isteri) tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Negeri Selangor

Kerajaan Negeri telah menetapkan perkara-perkara berikut dalam memastikan setiap pemilik menepati syarat menduduki rumah kos rendah iaitu :-

- i) Pemaju diwajibkan mendaftar projek perumahan kos rendah di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). setiap pemaju yang membangunkan rumah kos rendah hendaklah menggunakan 100% nama-nama pemohon yang berdaftar di LPHS.
- ii) Nama-nama pembeli akan dikenal pasti melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR) dan disaring dalam Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Rumah Kos Rendah Negeri Selangor.
- iii) Nama-nama pembeli kemudiannya akan diperakukan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri sebelum diserahkan kepada pemaju untuk proses penawaran rumah. surat tawaran akan dikeluarkan kepada nama-nama pembeli yang telah disenaraikan pendekkan oleh LPHS
- iv) Nama-nama pemilik rumah kos rendah bagi sesebuah projek akan disemak semula semasa pemaju mengemukakan permohonan pindah milik secara "Blanket Consent" kepada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor. Sekiranya

terdapat nama-nama pembeli yang tidak didaftarkan dengan LPHS maka pemaju akan dikenakan penalti sebanyak RM500.00 bagi setiap nama pembeli yang ditawarkan.

- b) Masalah JMB dan MC gagal ditubuhkan di pangsapuri kos rendah (RKR) adalah seperti berikut :
- i) Isu pembeli tidak sanggup mengambil alih pengurusan bangunan daripada pemaju kerana tidak mempunyai pengetahuan dan kepakaran mengenai perundangan, pengurusan dan penyelenggaraan harta bersama
 - ii) Isu peruntukan kewangan untuk menyenggara dan mengurus bangunan tidak mencukupi akibat daripada peratusan kutipan caj yang rendah di kalangan pembeli
 - iii) Isu kerenah pembeli yang tidak mahu mengambil berat mengenai tanggungjawab untuk membayar caj penyelenggaraan serta menjaga harta bersama
 - iv) Isu kecacatan bangunan yang tidak di baikpulih semenjak dari tempoh liabiliti kecacatan serta bangunan dan harta bersama yang tidak disenggarakan dengan baik oleh pemaju

Oleh demikian, bagi mengatasi masalah kesukaran penubuhan dan pengurusan JMB dan MC Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah berikut :

- i) Melaksanakan Program Kempen Pangsapuri Kita Bersih Ceria dan Harmoni pada tahun 2010 di kawasan perumahan bertingkat khususnya perumahan kos rendah. ia membawa mesej dan meningkatkan penubuhan JMB dan memberi pendidikan kepada komuniti perumahan bertingkat untuk menjaga kawasan perumahan bertingkat.
- ii) Melaksanakan Program Perdana JMB pada tahun 2010 di mana JMB mendapat informasi mengenai tatacara pengurusan lif dan penyelenggaraan bangunan, langkah-langkah keselamatan perumahan bertingkat dan perundangan berkaitan perumahan berstrata.
- iii) Pemantauan khidmat nasihat secara berterusan kepada pembeli perumahan bertingkat juga telah dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan Pesuruhjaya Bangunan.

- iv) Melantik ejen pengurusan selaras peruntukan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dan Akta Hak milik Strata 1985 (Akta 318).
 - v) Program Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri untuk membaik pulih 41 buah lif melibatkan tiga pangsapuri kos rendah iaitu Pangsapuri Desa Mentari, Petaling Jaya, Pangsapuri Taman Permai Indah, Klang dan Pangsapuri Taman Ampang Mewah, Ampang pada tahun 2010.
 - vi) Program pemberian air percuma melalui mekanisme kupon bagi fasa pertama yang melibatkan 72 kawasan pemajuan pangsapuri kos rendah terdiri daripada 23,665 unit kediaman. program ini dapat membantu mengurangkan bebanan tunggakan bil air penduduk selain memberi jaminan kepada SYABAS bayaran bil air diterima setiap bulan daripada Kerajaan Negeri.
 - vii) Penstrukturan semula organisasi Pesuruhjaya Bangunan dengan menubuhkan Unit Penguat kuasa Pesuruhjaya Bangunan. Ia bertujuan memastikan penguatkuasaan Akta 663 dapat dilaksanakan dengan baik termasuklah pendakwaan kepada pemaju yang gagal menubuhkan JMB dan pembeli yang enggan membayar caj
 - viii) Untuk tahun 2011, selain meneruskan skim pemberian air percuma, Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu lagi skim bantuan bagi tujuan baik pulih kerosakan harta bersama pangsapuri kos rendah melalui Tabung Pemulihan Rumah Kos Rendah.
- c) Kerajaan Negeri memandang serius masalah penghuni pekerja asing di pangsapuri kos rendah (RKR) yang merupakan faktor penyumbang kepada isu sosial, kacau ganggu dan vandalisme. Kerajaan negeri telah mengambil tindakan proaktif dengan meluluskan Garis Panduan Mekanisme Bilangan Kapasiti Penyewa bagi premis di Negeri Selangor sebagai mekanisme menangani masalah penghuni pekerja asing di pangsapuri RKR. Objektif garis panduan ini adalah bagi mengatasi isu kesihatan dan impak sosial dalam jangka masa pendek dan panjang khususnya kepada persekitaran pembangunan masyarakat. melalui garis panduan yang ditetapkan maksimum penghuni RKR adalah 6 orang dan sekiranya lebih adalah dianggap sesak.

Pemantauan yang telah dilaksanakan bagi mengekang masalah penghuni pekerja asing daripada berleluasa adalah melalui operasi bersepadu di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Pesuruhjaya Bangunan (COB), Polis, Imigresen, RELA dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ia merangkumi operasi membanteras salah guna pangsapuri RKR oleh warga asing di kawasan PBT berdasarkan aduan dan bukti yang kukuh daripada penduduk. melalui operasi yang dijalankan, PBT boleh mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah peruntukkan seksyen 78 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171). Sementara itu, Jabatan Imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/63 berkuasa menahan penghuni Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang tidak mempunyai permit sah dan menguatkuasakan kesalahan membenarkan premis didiami/disewa oleh PATI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : WABAK DENGGI DI KAWASAN HULU LANGAT

31. Kes denggi di Hulu Langat menjadi tempat tertinggi di Malaysia.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah Daerah Hulu Langat berterusan tertinggi dengan kes-kes denggi
- b) Apakah tindakan bagi mengurangkan kes-kes denggi di Hulu Langat
- c) Sejauh manakah kajian saintifik dibuat bagi mengurangkan kes denggi dari berlaku?

JAWAPAN :

- a) Antara sebab-sebab kejadian Denggi yang tinggi di Daerah Hulu Langat adalah:
 - Kepadatan penduduk yang tinggi yang memudahkan perebakan penyakit Denggi
 - Kebersihan alam sekeliling yang kurang memuaskan di beberapa lokaliti yang meyumbang kepada pembiakan nyamuk Aedes
 - Kurang kerjasama daripada penduduk di beberapa kawasan dalam aktiviti pencegahan pembiakan nyamuk Aedes.
- b) Tindakan bagi mengurangkan kes-kes Denggi di daerah Hulu Langat termasuk:
 - Mempergiatkan aktiviti gotong royong di kawasan-kawasan yang dikenal pasti menghadapi masalah pembiakan nyamuk Aedes
 - Penubuhan Jawatankuasa Combi di kawasan yang bermasalah Denggi untuk memastikan aktiviti kawalan Denggi dilaksanakan secara berterusan
 - Pendidikan kesihatan kepada komuniti untuk menjaga kebersihan alam sekeliling dan juga mengamalkan 'Kempen Pembersihan 10 Minit Seminggu' di kawasan rumah mereka
 - Operasi pemeriksaan untuk pembiakan Aedes dan semburan pada hujung minggu untuk lokaliti-lokaliti di mana penghuninya susah ditemui pada hari kerja biasa
 - Taklimat kepada pengusaha kilang untuk menjalankan aktiviti kawalan Aedes di kilang dan tempat penginapan pekerja mereka.
- c) Kajian ovitrap dijalankan di lokaliti yang bermasalah untuk mengenal pasti keberkesanan aktiviti semburan asap dan pemusnahan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah permohonan bantuan rumah kerajaan prihatin yang diterima bagi daerah Klang bagi tempoh 2008 hingga 2010. Berapakah permohonan yang berjaya dilaksanakan bagi tempoh tersebut.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah menerima 265 permohonan bagi daerah Klang bagi tempoh 2008 hingga 2010. Permohonan yang berjaya bagi daerah Klang bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

Tahun/ Kelulusan	Bina Baru	Baik Pulih
2008	20	10
2009	31	13
2010	14	9
Jumlah	65	32

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : OPERASI PERNIAGAAN BESI BURUK DI KAWASAN BUKAN INDUSTRI

33. Perniagaan besi buruk dan barangan kitar semula sudah lama diminta untuk berpindah ke lot industri untuk menyambung perniagaan mereka. Tetapi masih terdapat perniagaan ini masih dijalankan di kawasan perumahan, pasar dan berhampiran kedai makan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sebagai contohnya perniagaan besi buruk " BOSS METAL" di Pekan Subang berhampiran dengan Pasar Pekan Subang . Berapa bilangan kompaun dan notis mengosongkan tanah yang telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah sehingga kini ?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memindahkan perniagaan ini yang masih berdegil untuk pindah ke lot industri.

JAWAPAN :

- a) & b) BOSE METAL : Premis ini tidak dikeluarkan lesen perniagaan oleh MBSA kerana masalah status tanah. Pejabat Tanah telah mengeluarkan notis terhadap lot premis yang menyimpan barang lusuh yang bersempadan dengan lapangan terbang Subang. Jumlah notis yang telah dikeluarkan oleh MBSA adalah sebanyak 2 (dua) kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian kerana menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen iaitu pada 17 Mac 2005 dan 12 Jun 2006 terhadap premis yang beroperasi di lot kedai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : MISI BANTUAN PANTAS

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa misi bantuan telah dilakukan oleh PANTAS sejak ia ditubuhkan?
- b) Senaraikan jenis bantuan dan jumlah peruntukkan yang diperolehi bagi setiap misi bantuan yang dibuat

JAWAPAN :

- a) Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (PANTAS) telah ditubuhkan pada 2 Februari 2010 sebagai sebuah badan pertubuhan NGO yang memainkan peranan bagi membantu Kerajaan Negeri Selangor dalam bertindak untuk memberikan bantuan kemanusiaan seperti keperluan asas dan keperluan harian untuk membantu mangsa-mangsa bencana alam khususnya di Negeri Selangor serta Malaysia dan negara lain amnya.

Penubuhan PANTAS selaras dengan hasrat murni Dato' Menteri Besar Selangor untuk melibatkan komuniti terutama golongan belia dan remaja di dalam usaha bersama-sama Kerajaan Negeri Selangor melahirkan generasi yang bertanggungjawab, mempunyai sensitiviti terhadap sesama manusia disamping dapat membantu pembangunan modal insan di Negeri Selangor. Harapan Kerajaan Negeri Selangor melalui penubuhan NGO seperti ini dapat menanamkan semangat saling bantu membantu bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan sesama masyarakat dapat dipertingkatkan.

Sejak ditubuhkan, PANTAS telah berjaya melaksanakan 7 kali misi bantuan kemanusiaan termasuk luar dan dalam negara.

Berikut merupakan bilangan bantuan yang telah diserahkan kepada yang berkenaan bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa musibah.

Masa Bencana	Kategori Bencana	Aktiviti / Program	Tarikh memberikan bantuan
Julai 2010	Sekatan Bantuan	Menyertai pasukan bantuan Kemanusiaan Selangor ke Palestin	Julai 2010
6 Jan 2011	Banjir	Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir di Kelantan	31 Jan 2011
6 Jan 2011	Banjir	Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir di Pahang	5 Feb 2011
7 Jan 2011	Banjir	Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir di Terengganu	1 Feb 2011
31 Jan 2011	Banjir	Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir di Melaka	3 – 4 Feb 2011
31 Jan 2011	Banjir	Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir di Johor	11 – 12 Feb 2011
1 Feb 2011	Banjir	Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir di Pahang	10 Feb 2011

- b) Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (PANTAS) bertindak sebagai Pertubuhan NGO yang memberikan bantuan kemanusiaan seperti keperluan asas, dan keperluan harian bagi meringankan beban mereka yang terlibat dengan musibah bencana.

Berikut merupakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan melalui PANTAS kepada mangsa bencana seperti mana yang telah dinyatakan di jawapan (a).

Aktiviti / Program	Jumlah Peruntukan
Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir di Kelantan, Terengganu dan Pahang	RM 50 000.00
Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir di Pahang, Melaka dan Johor	RM 150 000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : INFLASI SERTA CARA-CARA MENGATASINYA

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan kerajaan telah memberi 20m³ air percuma kepada pengguna-pengguna air yang mempunyai meter individu, adakah kerajaan akan meminta pengusaha-pengusaha restoran supaya tidak mengenakan caj terhadap air kosong demi mengatasi masalah inflasi?

JAWAPAN :

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai apa-apa perancangan bagi meminta pengusaha-pengusaha restoran untuk tidak mengenakan caj terhadap air kosong. ini adalah kerana pemberian subsidi air 20 meter padu pertama adalah untuk pengguna domestik yang bermeter individu (household users) dan bukan untuk premis-premis perniagaan dan industri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK BANTUAN BENCANA

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah wujudnya satu dana khas untuk diperuntukkan bagi bantuan bencana? Jika ya, sila memaklumkan jumlah bagi tahun ini.
- b) Adakah kerajaan negeri mempunyai rekod statistik kes-kes bencana alam? Jika ya, sila membekalkan.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana khas melalui Kumpulan wang Tabung Khas Bencana yang tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan bagi membantu kerja-kerja menyelamatkan dan kerja-kerja berkaitan dengannya serta mangsa bencana, waris-waris mangsa dan mereka yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dengan bencana berkenaan yang mana akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola yang dipengerusikan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor.

Melalui Kumpulan wang tersebut juga, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM40,000.00 kepada setiap daerah di Negeri Selangor bagi tujuan apungan. Bayar balik perbelanjaan yang dilakukan dengan wang apungan tersebut akan dibuat melalui rekomen yang dikemukakan oleh Pejabat Daerah. Baki Kumpulan wang Tabung Khas Bencana seperti pada 1 Mac 2010 ialah sebanyak RM4,344,350.05.

- iv) Masalah keluarga setinggan yang lebih 30 tahun mendiami tapak tersebut yang menghalang PKNS untuk memulakan kerja-kerja awalan penyediaan tapak. Walau bagaimanapun, PKNS dengan kerjasama PTD Sabak Bernam telah menyelesaikan isu setinggan dengan memindahkan setinggan-setinggan berkenaan ke lokasi lain. Pihak PKNS telah bersetuju untuk menanggung kos pemindahan, kos sewa rumah sementara dan juga membina 3 buah rumah untuk didiami oleh keluarga-keluarga tersebut sebagai pampasan. Keluarga-keluarga setinggan telah mengosongkan rumah selepas 26 September 2010.

- c) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : SISA PEJAL

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pelantikan syarikat konsesi pengurusan sisa pejal di setiap PBT di Selangor?
- b) Apakah usaha kerajaan dalam pengurangan sisa pejal?
- c) Apakah rancangan kerajaan dalam usaha penguraian sisa '*biodegradable*' secara kolektif?

JAWAPAN :

- a) Bagi Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) perkhidmatan syarikat konsesi Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) masih digunakan seperti mana yang telah diputuskan oleh Kabinet pada tahun 1998. Pihak majlis memperbaharui perjanjian interim di antara Majlis dengan AFSB setiap tahun seperti arahan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Manakala bagi Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) mereka tidak mempunyai sebarang syarikat konsesi yang dilantik bagi menguruskan hal berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan di kawasan majlis. Ini berikutan kerja-kerja berkenaan dilakukan sendiri oleh pihak majlis tanpa melibatkan syarikat konsesi AFSB.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius mengenai masalah sampah yang semakin meningkat. Pelbagai aktiviti telah dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah sampah ini. Antara yang program yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) adalah seperti mengadakan Kempen Kitar Semula bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Manakala bagi Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), mereka sentiasa meningkatkan dan menggalakkan program '3R' (*reuse, reduce, recyle*) kepada semua pihak di semua peringkat punca bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal.

c) Kerajaan Negeri melalui Worldwide Holdings Berhad (WHB) telah mengambil pelbagai langkah bagi menangani isu '*Biodegradable Waste*' iaitu:-

- Melaksanakan projek pengomposan bagi sisa organik yang dilupuskan di tapak pelupusan sanitari Jeram di mana jumlah sisa '*biodegradable*' yang dilupuskan adalah sebanyak 45% dari jumlah sisa domestik. Langkah ini dilakukan agar jangka hayat tapak pelupusan dapat dipanjangkan dan ianya juga dapat menghasilkan produk baja kompos bagi kegunaan rakyat di Negeri Selangor.
- Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan agar WHB membuat kajian terperinci bagi melaksanakan teknologi baru iaitu '*Mechanical Biological Treatment*' yang mana loji ini akan mengitar semula buangan yang boleh dikitar semula seperti plastik, kertas, besi dan lain-lain. Dengan melalui sistem '*Anaerobic Digester*', ia boleh menjana tenaga elektrik dengan menggunakan sisa organik.
- Melalui WHB juga, sisa organik berkenaan dapat menghasilkan gas metana dimana gas ini akan digunakan bagi penjaanaan tenaga elektrik.
- Di tapak pelupusan Sanitari Air Hitam, Puchong yang telah ditutup pada Disember 2006, pereputan sisa organik telah menghasilkan gas metana. Pada masa ini gas tersebut digunakan bagi menjan 2 megawatt tenaga elektrik melalui projek penjaanaan elektrik secara '*renewable energy*'. Projek ini telah dijalankan sejak tahun 2004 dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANDAR BARU BANGI TETAP KOTOR

48. Walaupun ada kempen kebersihan dan wujudnya zon bersih, masyarakat masih mengecop Bandar Baru Bangi tetap kotor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah perkhidmatan kebersihan tidak begitu terancang?
- b) Apakah kempen terbaru MPKj bagi meningkatkan kesedaran sivik masyarakat tentang kebersihan?
- c) Tidakkah wajar diadakan pertandingan kebersihan antara Taman-taman di MPKj dari masa ke masa?

JAWAPAN :

- a) Perkhidmatan pembersihan dilakukan mengikut perjanjian secara interim dengan Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. Jadual disediakan berpandukan perjanjian yang telah dibuat. Walau bagaimanapun mana-mana jalan di bawah tanggungjawab MPKj dibersihkan oleh kontraktor AFSB (jalan-jalan taman perumahan). Mana-mana jalan di luar taman perumahan di bawah tanggungjawab MPKj dibersihkan oleh unit Task Force sampah. Mana-mana jalan di bawah tanggungjawab JKR diuruskan oleh kontraktor JKR. Pihak MPKj hanya membantu apabila keadaan benar-benar mendesak.
- b) Kempen Anti Denggi yang diadakan dari masa ke semasa di dalam kawasan MPKj. Terbaru kempen diadakan di Fasa 4 Bandar Rinching Semenyih pada 20/3/2011. Dalam kempen tersebut, taklimat tentang penjagaan kebersihan diri, rumah dan kawasan sekitarnya bagi mengelakkan sebarang jangkitan penyakit khususnya wabak denggi.
- c) MPKj pada dasarnya ingin mengadakan pertandingan kebersihan taman-taman. Walau bagaimanapun MPKj menghadapi masalah kekangan kakitangan dan memerlukan peruntukan amat besar. Pihak MPKj juga menganjurkan pertandingan Kejiranan Terbaik Zon MPP pada setiap tahun yang dinilai dari kebersihan dan aktiviti penduduk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PERMOHONAN BANTUAN

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah permohonan baru kebajikan yang diterima bagi daerah Klang dan jumlah yang diluluskan bagi tempoh 2010. Apakah sebab-sebab penolakan bagi permohonan baru tersebut.

JAWAPAN :

- | | | |
|----|---------------------------------|------|
| a) | Permohonan baru diterima | 4725 |
| | Permohonan baru yang diluluskan | 1235 |

Antara sebab-sebab permohonan ditolak adalah :

- i) Bukan warganegara Malaysia
- ii) Pendapatan seisi rumah melebihi had kelayakan kelulusan bantuan iaitu RM720.00 (berdasarkan pada Paras Garis Kemiskinan)
- iii) Mempunyai anak yang telah dewasa dan berkemampuan dalam memberi sumbangan/menyara kehidupan pemohon
- iv) Mempunyai harta yang memberi hasil atau sumber kewangan sampingan seperti Pencen, Perkeso, Bantuan Zakat dan lain-lain

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERTUMBUHAN PUSAT SIBER DAN PUSAT URUT

50. Kota Damansara pada tahun lepas dilabelkan sebagai 'Sin City' kononnya adanya pertumbuhan mendadak pusat-pusat urut/penjagaan kesihatan dan pusat siber. Kerajaan Negeri ada mengeluarkan arahan bahawa tiada lesen baru untuk rumah urut dikeluarkan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan pusat penjagaan kesihatan /pusat urut pada tahun 2008 di Kota Damansara ?
- b) Berapakah bilangan pusat penjagaan kesihatan / pusat urut pada tahun 2011 di Kota Damansara?
- c) Berapa bilangan pusat Siber baru yang telah dibuka sejak 2008 di Kota Damansara?

JAWAPAN :

- a) Bilangan pusat penjagaan kesihatan (pusat urut) tahun 2008 = 2 premis. Selepas tahun 2008, tiada lesen dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- b) Bilangan pusat penjagaan kesihatan (pusat urut) tahun 2011= Kekal 2 premis
- c) Bilangan pusat siber yang telah dibuka sejak tahun 2008 :
 - i) 2008 = 16 premis
 - ii) 2011 = 6 premis

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kemudahan awam baru yang disediakan mengikut kawasan bermula 2008-2010
- b) Senaraikan jalan-jalan yang telah dibarumuka di seluruh Daerah Petaling bawah direct grant Selangor

JAWAPAN :

- d) Kemudahan awam adalah amat penting untuk setiap penduduk di sesuatu kawasan. Ini kerana dengan kemudahan yang disediakan akan dapat membantu dalam urusan seharian. Antara kemudahan awam baru yang telah disediakan mengikut kawasan bermula tahun 2008 – 2010 adalah seperti berikut :-

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Kemudahan Awam Baru
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	<ul style="list-style-type: none"> • Gelanggang Futsal di Seksyen 16, 18, 7 (dua buah). • Pondok Bas.
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	<ul style="list-style-type: none"> • Pasar Awam di Taman Megah. • Gerai SUK di Sti Damansara. • Gerai SUK di Taman Dato' Harun PJS 2C/2. • Gerai SUK di Taman Dato' Harun Jalan 12. • Kiosk Mara di PJS 5. • Gerai di Mutiara Damansara. • Tandasa Awam di Jalan Penchala 2/27. • Tanah Perkuburan dan Surau Pejabat, Kota Damansara.
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	<ul style="list-style-type: none"> • Gelanggang Bola Keranjang / Futsal dan Badminton. • Terminal Bas. • Pondok Bas. • Gazebo. • Lampu Awam. • Trek Jongging dan Siarkaki. • Tandas Awam / OKU. • Tanah Perkuburan.

4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	<ul style="list-style-type: none"> • Perhentian Bas.
5.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	<ul style="list-style-type: none"> • Perhentian Bas di Bukit Dukung, Batu 12 dan di sekitar Hulu Langat. • Perhentian Bas di Taman Sungai Kantan Permai. • Perhentian Bas di hadapan Pejabat Pos Pekan Beranang.
6.	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	<ul style="list-style-type: none"> • Perhentian Bas di Batang Kali.
7.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	<ul style="list-style-type: none"> • Pasar di Dun Sijangkang.
8.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	<ul style="list-style-type: none"> • 5 buah Tandas Awam. • 1 pondok Perhentian Bas. • 3 unit Gerai.

- e) Antara senarai jalan yang telah diturap semula di Daerah Petaling bawah direct grant Selangor adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

SENARAI NAMA JALAN YANG DITURAP TAHUN 2010

<u>SEKSYEN 1</u>	<u>SEKSYEN 3</u>	<u>SEKSYEN 4</u>	<u>SEKSYEN 5</u>	<u>SEKSYEN 11</u>	<u>SEKSYEN 12</u>
Jalan 1/2 Jalan 1/3 Jalan 1/3A Jalan 1/10 Jalan 1/10A Jalan 1/12 Lorong tepi 1/12 Jalan 1/14 Lorong tepi 1/14 Jalan 1/18 Jalan 1/19	Jalan 3/57 Jalan 3/57D	Jalan Othman Jalan 4/42 Jalan 4/43 Jalan 4/33	Simpang Jalan Changgai 6/22 hingga Jalan 5/47	Jalan Universiti dari simpang Jalan 11/2 hingga simpang ke Lebuhraya Persekutuan Petaling Jaya Jalan 11/10 Jalan 11/12 Jalan 11/13 Jalan 11/15 Jalan 11/17	Jalan 12/13 Jalan 12/14

<u>SEKSYEN 16</u>	<u>SEKSYEN 22</u>	<u>SEKSYEN 22</u>	<u>SEKSYEN 14</u>
Jalan Dato Abu Bakar (16/1), dari simpang Jalan 16/6 hingga Jalan 16/11	Jalan 22/28 Jalan 22/32 Jalan 22/34 Jalan 22/34A Jalan 22/36 Jalan 22/38 Jalan 22/40 Jalan 22/42 Jalan 22/42A Jalan 22/44A Jalan 22/44B Jalan 22/44C Jalan 22/44D Jalan 22/45 Jalan 22/47 Jalan 22/49A Jalan 22/51 Jalan 22/53 Jalan 22/55 Jalan 22/57	Jalan Susur Jalan 22/49 Lorong tepi Jalan 22/34 & Jalan 22/32 Lorong tepi Jalan 22/36 & Jalan 22/34 Lorong tepi Jalan 22/44A - Lorong 22/44D Lorong belakang Jalan 22/44A - Lorong 22/44D Lorong belakang Jalan 22/36 - Jalan 22/34 Lorong belakang Jalan 22/34 - Jalan 22/32	Jalan 14/44 Jalan 14/45 Jalan 14/46 Jalan 14/43 Jalan 14/41 Jalan 14/39 Jalan 14/40 Jalan 14/42 Lorong 14/42A Lorong 14/42B Lorong 14/37A Lorong 14/37B Lorong 14/37C Lorong 14/37D Lorong 14/47A Lorong 14/47B

SENARAI NAMA JALAN YANG DITURAP TAHUN 2010

<u>SS2</u>	<u>SS4A</u>	<u>JALAN SS 23</u>	<u>JALAN SS 24</u>	<u>JALAN SS 26</u>	<u>BU 11</u>	<u>KOTA DAMANSARA</u>
Jalan SS 2/61	Jalan SS 4A/2	Jalan SS 23/6	Jalan SS 24/8	Jalan SS 26/9	Jalan BU 11/1A	Persiaran Surian (dari persimpangan Persiaran Kenanga hingga ke Persiaran Sg Buloh)
Jalan SS 2/62	Jalan SS 4A/3	Lorong SS 23/6A	Jalan SS 24/10	Jalan SS 26/14	Jalan BU 11/2	
Jalan SS 2/63	Jalan SS 4A/3A	Lorong SS 23/6B		Jalan SS 26/10	Jalan BU 11/3	
Jalan SS 2/74	Jalan SS 4A/4A	Lorong SS 23/6C		Jalan SS 26/12	Jalan BU 11/4	
Jalan SS 2/74A	Jalan SS 4A/5	Lorong SS 23/6D		Jalan SS 26/17	Jalan BU 11/5	
Jalan SS 2/76	Jalan SS 4A/5A	Lorong SS 23/6E		Jalan SS 26/5	Jalan BU 11/6	
Jalan SS 2/77		Lorong SS 23/15			Jalan BU 11/7	
Jalan SS 2/77A					Jalan sambung	
Jalan SS 2/78					Jalan BU 11/1	
Jalan SS 2/79						
Jalan SS 2/81						
Jalan SS 2/82						
Jalan SS 2/83						
Jalan SS 2/84						
Jalan SS 2/85						
Jalan SS 2/87						
Jalan SS 2/89						

<u>SRI DAMANSARA</u>	<u>PJS 1</u>	<u>PJS 2</u>	
Persiaran Dagang	Jalan PJS 1/21	Jalan PJS 2C/11 (dari simpang Jalan PJS 2 hingga Jalan PJS 2C/11E)	
Jalan SD 7/1		Jalan PJS 2C/11A	
Jalan SD 7/3C		Jalan PJS 2C/11B	
Jalan SD 7/4A		Jalan PJS 2C/11C	
Jalan SD 7/4B		Jalan PJS 2C/11D	
Jalan SD 7/4C			
Jalan SD 7/4D			
Lorong tepi (antara SD 7/3 - SD 7/4D)			
Jalan SD 7/4 (antara simpang Jln SD 7/4E hingga simpang Jalan SD 7/4F)			
Jalan SD 10/2			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan memberi bilangan anak yang telah berdaftar dan wang yang telah dicarum oleh kerajaan ke dalam tabung ini?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan pulangan yang diperolehi selepas 18 tahun melebihi RM1,500?

JAWAPAN :

- a) Bilangan bayi yang telah berdaftar sehingga 2010 ialah 37,314 orang. Jumlah wang caruman yang telah dikeluarkan ialah RM2,209,400.00 (22,094 ahli).
Sehingga 18hb Mac 2011 jumlah wang caruman yang telah dikeluarkan adalah sebanyak **RM2,379,200.00 (23,792 ahli).*
- b) YAWAS telah membuat unjuran berkenaan jumlah pelaburan yang perlu diperuntukan untuk ahli TAWAS sehingga mencapai umur 18 tahun dan bagi memastikan caruman RM1,500.00 setiap ahli dapat dicapai, YAWAS telah menyediakan beberapa pelan jangkamasa panjang:
 - i) YAWAS telah berbincang dengan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan tabung 'reserve fund' dimana dana ini boleh dilabur kedalam beberapa instrumen pelaburan seperti Pelaburan Hartanah (REIT) dan lain-lain pelaburan jangka panjang dan jangka pendek.
 - ii) YAWAS juga telah berbincang dengan Kerajaan Negeri supaya diperuntukan aset-aset seperti sumber tanah komersial dan pertanian yang boleh dibangunkan untuk pelbagai projek.
 - iii) YAWAS juga dalam proses mendapatkan status pengecualian cukai daripada LHDN dengan tujuan memberi peluang kepada individu atau organisasi yang ingin menderma sebahagian daripada wang mereka untuk membantu badan-badan kebajikan atau individu yang memerlukan bantuan. Program ini juga membolehkan penderma-penderma yang menyertai program ini mendapat rebat cukai maksimum daripada LHDN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH MISI

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah adanya dana kerajaan negeri yang diperuntukkan bagi sekolah-sekolah misi?
- b) Adakah kerajaan negeri bersedia untuk mengeluarkan wang sekiranya tidak wujudnya peruntukkan bagi sekolah-sekolah misi?
- c) Wujudnya berapa sekolah-sekolah misi di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan negeri tidak mempunyai peruntukan dana untuk sekolah-sekolah misi.
- b) Sekolah misi tidak tersenarai dalam senarai sekolah-sekolah yang menerima bantuan peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak mempunyai dana khas untuk sekolah tersebut.
- b) Tidak ada Sekolah misi yang diwujudkan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENAMBAHBAIKAN PENTADBIRAN DI NEGERI SELANGOR

54. Dalam penambahbaikan pentadbiran di negeri Selangor terdapat kurang kerjasama antara jabatan dengan jabatan yang lain,

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN :

a) Jabatan/Agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sentiasa saling berhubung dan berinteraksi di antara satu sama lain di dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan. Kerjasama dari segi perkongsian maklumat terutamanya daripada pelaksanaan keputusan-keputusan yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri Selangor sering dilakukan secara bersama melalui medium penyampaian dan pengukuhan sedia ada Kerajaan Negeri. Perkara-perkara yang diputuskan melalui Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Selangor akan dibawa kepada perhatian dan tindakan oleh semua Jabatan/Agensi melalui Mesyuarat Pengurusan Ketua-Ketua Jabatan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri di mana keanggotaannya adalah terdiri daripada ketua-ketua jabatan/agensi di Negeri Selangor termasuk jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan.

Di samping itu juga, perkara-perkara yang menjurus kepada urusan pentadbiran tanah dan penyampaian perkhidmatan di Pihak Berkuasa Tempatan akan dibincang dan diperhalusi dengan lebih teliti dan terperinci melalui Mesyuarat Penyelarasan Pentadbiran Tanah/Daerah dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri di mana keanggotaannya adalah terdiri daripada Datuk Bandar/Yang Di Pertua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pegawai-Pegawai Daerah.

Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor juga sentiasa mengambil langkah yang proaktif dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam dengan menggalakkan penglibatan wakil-wakil dari sektor swasta sebagai ahli tetap di dalam Mesyuarat PEMUDAH Selangor. Objektif utama mesyuarat ini adalah untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam negeri Selangor supaya mencapai penandaarasan antarabangsa, berteraskan pelanggan, berinovatif dan proaktif dalam menyokong ekonomi yang berdaya saing. Fokus penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan adalah dalam menangani isu-isu pelaksanaan dasar dan kecekapan perkhidmatan awam.

Bagi memperkukuhkan lagi struktur sistem pengurusan pentadbiran awam, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus Negeri (JKTU) yang memberi fokus kepada pengukuhan kualiti sistem penyampaian Perkhidmatan Awam berteraskan aspek integriti. Setiap jabatan/agensi juga turut melaksanakan mesyuarat JKJU Peringkat Jabatan/Agensi masing-masing dan membentangkan sebarang isu-isu pemantapan

keutuhan sistem pengurusan pentadbiran, peningkatan tadbir urus terbaik dan usaha-usaha pengurangan karenah birokrasi kepada JKTU Negeri. Walau bagaimanapun, pentadbiran kerajaan negeri masih sentiasa mengalu-alukan sebarang medium dan mekanisme penambahbaikan daripada semua pihak yang boleh memberikan manfaat dalam memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam Negeri Selangor yang sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PERUNTUKAN MEMBAIK PULIH JALAN

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan peruntukan membaik pulih jalan-jalan di seluruh Negeri Selangor selain daripada peruntukan MARRIS yang diuruskan oleh PBT, memandangkan jumlah aduan yang diterima berhubung penyelenggaraan jalan-jalan semakin meningkat.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri menyedari bahawa peruntukan ini tidak mencukupi bagi menampung semua keperluan bagi menyediakan infrastuktur jalan yang sempurna. Keputusan sama ada Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan tersebut berdasarkan kepada keperluan semasa dengan mengambil kira juga keperluan pembangunan negeri dan keperluan perbelanjaan mengurus.

Perincian peruntukan bagi penyelenggaraan jalan raya kepada JKR untuk setiap tahun adalah seperti di bawah:

PEMBERIAN PERUNTUKAN (RM)		
2009	2010	2011
219,110,799.29	109,365,502.00	161,865,522.00

- Nota:
Pada tahun 2010 peruntukan kepada JKR telah ditambah sebanyak RM15 juta bagi menampung pembayaran kepada HCM yang peruntutannya tidak mencukupi pada tahun tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

TAJUK : SEBIDANG TANAH 20 EKAR DI BUKIT TERATAI (SUNGAI SEPUTIH)

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan status tanah tersebut.
- b) Berapakah pemaju sedang memohon tanah tersebut dan lampirkan butir-butir pemaju.

JAWAPAN :

Pentadbiran ini tidak dapat memberikan jawapan kerana soalan tersebut terlalu umum dan tanah 20 ekar yang dimaksudkan tidak dapat dikenal pasti lokasi sebenar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PASIR SUNGAI

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah hasil pasir sungai yang telah dikutip mengikut pecahan daerah daripada tahun 2007-2011.
- b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan kelulusan pasir sungai bagi mengelakkan banjir berlaku disebabkan tunggakan pasir?

JAWAPAN :

- a) Jumlah hasil pasir sungai yang telah dikutip mengikut pecahan daerah daripada tahun 2007 sehingga 2011 adalah seperti berikut:

Bil	PTD	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
1	Petaling	50,850.00	33,000.00	303,729.94	134,410.41
2	Klang	90,000.00	0.00	0.00	0.00
3	Gombak	0.00	37,200.00	66,000.00	18,000.00
4	Hulu Langat	105,900.00	45,000.00	198,000.00	45,000.00
5	Kuala Langat	366,000.00	0.00	0.00	0.00
6	Kuala Selangor	0.00	0.00	0.00	0.00
7	Sabak Bernam	0.00	0.00	0.00	0.00
8	Hulu Selangor	30,600.00	93,000.00	1,908,807.84	456,901.80
9	Sepang	0.00	24,000.00	720,937.47	144,000.00
Jumlah (RM)		643,350.00	232,200.00	3,198,075.25	798,312.21

Operasi cuci gali sungai oleh KSSB bermula pada Mei 2009. Sebelum itu ianya dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor.

Langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempercepatkan kelulusan permit mengalih pasir sungai bagi mengelakkan banjir berlaku akibat longgokan pasir adalah dengan memberi kuasa kepada Pentadbir Tanah berkaitan untuk meluluskan Permit 4C kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB). Walau bagaimanapun, kelulusan hanya akan diberikan di kawasan sungai yang termasuk di dalam inventori JPS. Bagi projek tebatan banjir, lantikan kontraktor dilakukan oleh pihak JPS untuk mengorek sungai manakala Permit 4C bagi tujuan pengalihan perlu melalui pihak KSSB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : KOMUNITI BERPAGAR

58. Insiden Komuniti Berpagar di Kepong yang mengaut nyawa menimbulkan pelbagai jenis pandangan masyarakat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia mengkaji semula Program Komuniti Berpagar ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 9 Jun 2010 telah meluluskan dan seterusnya mengguna pakai Garis Panduan Pembangunan '*Gated and Guarded Community*' secara seragam oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor. Penyediaan garis panduan ini adalah bertujuan sebagai alat pengawalan terhadap skim komuniti berpagar yang semakin berkembang tanpa kawalan 'bak cendawan tumbuh selepas hujan'.

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga pada 20 Oktober 2010 turut telah menyediakan Garis Panduan dan Perancangan '*Gated Community and Guarded Neighbourhood*' untuk diguna pakai oleh semua PBT di seluruh negara.

Walaupun garis panduan yang disediakan oleh kedua-dua pihak telah menetapkan bilangan peratusan yang berbeza yang mana Kerajaan Negeri menetapkan persetujuan 85% daripada pemilik (termasuk penyewa) sedangkan KPKT hanya meletakkan persetujuan majoriti iaitu 51% sahaja namun ianya masih lagi bertentangan dari aspek perundangan seperti Seksyen 136(2) dan Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 46, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Seksyen 80, Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta Seksyen 26 Jadual G, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 sekiranya terdapat sebarang halangan pada jalan-jalan awam dalam pelaksanaan skim pemajuan tersebut. Halangan-halangan tersebut termasuklah barangan seperti besi, kayu, kon, tong 'drum', rantai sama ada berkunci atau tidak berkunci dan sebagainya.

Oleh yang demikian, penyediaan garis panduan ini telah pun mengambil kira aspek keselamatan sekiranya sesuatu insiden berlaku seperti kejadian di Kepong. Dalam garis panduan ini pemohon / persatuan penduduk yang berhajat untuk melaksanakan skim '*guarded community*' perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

- i) Permohonan hendaklah dikemukakan oleh **Persatuan Penduduk** yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.
- ii) **Persetujuan 85% penduduk** daripada bilangan unit rumah yang berpenghuni (termasuk penyewa) perlu diperolehi terlebih dahulu.
- iii) Tiada unsur paksaan bagi menyertai skim ini.

- iv) Pelaksanaan skim '*guarded community*' ini adalah **berbentuk sementara** sahaja iaitu dari dua (2) hingga tiga (3) tahun.
- v) Pelaksanaan hanya dibenarkan bagi **kawasan yang tidak mempunyai kemudahan yang berkongsi** seperti surau, sekolah, padang bola dan sebagainya seperti di peruntukan dalam Pelan Kebenaran Merancang (Pelan Susun atur) asal yang telah diluluskan.
- vi) Pondok pengawal dibenarkan dan saiz adalah 6 kaki x 8 kaki atau **saiz lain yang difikirkan sesuai oleh PBT.**
- vii) Pembinaan pondok pengawal tidak menghalang lalu lintas dan peletakannya di bahu jalan serta perlu mendapat kebenaran bertulis daripada PTD /PBT.
- viii) Penghalang hanya dibenarkan beroperasi dari jam 12 tengah malam sehingga 6 pagi.
- ix) Penggunaan kad akses (automatik) dilarang sama sekali.
- x) Tidak dibenarkan menghalang kenderaan keluar / masuk ke kawasan berkenaan.
- xi) **Penghuni yang tidak menyertai skim ini tidak boleh dihalang** sama sekali memasuki kediaman mereka pada bila-bila masa.
- xii) Pelantikan dan tugas Pengawal Keselamatan wajib mematuhi **Akta Agensi Persendirian 1971 (Akta 27)** dan keperluan Kementerian Dalam Negeri (KDN).
- xiii) **Dilarang sama sekali membina tembok (fencing)** yang mengelilingi kawasan pembangunan kecuali disebabkan faktor keselamatan seperti terdapatnya parit besar, sungai dan lebuh raya dengan kelulusan daripada PBT terlebih dahulu.

Kesimpulannya matlamat penyediaan garis panduan ini hanyalah sebagai tindakan pencegahan sementara dalam mengurangkan kadar jenayah dalam sesuatu kawasan komuniti dan pelaksanaannya bagi sesuatu skim perumahan adalah untuk jangka masa pendek iaitu satu (1) hingga dua (2) tahun sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : EKONOMI

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyakkah pelaburan asing di dalam negeri Selangor pada masa kini berbanding tahun 2007. Adakah ianya berdaya maju dan mampu untuk menyumbang kepada pendapatan negeri?
- b) Sehingga kini berapa banyakkah sumber perolehan PKNS,keuntungan,kerugian yang ditanggung jika ada. Apakah perancangan PKNS dalam tahun 2011 dan adakah ianya membantu pendapatan negeri

JAWAPAN :

- a) Jumlah pelaburan yang dicatatkan pada tahun 2010 amat memberangsangkan walaupun mencatatkan sedikit pengurangan berbanding jumlah pelaburan yang dicatatkan pada tahun 2007.

Pada tahun 2010 negeri Selangor mencatatkan **jumlah pelaburan** sebanyak **RM 10,641,835,401** berbanding **RM 11,181,450,369** yang dicatatkan pada tahun 2007. Walaupun jumlah pelaburan pada **tahun 2010** mencatatkan pengurangan sebanyak **(4.8%)** tetapi jumlah bilangan projek yang diluluskan meningkat sebanyak **325 projek** dan menyediakan sebanyak **27,865 potensi peluang pekerjaan** serta peningkatan dalam jumlah **pelaburan asing** sebanyak **RM 5,146,848,848** berbanding **tahun 2007** yang mencatatkan **318 projek, 25,443 potensi peluang pekerjaan** dengan jumlah **pelaburan asing** sebanyak **RM 4,191,710,937**.

Melalui projek-projek pelaburan yang diluluskan ini secara langsung menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Selain itu, ia juga mampu meningkatkan hasil kepada Kerajaan Negeri melalui cukai taksiran yang dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut memperolehi hasil daripada bayaran-bayaran premium pembangunan yang dikenakan bagi projek-projek perkilangan yang dibangunkan di atas tanah milik Kerajaan Negeri.

- b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 10 Mac 2010 telah menolak soalan**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : ELAUN, TUNTUTAN DAN BONUS AHLI-AHLI LEMBAGA TOURISM SELANGOR SDN BHD (TSSB)

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan Ahli-ahli Lembaga TSSB bagi tahun 2010.
 - b) Berapakah elaun dan tuntutan bulanan setiap Ahli Lembaga TSSB bagi tahun 2010?
 - c) Berapakah bonus, jika ada, yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga TSSB bagi tahun 2010?

JAWAPAN :

- a) Senarai Ahli Lembaga TSSB ialah:-

BIL	NAMA
1.	Y.A.B TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM
2.	YB DATO' RAMLI BIN MAHMUD
3.	YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
4.	Y.BHG DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN
5.	YB TUAN EDWARD LEE POH LIN
6.	Y.BHG DATIN JASMINE ABDULLAH HENG
7.	EN. PERREMAL A/L MARUTHAMUTHU
8.	EN. WONG KIM HOOI
9.	YB GWO-BURNE LOH
10.	YB TUAN HAJI KASSIM BIN ABDUL AZIZ
11.	YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM

b) Elaun dan tuntutan bulanan ialah seperti berikut:

Nama	Tarikh Pembayaran	Nilai (RM)
Tan Sri Dato' Seri Khalid Bin Ibrahim	06/05/2010 & 22/07/2010	2,000.00
Edward Lee Poh Lin	06/05/2010 & 22/07/2010	1,000.00
Jasmine Abdullah Heng	06/05/2010 & 22/07/2010	1,000.00
Wong Keat Ping	06/05/2010 & 22/07/2010	1,000.00
Dato' Ramli Bin Mahmud	06/05/2010 & 22/07/2010	1,000.00
Dato' Noordin Bin Sulaiman	06/05/2010 & 22/07/2010	1,000.00
Perremal A/L Maruthamuthu	06/05/2010	500.00

c) Tiada bonus yang dibayar kepada Ahli Lembaga TSSB bagi tahun 2010.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR)

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila senaraikan jumlah bilangan dan nama sekolah Agama Rakyat yang ada di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah?
 - b) Adakah pihak Kerajaan Persekutuan turut memberi bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat di Negeri Selangor? sila berikan butir-butir.
 - c) Sila nyatakan bagaimanakah pencapaian prestasi pelajar-pelajar SAR Negeri Selangor jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar SAR negeri yang lain?

JAWAPAN :

- a) Sekolah Agama Rakyat di negeri Selangor dikenali sebagai KAFA Integrasi (KAFai) tidak termasuk Sekolah Rakyat atau sekolah Rendah Islam (persendirian) SRI (Swasta).

Bilangan Sekolah KAFA Integrasi Negeri Selangor;

i)	Daerah Petaling	91 Buah sekolah
ii)	Daerah Klang	24 Buah Sekolah
iii)	Daerah Gombak	55 Buah Sekolah
iv)	Daerah Hulu Langat	61 Buah sekolah
v)	Daerah Kuala Langat	8 Buah Sekolah
vi)	Daerah Sabak Bernam	10 Buah sekolah
vii)	Daerah Hulu Selangor	6 Buah sekolah
viii)	Daerah Kuala Selangor	21 Buah Sekolah
ix)	Daerah Sepang	12 Buah Sekolah

Jumlah Sekolah

288 Buah sekolah

- b) **i) Pemberian Perkapita bagi tahun 2010** – RM 5,437,200.00 bagi 288 buah sekolah KAFA dengan jumlah pelajar 90,620 orang.

Permohonan Perkapita Tahun 2011 RM 5,416,680.00 untuk 283 buah sekolah dengan jumlah pelajar 90,278 orang. Pembahagian Perkapita adalah mengikut bilangan murid. Kadarnya ialah 1 orang murid sebanyak RM 60.00

- ii) **Bantuan Modal** – Pembangunan dan Baik pulih.
 Tahun 2009 – Jumlah Bantuan RM 3.2 Juta.
 21 buah sekolah telah dapat bantuan.
 (8 buah sekolah mendapat bangunan baru
 13 buah sekolah mendapat bantuan baikpulih)
- Tahun 2010 – tiada mendapat bantuan modal

- c) Pencapaian Prestasi pelajar-pelajar SAR Negeri Selangor melalui Ujian Pencapaian Kelas KAFA (UPKK)

Tahun 2010

Bil	Daerah	Bil. Sekolah	Bil.Murid	% lulus
1.	Daerah Sabak Bernam	10	184	100
2.	Daerah Kuala Selangor	21	1268	100
3.	Daerah Klang	24	970	100
4.	Daerah Kuala Langat	8	358	100
5.	Daerah Sepang	12	551	100
6.	Daerah Hulu Langat	61	3287	100
7.	Daerah Hulu Selangor	6	150	100
8.	Daerah Petaling	91	5155	100
9.	Daerah Gombak	55	2463	100
	Jumlah	288	14386 orang	

* Kedudukan prestasi di Peringkat Kebangsaan tempat ke 2 selepas Negeri Sembilan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PELABURAN ASING

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha dan hasil kerajaan dalam menggalakkan pelaburan asing dalam industri teknologi hijau dalam tahun 2010?
- b) Apakah usaha dan insentif daripada kerajaan dalam pembekalan sumber manusia berprofesional dalam penarikan pelaburan asing?
- c) Apakah kemudahan infrastruktur dan kewangan yang disediakan untuk menggalakkan pelaburan asing?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor menyedari akan kebaikan teknologi hijau yang mesra alam dan menggunakan karbon pada tahap yang rendah. Kerajaan Negeri berpendapat bahawa pengenalan kepada polisi pembangunan berterusan yang merangkumi pengurangan atau pencegahan serta adaptasi perlu diperkenalkan.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha penggalakan ke arah industri yang lebih mesra alam melalui sektor industri bio-teknologi dan sektor industri teknologi hijau. Kerajaan Negeri percaya aktiviti perindustrian yang berteraskan teknologi hijau mampu bersaing di dunia pembuatan dan perindustrian.

Kerajaan Negeri tidak meletakkan zon khas kepada mana-mana industri yang berasaskan teknologi hijau. Walau bagaimanapun, sebagai satu langkah permulaan, Kerajaan Negeri akan memfokuskan kawasan perindustrian di Selangor Science Park 2 (SSP2) di Sepang sebagai perintis dalam menggalakkan pelaburan sektor perindustrian yang berasaskan teknologi hijau. Kerajaan Negeri percaya, usaha ini akan terus digarap dari masa ke masa agar sektor industri hijau berkembang di negeri ini.

Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri Selangor melalui SSIC Berhad dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menganjurkan "*Seminar on Green Economy*". Objektif utama penganjuran seminar ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelabur domestik dan asing mengenai cabaran, potensi dan masa depan industri teknologi hijau. Langkah ini dapat mempromosikan kepada para pelabur bahawa Kerajaan Negeri amat menggalakkan perkembangan industri teknologi hijau di negeri Selangor.

- b) Dalam pembekalan sumber manusia berprofesional, pihak Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad sentiasa bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi di Selangor dengan menyalurkan maklumat-maklumat keperluan bidang-bidang terkini yang memerlukan tenaga kerja profesional.

Ini kerana dengan melahirkan lebih ramai tenaga manusia profesional akan dapat meyakinkan para pelabur asing untuk memilih Selangor sebagai destinasi pelaburan utama mereka.

- c) **Kemudahan Infrastruktur**

Dalam menggalakkan pelaburan asing, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa mengambil berat dan prihatin dalam menyelenggara dan menaik taraf kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan perindustrian di seluruh negeri Selangor.

Kemudahan Kewangan

Bagi kebiasaannya kemudahan kewangan seperti "*soft loan*" adalah dikhaskan kepada pelabur domestik, manakala pelabur asing adalah digalakkan membawa masuk sumber kewangan mereka sendiri dan sekali gus ianya akan menjana ekonomi negeri dan negara.

Sekiranya syarikat asing memerlukan pinjaman kewangan bagi membiayai projek pelaburan, mereka boleh memohon terus daripada bank-bank tempatan dan asing dan ianya tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat kelayakan pembiayaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANTUAN SEKOLAH RAKYAT

63. Bantuan Sekolah Rakyat akan diteruskan bagi 2011.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah sebarang pertambahan peruntukan terbaru bagi Sekolah Agama Rakyat yang lebih banyak jumlahnya?
- b) Bagaimanakah pengagihan wang akan dibuat bagi tahun ini?
- c) Adakah sebarang perubahan prosedur bagi sekolah-sekolah rakyat tahun ini?

JAWAPAN :

- a) Tidak ada sebarang pertambahan peruntukan terbaru bagi Sekolah Agama Rakyat pada tahun ini.
- b) Pengagihan wang bagi tahun ini adalah menggunakan cek dan agihan akan dibuat melalui Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor (ADUN) mengikut sekolah-sekolah di kawasan masing-masing.
- c) Ada. Perubahan tersebut ialah pemohon hendaklah mendapatkan ulasan dan pengesahan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor (ADUN) di kawasan masing-masing sebelum menghantar borang yang telah lengkap diisi kepada pihak urus setia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : USAHAWAN BARU

64. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah usahawan baru telah dikeluarkan sepanjang tempoh 2010 dan jumlah peruntukan yang dikeluarkan bagi membantu bidang tersebut.

JAWAPAN :

- a) Tiada peruntukan khas yang diperuntukkan di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan bagi melahirkan usahawan baru. Ini kerana peruntukan yang disediakan sekarang adalah untuk usahawan-usahawan yang sedia ada iaitu sekurang-kurangnya telah 3 tahun beroperasi untuk mengembangkan perniagaan. Kerajaan Negeri tidak menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan baru. Walau bagaimanapun usahawan baru atau mereka yang berminat untuk memulakan perniagaan bolehlah memohon bantuan dari Skim Mikro Kredit Selangor melalui Yayasan Dar Al Qard Al Hassan Selangor atau Mimbar Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMULIHAN TAMAN DAN HUTAN SEMULA JADI

65. Di Selangor terdapatnya beberapa taman dan hutan yang dahulunya amat popular untuk aktiviti riadah dan berkelah seperti Bukit Belacan dan sebagainya. Tetapi kini kawasan-kawasan ini tidak dimajukan dan terbiar sahaja.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan taman dan hutan ini ?

JAWAPAN :

- a) Terdapat 14 kawasan Hutan Lipur dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Selangor. Dalam RMK 10, Kerajaan Negeri memperuntukkan lebih kurang RM7.2 juta yang disalurkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk pembangunan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan ini. Ini tidak termasuk peruntukan kepada Tourism Selangor Sendirian Berhad untuk mempromosikan kawasan-kawasan ini sebagai destinasi pelancongan, eko-pelancongan dan pendidikan terulung. Untuk mencapai objektif ini, tema aktiviti dikhususkan kepada Hutan-hutan Lipur khusus seperti berikut:-

- | | | | |
|----|--------------------------|---|--|
| a. | Perkelahan | - | Sungai Sendat
- Hutan Lipur Kanching
- Hutan Lipur Komanwel
- Hutan Lipur Chongkak
- Hutan Lipur Sungai Tekala
- Hutan Lipur Ampang
- Hutan Lipur Gunung Nuang
- Hutan Lipur Sungai Tua
- Hutan Lipur Sungai Gabai |
| b. | Perkemahan- | - | Hutan Lipur Sungai Sendat
- Hutan Lipur Kanching
- Hutan Lipur Komanwel
- Hutan Lipur Sungai Chongkak
- Hutan Lipur Sungai Tekala
- Hutan Lipur Sungai Tua |
| c. | Merentasi
Denai Hutan | - | Hutan Lipur Komanwel
- Hutan Lipur Sungai Chongkak
- Hutan Lipur Sungai Tekala
- Hutan Lipur Kanching |
| d. | Mendaki
Gunung | - | Hutan Lipur Permatang Kuartza
- Hutan Lipur Gunung Nuang
- Hutan Simpan Bukit Kutu |

- | | | | |
|----|---|-----|--|
| e. | Pendidikan -
Alam Sekitar/ -
Perhutanan | i. | Denai <i>Interpretative</i> :
- Hutan Lipur Sungai
Sendat, Hutan Lipur
Ampang, Hutan Lipur
Sungai Tua, Hutan Lipur
Sungai Tekala, Hutan
Lipur Kanching, Hutn
Lipur Sungai Chongkak. |
| | | ii. | <i>Forest Trail</i>
- Permatang Kuartza |
| f. | <i>Fish</i> -
<i>Sanctuary</i> - | | Hutan Lipur Sungai Tua
Hutan Lipur Sungai Chiling |
| g. | <i>Rock</i> -
<i>Climbing/</i>
<i>Abscaling</i> | | Permatang Kuartza |
| h. | <i>Mountain</i> -
<i>Biking</i> | | Gunung Nuang |
| i. | <i>Bird Watching</i> - | | Hutan Lipur Ampang |
| j. | <i>Forest and</i> -
<i>River Exploring</i> | | Hutan Lipur Sungai Tua. |

Dakwaan bahawa kawasan-kawasan seperti Hutn Lipur Ampang (Bukit Belacan terbiar dan tidak dimajukan adalah tidak benar sama sekali.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BADAN YANG MENGURUS PERMOHONAN DOKUMEN PENGENALAN DIRI

66. Tahun 2010, kerajaan negeri telah melantik sebuah badan untuk menguruskan permohonan daripada mereka-mereka yang tiada kad pengenalan dan yang berkaitan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah permohonan yang telah diterima dan berjaya mendapat kad pengenalan
- b) Senaraikan permohonan yang diterima mengikut kawasan

JAWAPAN :

a) & b) Jumlah permohonan yang diterima mengikut kawasan dan yang telah diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara sehingga Februari 2011 adalah seperti berikut:-

Kawasan	Jumlah permohonan	Tertunggak / Batal Permohonan (disebabkan oleh dokumen tidak lengkap dan sebagainya)	Jumlah permohonan yang dikemukakan ke Jabatan Pendaftaran Negara	Jumlah yang telah diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara
Hulu Bernam	30	26	4	0
Rawang	47	43	4	0
Teluk Panglima Garang	47	39	7	1
Desa Mentari	15	9	6	0
Bandar Kinrara	19	19	0	0
Klang	151	98	37	16
JUMLAH	309	234	58	17

Sumber: Pejabat MySEL

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM MAMMOGRAM PERCUMA KEPADA WANITA SELANGOR (MAMMOSEL)

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terbaru program ini dan beri statistik yang wanita yang telah berdaftar mengikut daerah dan DUN?

JAWAPAN :

- a) Program Pemeriksaan Mammogram Percuma Selangor (Mammosel) telah dilancarkan pada tahun 2010. Program ini bertujuan untuk membantu para wanita-wanita selangor untuk menjalani pemeriksaan bagi mengesan penyakit kanser wanita selangor secara percuma berbanding kos yang tinggi yang dikenakan di klinik-klinik swasta. Program ini dijalankan mengikut kawasan Dewan Negeri masing-masing di mana para peserta program akan menjalani pemeriksaan di sebuah pusat perkhidmatan mammogram ini mengikut kawasan Dewan Negeri. Program ini masih diteruskan seperti biasa pada tahun ini dan dijangkakan seramai 11,000 orang peserta akan menerima manfaat ini dengan peruntukan sebanyak RM 1 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dalam bajet tahun 2011.

Berikut adalah pecahan peserta program mammogram mengikut kawasan Dewan Negeri bagi tahun 2010:

No	DUN		Jun-Oct	Nov	Dec	Total
1	N1	Sungai Ayer Tawar		26	74	100
2	N3	Sungai Panjang			26	26
3	N4	Sekinchan			25	25
4	N6	Kuala Kubu Bahru	83			83
5	N7	Batang Kali	183	40		223
6	N8	Sungai Burong		25	34	59
7	N11	Ijok		46	62	108
8	N13	Kuang			28	28
9	N14	Rawang	110			110
10	N15	Taman Templer			14	14
11	N16	Batu Caves		30	45	75
12	N17	Gombak Setia		29	28	57
13	N19	Bukit Antarabangsa			37	37

14	N21	Cempaka		34	41	75
15	N22	Teratai	29	44	23	96
16	N23	Dusun Tua			38	38
17	N28	Sri Kembangan	78	17	32	127
18	N29	Sri Serdang		23	19	42
19	N30	Kinrara			83	83
20	N31	Subang Jaya			26	26
21	N32	Seri Setia			37	37
22	N35	Kampung Tunku	95		10	105
23	N38	Paya Jaras			14	14
24	N39	Kota Damansara		26	7	33
25	N41	Batu Tiga			17	17
26	N42	Meru		32	40	72
27	N43	Sementa			22	22
28	N45	Selat Klang		81	76	157
No	DUN		Jun- Oct	Nov	Dec	Total
29	N49	Seri Andalas			35	35
30	N50	Sri Muda	78			78
31	N51	Sijangkang		26	34	60
32	N52	Teluk Datuk	82	319	77	478
33	N53	Morib		43	39	82
34	N54	Tanjong Sepat		27	39	66
	Total		738	868	1082	2688

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PORTFOLIO EXCO

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah struktur portfolio-portfolio EXCO kini, struktur yang telah disusun semula atau struktur lama sebelum pentadbiran baru, 2008?
- b) Adakah pihak negeri akan melakukan susunan semula struktur portfolio-portfolio EXCO untuk meletakkan portfolio=portfolio yang serupa sebagai contoh, Kerajaan Tempatan dengan Infrastruktur dan Kemudahan Awam bawah satu EXCO?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : WAKIL PEGAWAI RENDAH

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sering kali mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan lain-lain mesyuarat Khas Daerah Hulu Langat, MPAJ akan menghantar wakil tetapi kenapa wakil yang dihantar hanya seorang Pegawai Rendah yang tidak boleh membuat sebarang keputusan

JAWAPAN :

a) **PEJABAT DAERAH/ TANAH HULU LANGAT**

Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat sebagai urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah mengedarkan jemputan kepada semua ketua jabatan/ agensi di daerah termasuk Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan terpulang kepada budi bicara ketua jabatan/ agensi untuk hadir atau menghantar wakil.

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Untuk Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, pihak Majlis Perbandaran Kajang hanya akan menghantar wakil dari kalangan Pengarah atau Penolong Pengarah Kanan sahaja ke mesyuarat tersebut.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Sebagai makluman, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) terlibat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan di dua (2) Daerah iaitu Gombak dan Hulu Langat. Dalam masa yang sama juga Majlis turut mempunyai mesyuarat-mesyuarat dalaman seperti Mesyuarat Jawatankuasa Majlis yang turut dihadiri oleh Ahli Majlis dan juga Mesyuarat Pengurusan Majlis. Selain itu, Majlis juga terlibat dengan Mesyuarat-Mesyuarat luaran peringkat Negeri dan juga Persekutuan. Justeru, bagi hal ini Majlis perlu membahagikan pegawai-pegawai yang ada mengikut keperluan.

Walau bagaimanapun, menyedari kepentingan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan ini, mesyuarat ini hanya akan dihadiri oleh Jurutera / pegawai A sahaja .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : KADAR JENAYAH DALAM NEGERI SELANGOR

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan bilangan kes-kes jenayah yang dilaporkan dalam Negeri Selangor pada tahun 2010 mengikut pecahan jenis khususnya jenayah berat – rompak, rogol, bunuh.
- b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkasakan PBT dan persatuan-persatuan penduduk bagi membendung kes-kes jenayah? Sila nyatakan dengan lebih lanjut, jika ada perancangan sedemikian.

JAWAPAN :

a)

BIL	JENIS KESALAHAN JENAYAH KEKERASAN	TAHUN 2010 KES
1	BUNUH	173
2	ROGOL	651
3	SMN B'KWN S'API	6
4	SMN B'KWN T/API	5,863
5	SMN B'SENJATAPI	4
6	SMN TANPA S'API	888
	JUMLAH	7,585

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

TAJUK : TAPAK PERKUBURAN ISLAM BUKIT PERMAI 2

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan spesifikasi dan jumlah kos untuk projek tersebut.
- b) Sepatutnya dalam kes pembangunan tapak perkuburan Jabatan yang manakah bertanggungjawab? Kenapa?
- c) Berapakah zon bufer yang disediakan dan berapakah unit yang ada di sana, adakah ia bertingkat?

JAWAPAN :

- a) Tapak perkuburan Islam Bukit Permai 2 adalah sedang dalam proses pewartaan kepada Pengarah JAIS. Pihak Jais telah bersetuju untuk memberi kebenaran kepada pihak MPAJ untuk menyediakan infra dan mengurus tapak perkuburan yang melibatkan Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancang Bandar MPAJ. Ini adalah bagi memastikan tapak perkuburan tersebut diselenggara dan diurus dengan lebih sistematik. Kos yang terlibat akan dimohon oleh pihak MPAJ berdasarkan keperluan dari masa ke semasa.
- b) Tapak perkuburan Islam bagi seluruh negeri Selangor adalah di bawah kawalan dan pemantauan pegawai pengawal iaitu Pengarah JAIS. Ini adalah kerana semua tapak kegunaan Islam di Selangor yang telah diwartakan adalah dibawa kawalan Pengarah JAIS seperti Masjid, SRA, Surau dan kubur. Pihak JAIS akan menurunkan kuasa untuk mengurus tapak perkuburan kepada Nazir Masjid di kawasan kariah masing-masing. Walaubagaimanapun, pihak JAIS juga ada memberi kebenaran kepada beberapa PBT untuk menyelenggara tapak perkuburan Islam dari segi pembangunan infra dan pengurusan.
- c) Dianggarkan sebanyak 1443 tapak perkuburan untuk orang dewasa dan 715 tapak untuk kanak-kanak yang telah dirancang secara sistematik oleh pihak MPAJ.

Berdasarkan Fatwa yang telah diwartakan, kubur bertingkat hanya dibenarkan apabila tanah perkuburan sedia ada sudah penuh dan tidak terdapat kawasan lapang yang lain lagi. Lanjutan itu, bagi tapak perkuburan ini, cadangan kubur bertingkat tidak dibenarkan dan semua pihak telah dimaklumkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : RUMAH PRIHATIN

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah rumah prihatin yang telah dibina mengikut pecahan daerah daripada tahun 2007-2011.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan kawasan perumahan yang mampu didiami oleh golongan berpendapatan rendah?

JAWAPAN :

- a) Jumlah rumah prihatin yang telah dibina mengikut pecahan daerah daripada tahun 2007-2011 adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Kerajaan Negeri amat prihatin dalam menangani masalah perumahan yang mampu didiami oleh golongan yang berpendapatan rendah. Kerajaan Negeri telah mewujudkan Program Kerajaan Prihatin untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah yang sempurna dan selesa. Walaubagaimanapun Program ini hanya tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan berdasarkan pertimbangan oleh Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin.

Selain daripada itu, melalui Jawatankuasa Tetap Perumahan dibawah Y.B. Tuan Iskandar A.Samad, beberapa program telah diwujudkan bagi menangani isu rumah mampu milik oleh golongan berpendapatan rendah. Antaranya ialah Program Rumah Mampu Milik "Generasi Baru" dibawah kendalian PKNS yang akan membina lebih 800 rumah mampu milik di Bandar Baru Bangi, Shah Alam serta Gombak dengan Fasa Pertama bermula pada April 2011. Sasaran utama program ini ialah untuk menyediakan rumah mampu milik bagi mereka yang berpendapatan antara RM3,000.00 hingga RM5,000.00.

Selain dari itu, Tabung Pemulihan Projek Perumahan Kos Rendah juga telah diwujudkan dengan suntikan dana sebanyak RM2 Juta setahun untuk bertujuan untuk membaik pulih kawasan-kawasan perumahan kos rendah. Kerajaan Negeri telah membaik pulih bumbung pangsapuri kos rendah di Bukit Sentosa, Hulu Selangor dengan kos sebanyak RM400,000.00.

4	00100337	ROSMAH BINTI SAMID	660415107568	04/11/2010	PT 6849 JALAN BEDENA 2, TAMAN SRI BEDENA 45300 SG.	S1	Aktif
5	00100339	ZALEHA BINTI HASAN	391018085278	04/11/2010	PARIT 2 BARAT 45300 SG. BESAR SELANGOR	S1	Aktif
Kumpulan - KEMBARA							
1	00100345	CHE SU BINTI SAAD	700802025806	04/11/2010	NO. 7 PARTI 2 TIMUR 45300 SG. BESAR SELANGOR	S1	Aktif
2	00100346	RAUDZAH BT HASSAN	630522106280	04/11/2010	NO. 27 A PARIT 5 TIMUR 45300 SG. BESAR SELANGOR	S1	Aktif
3	00100344	ROSIAH BINTI MD ALI @ HANAFIAH	640825106148	04/11/2010	NO. 99 JALAN TP 7,TAMAN PERDANA 45300 SG. BESAR SE	S1	Aktif
4	00100343	SAMIYAH BINTI ALI	580528106422	04/11/2010	NO. 3 PARIT 2 BARAT 45300 SG. BESAR SELANGOR	S1	Aktif
5	00100342	SITI NORBAIZURA BINTI AHMAD	831002105664	04/11/2010	NO. 9 PARIT 2 BARAT 45300 SG. BESAR SELANGOR	S1	Aktif
Kumpulan - KENARI							
1	00100520	ARBAKIAH BINTI SABL	700722105400	13/01/2011	NO. 54 PARIT 4 TIMUR 45300 SG. BESAR SELANGOR	S2	Aktif
2	00100517	NORHASIMAH BINTI HASSAN	660207105904	13/01/2011	PARIT 5 TIMUR 45300 SG BESAR SELANGOR	S2	Aktif
3	00100521	RODIAH BINTI HASHIM	761014086674	13/01/2011	NO. 20 LORONG CEMPAKA 45300 SG. BESAR SELANGOR	S2	Aktif
4	00100518	RUZAINA BINTI YUSOFF	750308105478	13/01/2011	NO. 30 PARIT TIMUR 45300 SG BESAR SELANGOR	S2	Aktif
5	00100519	SELIAH BINTI YAHAYA	680405105866	13/01/2011	NO. 36 PARIT 5 TIMUR 45300 SG. BESAR SELANGOR	S2	Aktif

Jumlah Sadiq Sah Mengikuti Pusat : 25 orang

Pusat - YAYASAN TELUK RHU

Bil	No.Sadiq	Nama	No KP	Tkh Masuk /	Alamat	Indek Layak	Status
Kumpulan - NUR IMAN							
1	00100148	AZNI ROKHAIZAN BINTI BASIRAN	750406105658	25/10/2010	JALAN SEKOLAH KG TELUK RHU	S1	Aktif
2	00100252	FUZIAH BINTI HAJI IBRAHIM	750206106058	25/10/2010	TEBUK SAADIAH SG TENGAR SELATAN	S1	Aktif
3	00100249	MASITAH BINTI HAMIN	640924106442	25/10/2010	LORONG SAPARI KG TELUK RHU	S1	Aktif
4	00100250	NORHAYATI BINTI ALIP	661221105710	25/10/2010	LOT 2265 JLN SERI JAYA,KG SG APONG	S1	Aktif
5	00100251	SITI AISHAH BINTI HAJI ISMAIL	630903106284	25/10/2010	LOT 1081 KG TELUK RHU	S1	Aktif
Kumpulan - NUR NAJWA							
1	00100256	FARIDAH NURAINI BINTI IKHWAN	740729105602	25/10/2010	NO 4KG TELUK RHU	S1	Aktif
2	00100255	NORAZIZAH BINTI MOHD ZAINI	800427105668	25/10/2010	JLN RUDI KG TELUK RHU	S1	Aktif
3	00100253	NORMAH BINTI ABD HAMID	651018106700	25/10/2010	LOT 1869 JLN BESAR KG TELUK RHU	S1	Aktif
4	00100257	RUBIAH BINTI ARSHAD	641112106548	25/10/2010	LOT 724 JLN HJ SHAFIEE SG TENGAR SELATAN	S1	Aktif
5	00100254	SITI KHALWAH BINTI BASIRAN	620401105602	25/10/2010	TEBUK SEKOLAH KG TELUK RHU	S1	Aktif

Jumlah Sadiq Sah Mengikuti Pusat : 10 orang

Ringkasan Laporan :

Jumlah Besar : 545 orang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

**TAJUK : DNS PELABUHAN KLANG DIISYTIHARKAN KOSONG AKIBAT
KETIDAKHADIRAN ADNSNYA KE SIDANG DEWAN**

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peruntukan perlembagaan yang mewajarkan kerusi ahli DNS diisytiharkan kosong?
- b) Apakah implikasi dari pengisytiharan Mahkamah bahawa ahli Dewan Pelabuhan Kelang masih kekal ?
- c) Tidakkah mahkamah mencabul hak dan kedudukan Dewan Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) **Perkara LXIX Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959** adalah peruntukan yang berkaitan. Ianya memperuntukkan seperti berikut :-

Ketidakhadiran seseorang ahli

LXIX. Jika seseorang ahli Dewan Negeri tidak hadir tanpa kebenaran Speaker pada tiap-tiap persidangan Dewan selama tempoh 6 bulan, kerusinya hendaklah diisytiharkan kosong oleh Speaker.

- b) Memandangkan mahkamah telah mengisytiharkan bahawa ahli Dewan Pelabuhan Kelang masih merupakan ahli Dewan Negeri yang sah, maka **keputusan tersebut wajar dihormati sehinggalah mahkamah membuat keputusan di atas rayuan yang dikemukakan oleh Y.B. Dato' Speaker**. Oleh yang demikian, tertakluk kepada keputusan rayuan, maka kedudukan ahli Dewan Pelabuhan Kelang masih kekal buat masa ini.
- c) Memandangkan kes masih dalam pertimbangan mahkamah, maka soalan (c) ini tidak wajar dibincang dan dijawab. Ianya selaras dengan **Peraturan 23(1)(g) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor** yang memperuntukkan seperti berikut :-

23. (1) Tiap-tiap pertanyaan itu hendaklah menepati peraturan-peraturan yang tersebut di bawah ini :

- (g) **sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikarangkan ayatnya yang mengandungi prasangka terhadap perkara yang sedang dibicarakan oleh Mahkamah atau tidak boleh ditanya berkenaan dengan apa-apa perkara yang dalam timbangan Mahkamah;**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : SUMBER MANUSIA

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Dalam tempoh tahun 2008 hingga 2010, berapakah jumlah kakitangan baru pelbagai sektor telah dilantik, senaraikan mengikut kepelbagaian bidang. Berapakah kakitangan yang berhenti dan berpencen?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan data yang dikemas kini, seramai **1504 kakitangan** baru telah dilantik melibatkan pelbagai jawatan bagi tempoh tersebut. Pada tahun 2008, seramai 952 kakitangan baru telah dilantik, tahun 2009 seramai 165 manakala pada tahun 2010 pula seramai 387 kakitangan baru yang dilantik. Perincian kepelbagaian jawatan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran**.

Manakala bagi jumlah kakitangan yang telah berhenti, berikut disenaraikan statistik berkenaan:

Bil.	Perkara	2008	2009	2010
1.	Dibuang kerja atas pelbagai kesalahan tata tertib	10	13	5
2.	Penamatan perkhidmatan	0	5	1

LAMPIRAN

SENARAI JAWATAN YANG TERLIBAT DALAM STATISTIK PENGAMBILAN JAWATAN TETAP BAGI TEMPOH 2008 HINGGA 2010

BIL	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	2008				2009				2010			
			KOSONG	MEMOHON	ISI	CATATAN	KOSONG	MEMOHON	ISI	CATATAN	KOSONG	MEMOHON	ISI	CATATAN
1	DG41	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah	283	349	181	Calon layak tidak mencukupi	45	521	24	Tiada calon yang berkelayakan				
2	FT17	Juruteknik Komputer					10	422	10					
3	F11	Operator Mesin Prosesan Data (OMPD)									6	1798	0	Pengambilan dibatalkan kerana penjumlahan skim perkhidmatan
4	G27	Penolong Pegawai Pertanian					10	434	10					
5	G27	Penolong Pegawai Veterinar					5	6	4	Ramai calon tidak penuhi syarat skim				
6	G17	Pembantu Pertanian					4	273	4					
7	G17	Pembantu Veterinar					38	155	33	Ramai calon tidak penuhi syarat skim				
8	G11	Pengawas Hutan	1	144	1		53	321	36	Ramai calon tidak memenuhi syarat skim				
9	J29	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa					1	213	1					
10	J29	Penolong Jurutera (Awam, Mekanikal, Ukurbahan, Senibina)									4	809	4	
11	J17	Juruteknik (Awam, Mekanikal, Ukurbahan, Senibina)									19	1843	19	
12	J17	Juruteknik Perancang Bandar & Desa					3	231	3					
13	J17	Pelukis Pelan	38	527	38									
14	KP11	Pengawal Keselamatan					17	322	17					
15	LS27	Penolong Pegawai Syariah	12	192	12									
16	LS17	Pembantu Syariah	28	363	28						6	1296	6	
17	NT31 / NT27	Penolong Pegawai Tanah									2	811	0	Pengambilan dibatalkan kerana perubahan skim melalui opsyen
	NT17	Penolong Pegawai Tanah									16	1905	0	Pengambilan dibatalkan kerana perubahan skim melalui opsyen
18	NP27	Penghulu					8	429	3	Dari 3 yang berjaya, 2 tolak tawaran				

BIL	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	2008				2009				2010			
			KOSONG	MEMOHON	ISI	CATATAN	KOSONG	MEMOHON	ISI	CATATAN	KOSONG	MEMOHON	ISI	CATATAN
19	N17	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)									160	16940	160	
20	N17	Pembantu Tadbir (Penyelenggara Setor)									3	661	3	
21	N17	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	21	216	9	Hanya 9 calon hadir	20	1015	19					
22	N17	Pegawai Khidmat Pelanggan	34	478	32						8	2317	8	
23	N17	Juruaudio Visual					1	197	1					
24	N11	Pembantu Tadbir Rendah/Jurutaip	63	479	31	Hanya 31 calon hadir								
25	N3	Penghantar Notis									19	1214	19	
26	N1	Pembantu Am Pejabat									38	1014	38	
27	R11	Tukang K2									4	851	4	
28	R9	Tukang K3									4	974	4	
29	R3	Pemandu Kenderaan									8	998	8	
30	R3	Operator Logi									3	91	0	Pengambilan ditangguh kerana JPS sedang kaji syarat skim dengan pihak JPA
31	R1	Pekerja Awam	589	1084	356	Pej. SUK memutuskan 356 sahaja perlu diisi					13	1794	13	
32	S27	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	71	270	71									
33	S17	Pembantu Hal Ehwal Islam	193	283	193						95	2781	95	
34	S17	Pembantu Pembangunan Masyarakat									6	14704	6	
35	S11	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam									5	1755	0	Pengambilan dibatalkan kerana perubahan skim melalui opsyen
36	W17	Pembantu Tadbir (Kewangan)									22	4950	22	
JUMLAH			1333	4385	952		215	4539	165		419	59506	387	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SISTEM PENDIDIKAN DI NEGERI SELANGOR

111. Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa rancangan di bawah Sistem Pendidikan di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah garis panduan terhadap pendidikan pada peringkat tadika?
- b) Apakah bantuan-bantuan pendidikan yang diberi oleh Kerajaan Selangor pada Persekolahan rendah, menengah hinggalah ke peringkat pelajaran tinggi?
- c) Bagaimana kerajaan memantau prestasi universiti dan kolej swasta di Selangor?

JAWAPAN :

a)

- b) Bantuan pendidikan peringkat tinggi yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut :

i) Hadiah anak masuk Universiti

Program ini adalah merupakan program di bawah agenda merakyatkan Ekonomi Selangor. Rakyat Negeri Selangor yang layak akan diberikan hadiah sebanyak RM 1,000 sebagai hadiah kerana berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti.

ii) Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor

Pinjaman yang disediakan ini adalah merupakan pinjaman boleh ubah dan ditawarkan kepada semua bidang peringkat pengajian iaitu di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Diploma di IPTA/ IPTS dan di peringkat sijil di Politeknik/Kolej Komuniti

Jumlah tawaran biasiswa adalah seperti berikut :

Peringkat Pengajian	Kadar Pinjaman (setahun)
Ijazah (perubatan)	RM 7,000.00
Ijazah (lain-lain)	RM 6,500.00
Diploma	RM 4,900.00
Sijil	RM 4,000.00

- iii) Bantuan Pendidikan melalui Lembaga Zakat Selangor
- iv) Pinjaman Yayasan Selangor
- v) Program Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : BILANGAN BORANG 5A YANG DIKELUARKAN KEPADA
PENDUDUK LUAR BANDAR**

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan bilangan borang 5A yang dikeluarkan kepada penduduk-penduduk luar bandar di kampung tradisi, kampung baru, estet dan kampung bagan sejak tahun 2000 sehingga sekarang.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KOMPAUN YANG DIKENAKAN

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyakkah tindakan atau kompaun yang di keluarkan kepada syarikat-syarikat, pemaju-pemaju yang melakukan kesalahan dalam urusan-urusan Perumahan dan Bangunan.

JAWAPAN :

- a) Bilangan tindakan atau kompaun yang telah dikeluarkan oleh PBT kepada syarikat-syarikat atau pemaju yang melakukan kesalahan dalam urusan-urusan Perumahan dan Bangunan bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN KOMPAUN / TINDAKAN YANG DIKELUARKAN
Majlis Bandaraya Shah Alam	58
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	222
Majlis Perbandaran Klang	37
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	19
Majlis Perbandaran Subang Jaya	136
Majlis Perbandaran Selayang	191
Majlis Perbandaran Kajang	Tidak memberi maklum balas
Majlis Perbandaran Sepang	75
Majlis Daerah Hulu Selangor	98
Majlis Daerah Kuala Langat	3
Majlis Daerah Kuala Selangor	58
Majlis Daerah Sabak Bernam	0

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

TAJUK : GERAI-GERAI HARAM DI TAMAN SERAYA TEPI JALAN MAWAR.

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status gerai-gerai tersebut.
- b) Kenapakah gerai-gerai ini tidak dipindah? Apakah halangannya.
- c) Sejak bila gerai-gerai yang haram sudah berada di tapak tersebut.

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Penuh Majlis Bil 6/2010 pada 30 Jun 2010, pihak Majlis memutuskan supaya permit sementara dikeluarkan kepada peniaga warganegara di Gerai Statik di Jalan Bunga Tanjung 18, Taman Seraya. 17 peniaga telah dilesenkan dengan fi bayaran lesen RM100 dan RM100 bagi caj pembersihan yang diperbaharui setiap 2 bulan atau 6 bulan sekali.
- b) Pihak majlis pernah menawarkan peniaga untuk berpindah ke B.O.T Taman Putra pada tahun 2007, sebelum merobohkan gerai tersebut tetapi peniaga membuat rayuan untuk menangguhkan perobohan.
- c) Sejak tahun 1984 (27 tahun).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : ELAUN, TUNTUTAN DAN BONUS AHLI-AHLI LEMBAGA
PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)**

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan Ahli-ahli Lembaga PNSB bagi tahun 2010.
- b) Berapakah elaun dan tuntutan bulanan setiap Ahli Lembaga PNSB bagi tahun 2010?
- c) Berapakah bonus, jika ada, yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga PNSB bagi tahun 2010?

JAWAPAN :

a) Senarai Ahli Lembaga Pengarah PNSB yang terkini adalah seperti berikut :-

- i) Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim - (Pengerusi)
- ii) Y.B. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
- iii) Y.Bhg Dato' Noordin bin Sulaiman
- iv) Y.B. Tuan Azan bin Ismail
- v) Y.Bhg Dato' Rahmat bin Jamari
- vi) Tuan Haji Ahmad bin Omar
- vii) Tuan Haji Md Yusof bin Hussin

b) i) Elaun Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PNSB bagi tahun 2010 adalah seperti berikut :-

- 1) Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim (Pengerusi)
- RM5,000.00 X 6 kali mesyuarat = RM30,000.00
- 2) Y.B. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
- RM2,000.00 X 4 kali mesyuarat = RM8,000.00
- 3) Y.Bhg Dato' Noordin bin Sulaiman
- RM2,000.00 X 6 kali mesyuarat = RM12,000.00
- 4) Tuan Haji Ahmad bin Omar
- RM2,000.00 X 6 kali mesyuarat = RM12,000.00
- 5) Y.B. Tuan Azan bin Ismail
- RM2,000.00 X 4 kali mesyuarat = RM8,000.00

- 6) Y.Bhg Dato' Rahmat bin Jamari
- RM2,000.00 X 4 kali mesyuarat = RM8,000.00
 - 7) Tuan Haji Md Yusof bin Hussin
- RM2,000.00 X 2 kali mesyuarat = RM4,000.00
- ii) Elaun Tahunan Ahli Lembaga Pengarah PNSB bagi tahun 2010 adalah seperti berikut :-
- 1) Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim - RM60,000.00
 - 2) Y.B. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman - RM40,000.00
 - 3) Y.Bhg Dato' Noordin bin Sulaiman - RM40,000.00
 - 4) Tuan Haji Ahmad bin Omar - RM40,000.00
 - 5) Y.B. Tuan Azan bin Ismail - RM21,589.04
 - 6) Y.Bhg Dato' Rahmat bin Jamari - RM21,589.04
 - 7) Tuan Haji Md. Yusof bin Hussin - RM21,589.04
- iii) Tiada sebarang tuntutan bulanan bagi setiap Ahli Lembaga Pengarah PNSB.
- c) Tiada bayaran bonus untuk Ahli Lembaga Pengarah PNSB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : BANGUNAN BARU SEKOLAH RENDAH AGAMA HARMONI
SEKINCHAN**

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan bilakah cadangan pembinaan bangunan baru 3 tingkat SRA Harmoni akan dimulakan oleh pihak Kerajaan Negeri?
- b) Apakah masalah utama yang menyebabkan cadangan tersebut tertangguh sehingga kini walaupun sudah dikemukakan sekian lama oleh pihak SRA Harmoni?
- c) Sila kemukakan berapakah jumlah peruntukan yang bakal disalurkan sekiranya permohonan tersebut mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RM Ke 10) Jabatan Agama Islam Selangor melalui Bahagian Pendidikan Islam tidak menyenaraikan keperluan mendesak bangunan tambahan atau bangunan gantian untuk sekolah rendah Agama Harmoni Sekinchan.
- b) Masalah utama :
 - i) Banyak permohonan keperluan bangunan Sekolah Agama daripada masyarakat setempat atau daerah. Kekangan peruntukan juga mempengaruhi keutamaan pemilihan sesebuah sekolah akan didirikan. Walaupun terdapat permohonan awal dari sesebuah sekolah ia boleh tertunda disebabkan pemilihan mengikut keutamaan. Pelbagai aspek keperluan mendesak diteliti untuk memenuhi keperluan rakyat negeri Selangor merangkumi Penempatan utama, atau penempatan mengikut rancangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa atau penempatan tradisional yang sedang atau rancak membangun.
 - ii) Banyak bangunan baru Sekolah Rendah Agama diperlukan seperti di bandar Puncak alam 1, Puncak Alam 2, Alam Denai Shah Alam, Bandar Teknologi Hulu Langat, Putra Height Subang Jaya, Sg Langkas tambahan Puchong, Puchong Perdana, Taman Kajang Utama dan kawasan-kawasan lain.

- iii) Terdapat bangunan-bangunan Sekolah Rendah Agama yang sangat uzur seperti SRA Kuala Pajam Hulu Langat, SRA Sg Sireh Parit 1 Tg Karang, SRA Paya Jaras Petaling, SRA Batang kali Hulu Selangor, Pra sekolah JAIS Sepang dan lain –lain lagi.
 - iv) Terdapat sekolah-sekolah Agama yang beroperasi di rumah kedai seperti kAFA Kajang Utama, KAFA Taman Tun Perak Kajang dan terdapat juga Sekolah Agama berada dibawah 'kolong' bangunan seperti KAFA Penjara Sg Buluh Gombak, KAFA Bandar Armada Putra Pulau Indah Klang atau KAFA Taman Seri Lembayong Shah Alam.
- c) Jumlah Peruntukan belum ditetapkan kerana ia mengikut spesifikasi keperluan mendesak dibandingkan dengan keperluan di tempat lain. Walaubagaimanapun untuk membina 12 buah bilik darjah mengganti sebahagian bangunan sediaada peruntukan yang diperlukan dianggarkan RM 3.5 juta. Kerajaan Negeri sentiasa peka melaksanakan kerja-kerja baik pulih di bangunan sedia ada, jika bangunan tidak selamat digunakan Jabatan Forensik Bangunan akan menyiasat dan mencadangkan untuk meroboh bangunan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : USAHA MEMINDA PERLEMBAGAAN NEGERI SELANGOR

117. Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor berusaha meminda perlembagaan Negeri Selangor bagi mengembalikan kuasa Sultan dan Menteri Besar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perlunya diadakan sidang khas Dewan Negeri jika diketahui tiada majoriti bagi kerajaan Pakatan Rakyat?
- b) Apakah mesej yang mahu disampaikan melalui sidang berkenaan?
- c) Apakah alternatif bagi mengembalikan kuasa Raja dan Menteri Besar?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN**

TAJUK : KONTRAKTOR PASIR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah permohonan tender pasir oleh kontraktor di seluruh pasir di negeri Selangor. Senaraikan kontraktor dan tempat yang berjaya untuk mengeluarkan pasir dan berapakah pendapatan setiap tahun mengikut tempat yang di tender?

JAWAPAN :

- a) Dari tahun 2008 hingga 2010, statistik tender / sebut harga yang dikeluarkan oleh KSSB adalah seperti berikut :

Tahun	2008	2009	2010	Jumlah
Bilangan Tender / Sebutharga	6	33	15	54
Bilangan Peserta	373	321	174	868

KSSB telah melantik 20 kontraktor melombong dan 41 kontraktor cuci gali sungai di seluruh Selangor.

Senarai kontraktor yang dilantik oleh KSSB adalah seperti Lampiran DUn 2011-03 (1) dan Lampiran DUN 2011-03(2).

Maklumat pendapatan setiap tempat tender untuk setiap tahun masih di dalam proses audit semula dan hanya akan diperolehi dalam masa terdekat.

KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

Lampiran DUN 2011-03(1)

Senarai Kontraktor Melombong Pasir Lantikan KSSB Maklumat Untuk Sidang DUN Selangor, Mac 2011

Bil	Daerah	Mukim	Nama Lokasi	Nama Kontraktor	Grup	Status
1	Kuala Langat	Tanjung Dua Belas	PKPS Olak Lempit B	Fasa Abadi Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
2	Kuala Langat	Tanjung Dua Belas	PKPS Olak Lempit A	Cheong Weng Trading	Cina	Aktif
3	Kuala Selangor	Bestari Jaya	PNSB Sungai Darah A	Uruswajar Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
4	Kuala Selangor	Bestari Jaya	PNSB Sungai Darah B	Saujana Biru Sdn. Bhd.	Cina	Aktif
5	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Plot B	Excel Performance Sdn. Bhd.	Cina	Aktif
6	Kuala Selangor	Bestari Jaya	PNSB Kg Makmur	Reach Eastern Resources Sdn. Bhd.	India	Aktif
7	Sepang	Dengkil	Dengkil 2	Stabil Majumas Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
8	Hulu Langat	Beranang	Sungai Kembong 1A	Alunan Mewah Sdn. Bhd.	Cina	Tamat
9	Hulu Langat	Beranang	Sungai Kembong 1C	Turbine Technique (M) Sdn. Bhd.	Bumiputra	Tamat
10	Hulu Selangor	Serendah	Kambing Susu A	Perniagaan Jaya	Cina	Tamat
11	Hulu Selangor	Serendah	Kambing Susu B	YOL Century Sdn. Bhd.	Cina	Tamat
12	Hulu Selangor	Serendah	Kambing Susu C	Krizik (Malaysia) Sdn. Bhd.	Bumiputra	Tamat
13	Hulu Selangor	Serendah	Kambing Susu D	Reach Eastern Resources Sdn. Bhd.	India	Tamat
14	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Bestari Jaya A	Low Chai Eng & Sons Trading Sdn. Bhd.	Cina	Tamat
15	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Bestari Jaya B	Resvil Holding Sdn. Bhd.	Bumiputra	Tamat
16	Kuala Selangor	Bestari Jaya	Bestari Jaya B	Win Kiong Trading	Cina	Tamat
17	Kuala Selangor	Hulu Tinggi	Hulu Tinggi A	Binaform Sdn. Bhd.	Cina	Tamat
18	Kuala Selangor	Hulu Tinggi	Hulu Tinggi B	Plustrans Resources Sdn. Bhd.	Bumiputra	Tamat
19	Sepang	Dengkil	Dengkil 1	Wawasan Dengkil Sdn. Bhd.	Cina	Tamat
20	Sepang	Dengkil	Dengkil 2	Hai Thiong Construction	Cina	Tamat

KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

Lampiran DUN 2011-03(2)

**Senarai Kontraktor Lantikan KSSB - Cucigali Sungai
Maklumat Untuk Sidang DUN Selangor, Mac 2011**

Bil	Daerah	Mukim	Nama Lokasi	Nama Kontraktor	Grup	Status
1	Gombak	Setapak	UIA Gombak	Koperasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Bhd.	Bumiputra	Aktif
2	Gombak	Ulu Klang	Sungai Kelang/Ampang (Kg. Berembang; Smart Tunnel)	Aminora Enterprise	Bumiputra	Aktif
3	Hulu Langat	Bangi	Sungai Langat (Teras Jernang)	WZR Properties Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
4	Hulu Langat	Bangi	Sungai Langat (Seksyen 3, Bandar Baru Bangi)	Tiga H Marketing	Bumiputra	Aktif
5	Hulu Langat	Bangi	Sungai Langat (Seksyen 7, Bandar Baru Bangi)	Duplex Energy Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
6	Hulu Langat	Hulu Langat	Sungai Langat (Sg. Serai A; Taman Bukit Sekawan)	Aras Metal Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
7	Hulu Langat	Hulu Langat	Sungai Langat (Sg. Serai B; Bandar Mahkota Cheras)	Ismarau Tajuddin Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
8	Hulu Langat	Kajang	Sg. Semenyih B (Kg. Bangi)	CMA Services Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
9	Hulu Langat	Kajang	Sebahagian Sg. Semenyih C; Kg Bt. Lima dan Sebahagian Sg. Semenyih D; Kg Rinching Hilir	Suara Karlisma Enterprise	Bumiputra	Aktif
10	Hulu Selangor	Batang Kali	Sg. Liam	Nur Delima Enterprise	Bumiputra	Aktif
11	Hulu Selangor	Batang Kali	Sg. Batang Kali A	Elegant Biz Sdn. Bhd.	Cina	Aktif
12	Hulu Selangor	Batang Kali	Sg. Batang Kali B	Mayfair Technologies Sdn. Bhd.	India	Aktif
13	Hulu Selangor	Kalumpang	Sg. Inki A	DBE Dagang Enterprise Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
14	Hulu Selangor	Kalumpang	Sg. Inki B	Bumi Intan Enterprise	India	Aktif
15	Hulu Selangor	Kerling	Sungai Kerling (Kampung Jawa)	Key Dredging Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
16	Hulu Selangor	Kerling	Sungai Kerling (Ladang Sg. Jernih)	Afzas Two Enterprise	Bumiputra	Aktif
17	Hulu selangor	Rasa	Sungai Selangor (Taman Keruing)	Nature's Angle Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
18	Hulu selangor	Rasa	Sungai Selangor (Kampung SKC Timah)	T.H. Yang Earth Works	Cina	Aktif
19	Hulu Selangor	Serendah	Kelab Golf Serendah	Forza Design & Renovation	India	Aktif
20	Hulu selangor	Sg. Tinggi	Sungai Selangor (Kambing Susu C)	Warisan Pandan Resources	Bumiputra	Aktif
21	Hulu selangor	Sg. Tinggi	Sungai Selangor (Bukit Tagar A)	C & W Construction Trading	Cina	Aktif
22	Hulu selangor	Sg. Tinggi	Sungai Selangor (Kambing Susu B)	Silicamines Development Sdn. Bhd.	Cina	Aktif
23	Petaling	Damansara	Sg. Damansara A	Naluri Aktif Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
24	Petaling	Damansara	Sg. Damansara B	Pembinaan Jitraman Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
25	Petaling	Damansara	Sungai Kayu Ara (Kampung Cempaka)	Daya Angsana Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
26	Sepang	Dengkil	Sg. Rasau (Pulau Meranti)	Bugis Holdings Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
27	Sepang	Dengkil	Sungai Semenyih (Kampung Sg. Buah)	Emmina Best Corporation Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
28	Sepang	Dengkil	Sg. Langat A (Desa Sentosa)	Strategic Success Construction & Supply	Bumiputra	Aktif
29	Sepang	Dengkil	Sg. Langat B (Kg. Simpang Empat)	Syumuur Services	Bumiputra	Aktif
30	Sepang	Dengkil	Sungai Langat (Kg. Batu 2, Dengkil)	Restu Rezeki Sdn. Bhd.	Bumiputra	Aktif
31	Sepang	Dengkil	Sungai Langat (Bukit Tampoi)	OA Basri Enterprise	Orang Asli	Aktif

KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.

Lampiran DUN 2011-03(2)

**Senarai Kontraktor Lantikan KSSB - Cucigali Sungai
Maklumat Untuk Sidang DUN Selangor, Mac 2011**

Bil	Daerah	Mukim	Nama Lokasi	Nama Kontraktor	Grup	Status
32	Selangor	Labu	Sg. Labu A (Kota Warisan)	Jasmaju Enterprise	Bumiputra	Aktif
33	Selangor	Labu	Sg. Labu B	Koperasi Asli Selangor Berhad	Orang Asli	Aktif
34	Gombak	Ulu Klang	Sungai Kelang/Ampang (Kg. Berembang; Smart Tunnel)	Perniagaan Elektrik Mals (Kontrak telah tamat)	Bumiputra	Tamat
35	Hulu Langat	Hulu Langat	Sungai Langat (Sg. Serai A; Taman Bukit Sekawan)	Lestari Utama Services (Kontrak telah tamat)	Bumiputra	Tamat
36	Hulu Selangor	Kerling	Sungai Kerling (Kampung Jawa)	Ajoy Enterprise (Kontrak telah tamat)	Bumiputra	Tamat
37	Hulu Selangor	Rasa	Sungai Selangor (Bukit Beruntung)	Medan Kesastria (Kontrak telah tamat - tidak memulakan projek)	Bumiputra	Tamat
38	Hulu Selangor	Rasa	Sungai Selangor (Ulu Kali)	Tuaman Enterprise (Kontrak ditamatkan)	Bumiputra	Tamat
39	Hulu Selangor	Sg. Tinggi	Sungai Selangor (Bukit Tagar B)	CTF Build Sdn. Bhd. (Kontrak telah tamat - tidak memulakan projek)	Cina	Tamat
40	Hulu Selangor	Sg. Tinggi	Sungai Selangor (Kambing Susu A)	Jendela Teguh Sdn. Bhd	Cina	Tamat
41	Petaling	Damansara	Kelab Golf Seri Selangor (KGSS)	Caregress Sdn. Bhd. (Kontrak telah tamat)	Bumiputra	Tamat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PERMOHONAN STRATA TITLE

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah prosedur-prosedur yang dikenakan untuk permohonan strata title bagi kawasan perumahan atau komersial berstrata/bertingkat?
- b) Bagaimana prosedur-prosedur ini dapat diringkaskan untuk memudahkan pemohon?
- c) Senaraikan masalah-masalah yang sering dihadapi oleh kerajaan semasa memproses permohonan ini.

JAWAPAN :

- a) Adalah menjadi suatu kewajipan bagi pemilik tanah untuk memohon hakmilik strata apabila berlakunya penjualan atau perjanjian jualan petak yang melibatkan perjanjian jual beli, dan syarat-syarat asas bagi permohonan hakmilik strata telah dipenuhi. Prosedur-prosedur yang dikenakan untuk permohonan hakmilik strata bagi kawasan perumahan atau komersial berstrata/bertingkat adalah seperti berikut:-
 - i) Jenis Permohonan:
 - Pecah Bahagi Bangunan
 - Pecah Bahagi Tanah
 - ii) Syarat-syarat Bangunan:
 - Mempunyai 2 tingkat atau lebih (pecah bahagi bangunan)
 - Tidak melebihi 4 tingkat bagi setiap petak tanah
 - Diperakui sebagai Bangunan Kos Rendah (jika berkaitan)
 - Bangunan merupakan blok sementara (jika ada)
 - Bangunan didirikan dalam 1 lot
 - Diperakui siap oleh Pihak Berkuasa Tempatan/Arkitek iaitu bangunan telah memperolehi CFO/CCC
 - iii) Syarat-Syarat Tanah
 - Merupakan tanah mempunyai hakmilik
 - Tanah dipegang di bawah 1 lot
 - Tanah dipegang di bawah hakmilik tetap (FT) atau hakmilik sementara (QT) yang telah diluluskan pelan akui untuk pendaftaran hakmilik tetap
 - Baki pajakan (leasehold) sekurang-kurangnya 21 tahun

iv) Tempoh Masa Wajib Memohon Hakmilik Strata

Pemilik Tanah adalah wajib memohon hakmilik strata dalam tempoh 6 bulan tarikh CFO/CCC, atau 6 bulan dari tarikh perjanjian jual beli yang pertama, yang mana terkemudian

- b) Permohonan hakmilik strata yang sedia ada adalah terikat dengan peruntukan undang-undang Akta Hakmilik Strata 1985. Isu kerumitan permohonan hakmilik strata sepatutnya tidak timbul kerana semua syarat permohonan ini adalah untuk melindungi kepentingan pihak yang mempunyai hak ke atas permohonan tersebut. Secara ringkas, jika permohonan hakmilik strata dikemukakan memenuhi syarat mengikut Seksyen 10 Akta Hakmilik Strata 1985, tempoh masa pengeluaran hakmilik strata adalah 170 hari. Secara amnya, prosedur tersebut boleh didapati dengan merujuk kepada Akta Hakmilik Strata 1985 atau melayari Laman Web Pejabat Tanah dan Galian Selangor
- c) Masalah-masalah yang sering dihadapi semasa memproses permohonan Hakmilik Strata adalah seperti berikut:
- i) Tanah-tanah bermilik masih hakmilik sementara (QT) semasa Pemilik Tanah boleh mengemukakan permohonan pecah bahagi bangunan mengikut Subseksyen (2) Seksyen 7 Akta Hakmilik Strata 1985. Namun begitu, mengikut Subseksyen (1) Perenggan (K) Seksyen 9 Akta Hakmilik Strata 1985, permohonan pecah bahagi bangunan boleh diluluskan dengan syarat tanah itu dipegang di bawah hakmilik tetap (FT)
 - ii) Pemilik Tanah boleh mengemukakan permohonan pecah bahagi bangunan, walaupun tiada perakuan siap dan pematuhan (CCC) telah dikeluarkan kepada bangunan tersebut mengikut Subseksyen (3) Seksyen 7 Akta Hakmilik Strata 1985. Namun begitu, mengikut Subseksyen (1) Perenggan (l) Seksyen 9 Akta Hakmilik Strata 1985, permohonan pecah bahagi bangunan/tanah boleh diluluskan dengan syarat bangunan atau tanah yang hendak dipecahbagikan telah diperakui layak diduduki oleh pihak berkenaan
 - iii) Terdapat gadaian di atas hakmilik tanah oleh Pemilik Tanah yang masih belum dilepaskan oleh pemegangn gadaian (institusi kewangan)
 - iv) Pemilik Tanah bankrap / digulungkan
 - v) Pemilik Tanah sering membuat pindaan dengan menambah/mengurangkan petak utama atau petak aksesori yang melibatkan perubahan ke atas pelan cadangan strata dan juga jumlah keseluruhan unit syer bagi permbangunan tersebut
 - vi) Pemilik Tanah menghadapi masalah kewangan untuk menjelaskan bayaran penyediaan hakmilik strata, pelan strata, premium tambahan (tukar syarat nyata tanah), deposit blok sementara dan cukai tanah tertunggak

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KEKELIRUAN KUASA

120. Terdapat kekeliruan kuasa di antara Pejabat Daerah dengan PBT khususnya isu “Bangunan Tanpa Izin” dan Penggunaan tanah-tanah Kerajaan:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar:

- a) Siapakah yang bertanggung jawab sebenarnya, sehingga sesebuah premis atau bangunan berjalan terus (pembinaan) walaupun setelah notis berhenti dikeluarkan?
- b) Terangkan prosedur selanjutnya dari segi undang-undang jika masih terdapat keingkaran setelah mendapat notis pertama.

JAWAPAN :

- a) Di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis mengambil tindakan ke atas semua binaan-binaan tanpa kebenaran yang dibina di atas tanah persendirian berdasarkan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1976 (Akta 133). Kuasa yang diberi adalah untuk mengawal aktiviti pembinaan bangunan dalam kawasan PBT. Seksyen 70(1) Akta 133 memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa kebenaran bertulis dahulu dari PBT. Manakala, bangunan-bangunan tanpa kelulusan yang dibina di atas tanah Kerajaan akan diambil tindakan oleh Pejabat Tanah Daerah di bawah Kanun Tanah Negara.
- b) Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis dikehendaki memastikan pemilik memberhentikan aktiviti pembinaan melalui pengeluaran Notis Berhenti Kerja di bawah Seksyen 70 (2) di bawah Akta 133, sekiranya didapati pembinaan tersebut melencong daripada pelan lulus atau binaan tanpa kebenaran.

Sehubungan dengan itu, mana-mana bangunan/premis tanpa kelulusan tersebut akan dikeluarkan notis dalam tempoh yang ditentukan oleh PBT di bawah Seksyen 72 (1) Akta 133 yang mana akan mengarahkan pemunya tersebut untuk mematuhi mana-mana arahan yang telah diberikan sama ada:-

- i) tidak memulakan atau meneruskan pendirian bangunan itu;
- ii) meruntuhkan bangunan itu dalam masa yang dinyatakan oleh PBT; dan
- iii) mengambil langkah sebagaimana yang diperintahkan oleh PBT.

Sekiranya pemunya gagal mematuhi notis tersebut, maka seksyen 72(5) Akta 133 membolehkan pihak PBT untuk melaksanakan sendiri kehendak/arahan tersebut dan segala kos yang berkaitan akan ditanggung oleh pemunya. Namun, sebelum kerja-kerja meruntuh tersebut dilaksanakan, seksyen 72 (6) Akta 133 mengehendaki PBT untuk memberikan notis 30 hari kepada penduduk bangunan tersebut supaya mengosongkan bangunan tersebut agar pihak PBT boleh memasuki premis tersebut untuk tujuan memindahkan penghuni dan harta alih serta melaksanakan kerja-kerja perobohan sekiranya diputuskan.

Tindakan merobohkan binaan tanpa kebenaran itu hanya akan dilaksanakan sekiranya didapati pemilik tidak mematuhi Notis Mengosong yang dikeluarkan. Walaupun begitu, Majlis boleh mempertimbangkan meluluskan pelan bangunan yang melancang daripada pelan lulus tetapi dengan syarat bahawa pelan tersebut tidak melanggar apa-apa peraturan/polisi Majlis atau Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Denda akan dikenakan sebanyak 10 kali ganda fi yang telah dikenakan sebelum itu. Ini tidak akan mengecualikan seseorang daripada didakwa oleh Pihak Berkuasa Tempatan jika diputuskan untuk berbuat demikian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

**TAJUK : GERAI-GERAI DI TAMAN PUTRA (JALAN TERATAI ½)
BERHADAPAN PUTERI COURT**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah pengurus gerai-gerai tersebut.
- b) Adakah mereka mempunyai lesen perniagaan dan apakah jenis lesen?
- c) Kenapakah penjaja asing boleh berniaga ditapak tersebut? Sila nyatakan operasi yang pernah diambil oleh PBT MPAJ pada tahun 2010.

JAWAPAN :

- a) Gerai-gerai tersebut dikendalikan sendiri oleh pemilik individu gerai di bawah Persatuan Penjaja Medan Selera Taman Putra, Ampang, Selangor.
- b) Ya, sebahagian daripada 26 unit gerai telah pun mempunyai Lesen bagi tahun 2011. Jenis lesen yang dikeluarkan adalah Lesen Penjaja Statik (setahun) dan kadar caj yang dikenakan merujuk kepada jenis jualan Makanan/Minuman RM 120.00 dan lain-lain RM 240.00.
- c) Pengeluaran atau kelulusan lesen hanya dikeluarkan kepada pemohon yang bertaraf warganegara sahaja dan pihak Majlis juga telah mengeluarkan syarat di mana penggunaan pembantu bukan warganegara/warga asing atau bertaraf Penduduk Tetap juga adalah tidak dibenarkan.

Operasi yang pernah diambil oleh PBT MPAJ pada tahun 2010:

- 1. Operasi Penggredan Dan Kebersihan oleh Unit Kesihatan pada 6 Oktober 2010.
- 2. Operasi Gotong Royong di Medan Selera Taman Putra pada 31 Oktober 2010 (Ahad)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : ELAUN, TUNTUTAN DAN BONUS AHLI-AHLI LEMBAGA KUMPULAN
DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan Ahli-ahli Lembaga KDEB bagi tahun 2010.
- b) Berapakah elaun dan tuntutan bulanan setiap Ahli Lembaga KDEB bagi tahun 2010?
- c) Berapakah bonus, jika ada, yang diterima oleh setiap Ahli Lembaga KDEB bagi tahun 2010?

JAWAPAN :

- a) Ahli-ahli Lembaga Pengarah KDEB pada tahun 2010 adalah seperti berikut:-
 - i) YB. Tan Sri Dato' Abd Khalid Ibrahim (Pengerusi)
 - ii) YB Dato' Ramli Mahmud
 - iii) YB Dato' Mohd Arif AB Rahman
 - iv) YB Dato' Haji Abd Karim Munisar
- b) Jumlah elaun setiap ahli-ahli Lembaga Pengarah pada tahun 2010 ditunjukkan di Lampiran 1.
- c) Tiada bonus diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah KDEB pada tahun 2010.

Lampiran 1

SYARIKAT : KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD					
PERKARA : YURAN PENGARAH, ELAUN MESYUARAT DAN GANJARAN PENGARAH BAGI TAHUN 2010					
No.	Pengarah	Yuran Pengarah RM	Elaun Mesyuarat RM	Ganjaran Pengarah (RM10,000 sebulan) RM	Jumlah RM
1	YAB Tan Sri Dato' Abd Khalid Ibrahim - Pengerusi	100,000	20,000	120,000	240,000
2	YB Dato' Ramli Mahmud	70,000	9,000	-	79,000
3	YB Dato' Mohd Arif Ab Rahman	70,000	6,000	-	76,000
4	YB Dato' Haji Abd Karim Munisar	70,000	12,000	-	82,000
		310,000	47,000	120,000	477,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan 10 destinasi tarikan pelancongan Negeri Selangor yang popular mengikut susunan daerah dan jumlah pelancong yang datang melawat Negeri Selangor pada tahun 2010?
- b) Sila huraikan apakah bentuk promosi yang bakal dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi merangsangkan sektor pelancongan khususnya mempromosikan DUN Sekinchan sebagai sebuah destinasi pelancongan agro-tourism yang baru?
- c) Sila nyatakan bilakah cadangan projek pembinaan sebuah hotel baru yang bertaraf 3 bintang akan dimulakan oleh PKNS di Pantai Redang Bagan Sekinchan demi untuk memenuhi keperluan dan permintaan yang semakin tinggi terhadap pusat penginapan di DUN Sekinchan?

JAWAPAN :

- a) 10 destinasi tarikan pelancongan Negeri Selangor yang popular mengikut susunan daerah adalah seperti berikut :-

BIL	DESTINASI TARIKAN PELANCONGAN	DAERAH
1	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Biru)	Petaling
2	Bukit Malawati	Kuala Selangor
3	Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz	Klang
4	Sunway Lagoon	Petaling
5	Kelip-kelip	Kuala Selangor
6	Dong Zen	Kuala Langat
7	Sepang Goldcoast	Sepang
8	Batu Caves	Gombak
9	FRIM (Forest Research Institute of Malaysia)	Gombak

10	Hutan Lipur Kanching	Gombak
11	i-City (ikon pelancongan baru)	Shah Alam

Jumlah pelancong yang datang melawat Negeri Selangor pada tahun 2010 adalah seperti berikut :-

PELANCONG TEMPATAN	3,245,659
PELANCONG ASING	2,588,199
JUMLAH	5,833,858

- b) Tourism Selangor mempunyai pelbagai bentuk dan saluran promosi pelancongan dalam usaha merangsang industri pelancongan Negeri Selangor. Berikut adalah senarai agenda promosi pelancongan yang sedang dan bakal dijalankan oleh pihak Tourism Selangor;

Program promosi peringkat antarabangsa yang telah disertai dan bakal disertai sepanjang 2011

Bil.	Program	Destinasi	Tarikh
1	Asean Travel Fair	Phnom Cambodia Penh,	15 – 21 Jan 2011
2	Fascinating Malaysia Travel Fair Selangor	Singapore	21 – 23 Jan 2011
3	Seminar & Travel Mart for Central Region	Singapore	22 Mac 2011
4	PATA Beijing	China	9 – 12 Apr 2011

5	ITHF, Jakarta	Indonesia	8 – 10 Apr 2011
6	Arabian Travel Mart	UAE	2 – 5 Mei 2011
7	Hong Kong Travel Fair	Hong Kong	9 – 12 Jun 2011
8	ITE, Vietnam	Vietnam	30 Sept – 2 Okt 2011
9	Tara Na Sa Malaysia Travel Fair	Filipina	8 – 10 Okt 2011
10	JATA, Japan	Jepun	29 Sept – 2 Okt 2011

1) Program promosi peringkat domestik sepanjang 2011

Bil.	Program	Tarikh
1	MASUM 2011	14 – 16 JAN 2011
2	LE TOUR DE LANGKAWI (SKUAD SELANGOR SHINES)	28 – 29 JAN 2011
3	SAMBUTAN 3 TAHUN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR DAN PELANCARAN BUKU JINGGA	5 – 6 MAC 2011
4	PESTA AIR, BAGAN LALANG	19 – 20 MAC 2011
5	SKUAD SELANGOR SHINES – DI PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SELANGOR (KESELURUHAN IALAH 90 BUAH SEKOLAH)	Sepanjang 2011 bermula dari 28 Feb 2011
6	SKUAD SELANGOR SHINES – PROGRAM PROMOSI BERSAMA AEON (PULAU PINANG, JOHOR, MELAKA, CHERAS DAN BUKIT TINGGI, SELANGOR)	Sepanjang 2011 bermula dari 15 Apr 2011
7	MATTA FAIR (JOHOR, SABAH, SARAWAK, KELANTAN)	Sepanjang 2011
8	MISI JUALAN DOMESTIK, SARAWAK	5 – 11 Apr 2011

- 2) Percetakan bahan risalah dan brosur pelancongan Negeri Selangor adalahlah seperti berikut;

Bil	Jenis bahan promosi bercetak
1	CD Selangor Breakaway
2	DVD Selangor
3	Peta pelancongan Selangor
4	Risalah Selangor (general)
5	Homestay in Selangor
6	Selangor Coffee Table
7	Risalah pelancongan setiap daerah

- 3) Terbitan majalah, akhbar, laman sesawang dan media elektronik

Bil	Jenis bahan promosi bercetak
1	Keluaran khas Selangor Vision
2	Majalah Travel 3 Sixty°
3	Majalah Libur

4) Familiarization Tour (Fam Tour)

Bil.	Program	Tarikh
1.	Fam Tour bagi Agensi Pelancongan Singapura	28 – 31 Jan 2011
1.	Selangor Shines Fam Tour 2011	Bulan Jun/ Julai 2011

Kesemua siri promosi yang disertai oleh Tourism Selangor turut bersama mempromosikan seluruh daerah, produk dan destinasi pelancongan menarik Negeri Selangor termasuk kawasan DUN Sekinchan.

Terdapat beberapa tempat di kawasan DUN Sekinchan berpotensi untuk menjadi daya tarikan pelancong namun perlu di pantau terutamanya daripada aspek kebersihan dan keselamatan pengunjung sama ada domestik mahupun antarabangsa.

- c) PKNS telah menghantar permohonan pemilikan tanah seluas 4.5 ekar kepada Pejabat Tanah Daerah Sabak Bernam pada 15 Oktober 2010. Pejabat tersebut sedang menyediakan kertas cadangan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Selain itu, PKNS dalam peringkat akhir penyediaan cadangan pembangunan untuk membina satu blok hotel 3 bintang 3 tingkat yang mengandungi 101 bilik dan kemudahan-kemudahan lain. PKNS akan mengemukakan Kebenaran Merancang apabila kelulusan pemilikan tanah kepada PKNS telah diluluskan.

Setelah pelan pembangunan diluluskan dalam tempoh 2 minggu kerja-kerja tapak akan dimulakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KUASA ADUN

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Ahli Dewan Negeri (ADUN) mempunyai kuasa dalam membuat pemantauan dan juga dalam penambahbaikan kualiti kerja, oleh PBT atau Pejabat Daerah di kawasan ADUN tersebut kerana terdapat kerja-kerja yang tidak mengikut piawaian yang ditetapkan yang merugikan Kerajaan Negeri lebih menyedihkan kadangkala ADUN sendiri tidak dimaklumkan tentang kerja-kerja tersebut.

JAWAPAN :

- a) Dalam penambahbaikan kualiti kerja di peringkat PBT, Ahli Dewan Negeri boleh menyuarakan cadangan dan pandangan mereka sama ada melalui surat-menyurat, kertas kerja dan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kecil di mana ADN dan Ahli Parlimen dibenarkan untuk dilantik menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa tersebut manakala kehadiran pemerhati adalah bergantung pada kelulusan dan persetujuan Ahli Majlis. ini adalah bertepatan dengan peruntukan Seksyen 23, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Walau bagaimanapun, bagi Mesyuarat Penuh Ahli Majlis, ADN adalah dijemput sebagai pemerhati di mana pemerhati tidak dibenarkan mengambil bahagian di dalam mesyuarat Penuh Ahli Majlis melainkan dijemput atau dibenarkan oleh Pengerusi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA KAWASAN
(TERATAI)**

**TAJUK : PENJAJA PASAR PAGI TAMAN MUDA DAN PASAR PAGI EXPO
(BELAKANG PASAR TAMAN MUDA)**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila lukis satu pelan dengan nama penjaja, jenis jualan dan juga lesen yang diperolehi.
- b) Berapakah lesen dikeluarkan oleh PBT dalam kedua-dua pasar ini, sila terangkan mengikut kategori.
- c) Berapakah lesen yang baru telah dikeluarkan bagi tahun 2009 dan 2010 dan di antaranya berapakah yang tukar pemilik. Sila lampirkan nama, jenis jualan dan jenis lesen.

JAWAPAN :

**JUMLAH LESEN & PENIAGA PASAR TANI YANG DIKELUARKAN PADA TAHUN 2009 &
2010**

a):

BIL	LOKASI	TAHUN 2009 & 2010
1.	TAMAN KOSAS	23
2.	KG PANDAN	67
3.	TAMAN SERAYA	27
4.	TAMAN MELAWATI	110
5.	TMN DATO' AHMAD RAZALI	44
6.	TAMAN KERAMAT	22

b):

PENGELUARAN LESEN BAGI TAHUN 2009

BIL	NAMA PENIAGA	KAWASAN P.PAGI	JENIS JUALAN
1.	CHOW SIEW YEE	TMN MUDA	PAKAIAN & AKSESORI WANITA
2.	TIAW CHEE CHEONG	TMN MUDA	KEK & BISKUT
3.	NG CHOI LIN	TMN MUDA	BUAH- BUAHAN, SAYUR- SAYURAN & BISKUT
4.	WONG SIEW MOOI	TMN MUDA	PERHIASAN WANITA
5.	MAK MEE FUN	T. MUDA T. EKSPLO	BUAH-BUAHAN
6.	CHOO FOOK SEONG	T. MUDA T. EKSPLO	SAYUR-SAYURAN
7.	JASU DASS A/L ANTONYSAMY	T.MUDA T. EKSPLO	PAKAIAN
8.	VICTORIA A/P VEREN	T. MUDA T. EKSPLO	PAKAIAN
9..	WONG KIM YUN	T. MUDA T. EKSPLO	PAKAIAN
10.	CHU MOOI HEONG	T.MUDA T.EKSPLO	KASUT
11.	WONG KAM WOON	T.MUDA T. EKSPLO	PAKAIAN
12.	WONG WAI KUEN	T. MUDA T.EKSPLO	BARANGAN RUNCIT
13.	HEW CHOY PIN	T.MUDA T.EKSPLO	BUNGA
14.	JAPELUS SAFEE	T.MUDA T.EKSPLO	CENDAWAN
15.	LING YEE HUI	T.MUDA T.EKSPLO	PAKAIAN & MEE

c) :

PENGELUARAN LESEN BAGI TAHUN 2010

BIL	NAMA PENIAGA	KAWASAN P.PAGI	JENIS JUALAN
1.	CHON FEI LENG	TMN MUDA	IKAN
2.	LAI CHEE YONG	TMN MUDA	RUNCIT